

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI KEDAH**  
Tahun 2011





## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI KEDAH**  
Tahun 2011





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pengurusan Rumah Milik Kerajaan Negeri	24
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pengurusan Bantuan Am	33
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Majlis Agama Islam Negeri Kedah Pengurusan Pensijilan Halal	45
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pengurusan Kes Mal dan Jenayah	53
Pejabat Tanah Kulim Pengurusan Pengeluaran dan Pemindahan Bahan Batuan	63
Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Pengurusan Kompleks Sukan	73
Majlis Daerah Kubang Pasu Majlis Daerah Baling Pengurusan Kemudahan Awam	84
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	103
Perbadanan Menteri Besar Kedah Kedah Corporation Berhad	103
Perbadanan Menteri Besar Kedah Kedah Agro Industries & Marketing Berhad	116
Perbadanan Menteri Besar Kedah Permodalan Kedah Berhad	126
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd.	140

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAHAGIAN III - PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	159
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010	159
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	165
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	166
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007	168
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2010	170
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah	170
<b>PENUTUP</b>	173



---

## KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan.
2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 9 Jabatan/Agensi Negeri dan 4 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

<b>Bahagian I</b>	: <b>Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri</b>
<b>Bahagian II</b>	: <b>Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri</b>
<b>Bahagian III</b>	: <b>Perkara Am</b>
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2011 yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 44 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for*

*money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**25 Jun 2012**



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

#### - Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah

1.1. Program Perumahan Awam Kos Rendah bertujuan menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah agar matlamat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan membasi kemiskinan dapat dicapai. Program PAKR Negeri Kedah telah diluluskan mulai Rancangan Malaya Kedua 1961-1965 sehingga Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) tahun 2001-2005 melibatkan perbelanjaan berjumlah RM182.45 juta. Peruntukan perbelanjaan tersebut diperolehi daripada Kerajaan Negeri dan secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM14.71 juta dan RM167.74 juta. Program ini diurus oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah melalui kaedah sewa beli. Sehingga Disember 2011, sebanyak 79 PAKR di 12 Daerah melibatkan 12,749 unit rumah awam kos rendah yang terdiri dari 9,548 rumah teres, 700 rumah sesebuah dan 2,501 rumah pangsa telah siap dibina dan menerima Sijil Layak Menduduki. Berdasarkan taksiran isi rumah tahun 2011, pemohon yang layak memohon PAKR adalah bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,250 sebulan. Setiap pemohon yang berjaya hendaklah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri sebelum rumah diserahkan untuk diduduki. Rumah tersebut akan ditukarkan hak milik kepada pemohon selepas semua pembayaran diselesaikan seperti yang ditetapkan oleh perjanjian.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati pengurusan PAKR adalah tidak memuaskan dan perlu diambil tindakan penambahbaikan dengan segera. Antara kelemahan yang ditemui adalah:

1.2.1. Pengeluaran hak milik kepada 2,287 penghuni yang menyelesaikan bayaran antara 2 hingga 19 tahun belum dibuat.

1.2.2. Pengurusan penyenggaraan yang tidak teratur, meragukan dan tidak munasabah.

1.2.3. Kelewatan mengagihkan rumah yang belum diduduki.

1.2.4. Tindakan tidak diambil terhadap pembeli yang mempunyai tunggakan sewa yang tinggi.

1.3. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perumahan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**1.3.1.** Memastikan surat hak milik bagi penghuni yang telah menyelesaikan bayaran ansuran dikeluarkan dengan segera. Kelewatian pengeluaran hak milik menyebabkan kutipan hasil tidak dapat dikutip manakala tuntutan hak milik sukar diselesaikan sekiranya berlaku kematian atau perceraian.

**1.3.2.** Memastikan peraturan mengenai perolehan kerja dipatuhi seperti pelantikan kontraktor yang berdaftar, pembayaran hanya dibuat kepada kerja yang sebenar dilaksanakan mengikut skop kerja yang ditetapkan. Tindakan surcaj perlu diambil sekiranya pegawai yang bertanggungjawab didapati cuai dalam melaksanakan tugas.

**1.3.3.** Membuat siasatan segera bagi menentukan pegawai yang bertanggungjawab membuat bayaran yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap mereka yang terlibat. Begitu juga tuntutan bayaran balik terhadap kerja yang tidak dilaksanakan perlu dibuat dengan segera dan kontraktor tersebut disenaraihitamkan daripada mengambil bahagian di dalam sebarang kontrak Kerajaan Negeri.

**1.3.4.** Rumah kosong hendaklah diagih dengan segera kepada pemohon yang berkelayakan bagi memastikan kos penyenggaraan dapat dikurangkan dan hasil sewaan dapat dikutip.

**1.3.5.** Memastikan tindakan penguatkuasaan diambil supaya tunggakan hasil dapat dikutip.

## **2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

### **- Pengurusan Rumah Milik Kerajaan Negeri**

**2.1.** Rumah milik Kerajaan Negeri Kedah merupakan rumah yang dibina oleh Kerajaan Negeri untuk kediaman pegawai yang layak mengikut syarat di dalam Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Kerajaan Tahun 1974). Selain itu, Kerajaan Negeri juga membenarkan rumah Kerajaan ini digunakan bagi tujuan tertentu atau dikenakan sewa pada kadar yang ditetapkan. Pengurusan rumah Kerajaan Negeri Kedah diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK), Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah dan Pejabat Daerah di setiap Daerah. Sehingga bulan Oktober 2011, terdapat sejumlah 505 unit rumah Kerajaan di Negeri Kedah diselia oleh Pejabat SUK, JKR dan Pejabat Daerah.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan rumah Kerajaan seperti berikut:

**2.2.1.** Hak milik rumah Kerajaan yang tidak dapat dikenal pasti.

**2.2.2.** Terdapat pegawai yang tidak layak menduduki rumah Kerajaan.

**2.2.3.** Kontrak penyewaan rumah Kerajaan yang tidak dipatuhi.

- 2.2.4.** Hasil sewaan tidak dimasukkan ke dalam hasil Negeri.
- 2.2.5.** Tunggakan sewa yang belum dibayar kepada Kerajaan Negeri.
- 2.3.** Pengurusan rumah Kerajaan masih boleh dipertingkatkan sekiranya beberapa kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki dengan memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
- 2.3.1.** Pejabat SUK hendaklah mengkaji sama ada rumah Kerajaan yang tidak berpenghuni sesuai dijadikan sebagai rumah penginapan, disewakan kepada orang ramai yang berminat atau dijual sekiranya tidak diperlukan.
- 2.3.2.** Pejabat SUK hendaklah mengambil tindakan bagi mengenal pasti status pemilikan rumah Kerajaan dan menentukan pihak yang bertanggungjawab menguruskan rumah tersebut.
- 2.3.3.** Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR Daerah hendaklah memastikan terma perjanjian dipatuhi dan kelulusan khas diperolehi bagi bayaran sewa yang tidak dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan Negeri.
- 3. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI**
- **Pengurusan Bantuan Am**
- 3.1.** JKM telah dipertanggungjawab mengadakan program bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan dan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bantuan Am merupakan salah satu bantuan yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM40.77 juta peruntukan kewangan telah diluluskan dan RM39.29 juta telah dibelanjakan. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 63,261 permohonan bantuan telah diterima oleh JKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28,185 permohonan atau 44.6% telah diluluskan dan 32,143 permohonan atau 50.8% telah ditolak manakala baki 2,933 permohonan atau 4.6% masih disiasat. Pengurusan aktiviti Bantuan Am telah mendapat pengiktirafan SIRIM melalui persijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2008.
- 3.2.** Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya Bantuan Am telah berjaya membantu mengurang dan meringankan kesulitan kewangan individu/keluarga yang dalam kesempitan hidup atau kurang mampu. Namun terdapat beberapa kelemahan dari aspek pengurusan aktiviti Bantuan Am yang perlu diberi perhatian oleh JKM seperti:
- 3.2.1.** Kelewatan membuat siasatan dan kelulusan permohonan baru.
- 3.2.2.** Kajian semula terhadap penerima bantuan lewat dijalankan.

**3.2.3.** Keselamatan agihan wang bantuan secara tunai tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

**3.2.4.** Bayaran masih diteruskan kepada penerima bantuan yang meninggal dunia dan wang yang tidak dituntut lewat dikembalikan kepada Bendahari Negeri.

**3.3.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan Bantuan Am, adalah disyorkan JKM mengambil tindakan berikut:

**3.3.1.** Menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang cuai dalam membuat pembayaran kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia kerana perkara yang sama telah dilaporkan pada tahun 2007.

**3.3.2.** Memastikan wang yang tidak dapat diagih dikembalikan kepada Bendahari Negeri di dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak disimpan dalam akaun PKMD.

**3.3.3.** Mewujudkan perkongsian data antara JKM dan JPN bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai status penerima bantuan pada setiap masa.

**3.3.4.** Membuat bayaran bantuan melalui akaun bank penerima sepenuhnya kecuali bagi penerima yang tua dan uzur.

**3.3.5.** Menyediakan perancangan bagi memastikan kelewatan dalam siasatan, meluluskan permohonan dan kelewatan menjalankan kajian semula dapat diatasi.

#### **4. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH**

##### **MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH**

###### **- Pengurusan Pensijilan Halal**

**4.1.** Sijil Pengesahan Halal (SPH) merupakan dokumen rasmi yang menyatakan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barang, aktiviti atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa. Pengurusan pensijilan halal bagi Negeri Kedah melibatkan 2 Agensi Negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK). MAIK bertanggungjawab dalam menyelaras dasar pengurusan SPH dan kutipan hasil SPH. Manakala JHEAIK bertanggungjawab dalam pelaksanaan pengeluaran SPH kepada pengusaha makanan, minuman, barang gunaan orang Islam, premis makanan dan rumah sembelihan serta aktiviti penguatkuasaan terhadap pemegang SPH.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati wujud beberapa kelemahan dalam Pengurusan Pensijilan Halal. Antara kelemahan yang ditemui adalah:

**4.2.1.** Kelewatan pengeluaran sijil halal.

- 4.2.2.** Kelemahan dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.
- 4.2.3.** Perkhidmatan rujukan maklumat halal tidak dikemas kini.
- 4.3.** Bagi memastikan pengurusan SPH dibuat dengan teratur, pihak JHEAIK dan MAIK perlu mengambil langkah-langkah berikut:
- 4.3.1.** MAIK perlu menyediakan jadual mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal mengikut kesesuaian dan memastikan tiada SPH dikeluarkan kepada pemilik perniagaan tanpa kelulusan Panel Pengesahan Halal.
- 4.3.2.** Pemantauan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berkala dan bersepada oleh JHEAIK bagi memastikan produk yang menggunakan SPH suci dan halal mengikut lunas syarak dan mengelakkan penggunaan SPH tamat tempoh.
- 4.3.3.** JHEAIK hendaklah sentiasa mengemas kini senarai pemegang SPH di laman sesawang bagi tujuan rujukan orang awam mengenai status produk halal. MAIK juga boleh dipertanggungjawabkan bagi mengemas kini maklumat pemegang SPH berdasarkan penglibatan MAIK sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal.
- 4.3.4.** JHEAIK perlu mengemukakan permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bagi mengisi kekosongan jawatan supaya pengurusan SPH dapat dijalankan dengan berkesan.

## **5. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI**

### **- Pengurusan Kes Mal Dan Jenayah**

- 5.1.** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSN) telah ditubuh untuk menguruskan pengadilan kes mal dan jenayah berdasarkan Hukum Syarak dan Perundangan Islam. Mengikut peruntukan di dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Mahkamah Syariah (Mahkamah) di Negeri Kedah terdiri daripada Mahkamah Tinggi Syariah (MTS), Mahkamah Rayuan Syariah dan 11 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS). Fungsi utama JKSN adalah untuk menguruskan permohonan pendaftaran dan perbicaraan kes mal dan jenayah, menguruskan perintah mahkamah dan pengeluaran perakuan faraid.
- 5.2.** Mengikut Laporan Statistik JKSN, sebanyak 33,007 kes mal dan 3,781 kes jenayah telah didaftarkan bagi tempoh 2009 hingga 2011 di Negeri Kedah. Jumlah kes yang telah selesai bagi tempoh sama adalah 26,390 kes mal atau 79.9%, dan 2,941 kes jenayah atau 77.8%. Penemuan Audit mendapati prestasi penyelesaian kes mal dan jenayah meningkat setiap tahun. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti:
- 5.2.1.** JKSN tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesuatu kes patut diselesaikan atau diberi keutamaan untuk diselesaikan dengan segera.

- 5.2.2.** Notis permohonan kes jenayah lewat didaftarkan.
- 5.2.3.** Kes rayuan belum didaftar dan dibicarakan. Sebanyak 44 kes rayuan yang terdiri daripada 39 kes rayuan mal dan 5 kes rayuan jenayah yang telah didaftar sejak tahun 1999 hingga 2009, belum dibicarakan kerana rekod rayuan tidak dikemukakan oleh MRS terlibat.
- 5.2.4.** Kes jenayah lewat didaftarkan.
- 5.2.5.** Kes jenayah ditutup dan OKT dibebaskan.
- 5.2.6.** Wang jaminan diri tidak dikutip.
- 5.2.7.** Sistem maklumat Mahkamah Syariah tidak dikemas kini dan 3 modul tidak diguna.
- 5.3.** Bagi memastikan pengurusan kes dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen adalah disyorkan JKSN melaksanakan perkara-perkara berikut:
- 5.3.1.** Menetapkan had masa bagi menyelesaikan sesuatu kes dan memberi keutamaan terhadap kes belum selesai yang terdiri daripada kes lama dan kes rayuan yang masih belum dibicarakan.
- 5.3.2.** Mengemaskini data dalam sistem pengurusan maklumat e-Syariah yang diguna pakai oleh semua Mahkamah Syariah bagi memudahkan rujukan/semaikan serta meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian kes.
- 5.3.3.** Memastikan keseragaman pelaksanaan undang-undang berkenaan wang jaminan diri selaras dengan Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah 1988 (Pindaan 1999).
- 6. PEJABAT TANAH KULIM**
- **Pengurusan Pengeluaran Dan Pemindahan Bahan Batuan**
- 6.1.** Pejabat Tanah Kulim (PTK) merupakan 1 daripada 12 Pejabat Tanah di negeri Kedah yang menguruskan pelbagai aktiviti berkaitan pentadbiran tanah dan memungut hasil tanah seperti cukai tanah, premium tanah, royalti dan hasil lain berkaitan permit pemindahan bahan batuan dan bayaran pentadbiran tanah. Royalti bahan batuan merupakan antara penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Kedah. Untuk memastikan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan diuruskan dengan teratur dan sempurna, proses pengeluaran permit bahan batuan dilaksanakan di bawah peruntukan KTN, Aturan Tanah Kedah 1966 (ATK) dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Malaysia.
- 6.2.** Bagi meningkatkan hasil negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah memutuskan semua agensi dan jabatan yang terlibat dengan kutipan hasil agar memperkemaskan proses pengeluaran permit kuari/pasir dan mempercepatkan tindakan penguatkuasaan denda. Cadangan pelaksanaan bayaran royalti tanah merah secara pukal

(lump sum) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Di samping itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan kaedah usahasama dalam projek kuari batu/pasir di mana Kerajaan Negeri yang diwakili syarikat subsidiarinya memegang 51% dan pengusaha memegang 49% dalam projek berkenaan. Royalti Bahan Batuan dipungut oleh pejabat tanah adalah berdasarkan kuantiti pengeluaran yang diperolehi daripada tanah Kerajaan dan tanah bermilik. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memungut royalti bahan batuan berjumlah RM55.57 juta iaitu RM19.32 juta pada tahun 2009, RM18.45 juta pada tahun 2010 dan RM17.80 juta pada tahun 2011. PTK merupakan penyumbang hasil kedua tertinggi bagi tahun 2009 dan 2010 iaitu masing-masing berjumlah RM2.13 juta dan RM3.22 juta.

**6.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Antara kelemahan yang didapati adalah:

**6.3.1.** Tuggakan royalti tidak dijelaskan.

**6.3.2.** Perusahaan kuari di tanah bersyarat pertanian.

**6.3.3.** Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan.

**6.4.** Pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan di PTK boleh dipertingkatkan sekiranya kelemahan yang dikenalpasti dapat diperbaiki dengan memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

**6.4.1.** Meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan dengan menjalankan lawatan ke tapak pengusaha secara berkala bagi memastikan segala syarat dan peraturan berkaitan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan dipatuhi.

**6.4.2.** Menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepada dengan jabatan teknikal yang terlibat dengan pengeluaran bahan batuan seperti JPS, JKR, JPJ dan Majlis Perbandaran Kulim bagi menjalankan operasi pemantauan dan penguatkuasaan.

**6.4.3.** Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha yang melanggar syarat tanah dan gagal membayar tuggakan royalti.

## **7. PERBADANAN STADIUM-STADIUM NEGERI**

### **- Pengurusan Kompleks Sukan**

**7.1.** Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah (Perbadanan) ditubuhkan pada 8 Ogos 1971 di bawah Enakmen Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah, Tahun 1971 dan telah dibubarkan pada tahun 1989. Bagaimanapun, Perbadanan beroperasi semula pada 1 November 2006 setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) memutuskan supaya kompleks sukan milik Kerajaan Negeri ditadbir di bawah pentadbiran Perbadanan ini.

**7.2.** Perbadanan telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk menguruskan kompleks sukan iaitu Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Akuatik Negeri Kedah, Kompleks Sukan Muadzam Shah, Lapang Sasar dan Gelanggang Boling Padang. Kompleks sukan tersebut menyediakan kemudahan sukan dalam bentuk sebuah padang dan gelanggang untuk kegunaan permainan seperti Bola Sepak, Hoki, Olahraga, Badminton, Sepak Takraw, Renang, Menembak, Boling Padang dan lain-lain.

**7.3.** Objektif penubuhan Perbadanan adalah untuk mewujudkan pengurusan yang sistematik dan berkesan. Visinya adalah untuk menjadikan kompleks sukan yang kompetitif dan memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat bagi melahirkan generasi yang aktif dan cergas. Manakala Misi Perbadanan adalah untuk memastikan kompleks sukan di bawah pengurusannya sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan memberi sumbangan ke arah pembentukan masyarakat sihat.

**7.4.** Pengauditan yang dijalankan dari bulan September hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kompleks sukan oleh Perbadanan adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan pengurusan kompleks sukan yang dikenal pasti seperti:

**7.4.1.** Penggunaan kompleks sukan tidak memuaskan.

**7.4.2.** Tunggakan hasil penggunaan kompleks sukan meningkat.

**7.4.3.** Pengubahsuaian ruang niaga tanpa kebenaran.

**7.4.4.** Kerosakan kompleks sukan yang belum dibaiki.

**7.4.5.** Kawalan keselamatan tidak memuaskan.

**7.5** Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan juga bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan adalah disyorkan supaya Perbadanan mengambil tindakan berikut:

**7.5.1** Menyelaras program atau aktiviti bersama Persatuan supaya aktiviti sukan berkenaan dapat dipertingkatkan bagi menjana pendapatan Perbadanan.

**7.5.2** Mengambil tindakan perundangan terhadap penghutang tegar.

**7.5.3** Membina pagar di bahagian belakang Kompleks Sukan Muadzam Shah bagi mengelak daripada pencerobohan.

**8. MAJLIS DAERAH KUBANG PASU  
MAJLIS DAERAH BALING  
- Pengurusan Kemudahan Awam**

**8.1.** Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Majlis Daerah Baling (MDB) ditubuhkan pada 1 April 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Operasi perkhidmatan dan kawalan pembangunan bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis) ini meliputi 13 penempatan di Daerah Kubang Pasu dan 5 penempatan di Daerah Baling. Kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, kawasan, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi oleh masyarakat setempat. Secara umumnya, kemudahan ini dikategorikan kepada 3 iaitu pengurusan kejiranan, rekreasi dan riadah serta prasarana.

**8.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kemudahan awam Majlis masih boleh dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik memandangkan terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti:

**8.2.1.** Kemudahan yang siap dibina tidak digunakan.

**8.2.2.** Kemudahan awam serta komponennya tidak disenggara dengan sempurna.

**8.2.3.** Tunggakan sewa ruang niaga yang tinggi.

**8.2.4.** Tiada perlindungan insurans kebakaran ataupun tanggungan awam (*public liability*) terhadap bangunan/tempat tumpuan awam.

**8.2.5.** Pengubahsuaian gerai tanpa kebenaran.

**8.3.** Bagi memastikan pengurusan kemudahan awam diuruskan dengan cekap dan berkesan, Majlis adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara berikut:

**8.3.1.** Membuat perancangan yang lebih berkesan bagi mempromosikan tempat perniagaan sedia ada yang kurang mendapat sambutan dan juga mempelbagaikan penggunaan ke atas kemudahan yang telah disediakan. Majlis juga perlu membuat kajian kemungkinan sebelum membina sesebuah kemudahan awam agar ianya mampu memberi manfaat kepada orang awam.

**8.3.2.** Menyediakan rancangan penyenggaraan kemudahan awam untuk tujuan kerja penyenggaraan secara berkala dan terancang.

**8.3.3.** Mempergiatkan usaha memungut tunggakan sewa gerai Majlis agar tunggakan tidak terus meningkat.

**8.3.4.** Mengambil perlindungan insurans terhadap bangunan/tempat tumpuan awam bagi melindungi Majlis daripada membayar sebarang tuntutan daripada orang awam sekiranya berlaku bencana yang tidak dijangka.

**8.3.5.** Peraturan terhadap pengubahsuaian bangunan Majlis hendaklah dikuatkuasakan bagi menjaga kepentingan Majlis.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH**

### **9. PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH**

- **Kedah Corporation Berhad**

**9.1.** Kedah Corporation Berhad (KCB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed). KCB telah ditubuh dan didaftarkan pada 15 Mei 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal diterbitkan RM1 juta. Objektif utama penubuhan syarikat adalah untuk memajukan aktiviti perlombongan dan pertanian di peringkat antarabangsa.

**9.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan November hingga Disember 2011 mendapati kedudukan kewangan KCB adalah lemah kerana mencatatkan kerugian sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Pengurusan aktiviti bagi projek pembalakan dan perladangan di Papua New Guinea didapati terdapat beberapa kelemahan seperti pelaburan yang tidak menguntungkan, pinjaman dilakukan tanpa kelulusan ALP dan pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Manakala bagi projek 99 East di Langkawi didapati terdapat kelemahan dari segi prestasi projek tidak mengikut perancangan dan pelanggaran syarat perjanjian. Selain itu, KCB juga didapati tidak mengamalkan tadbir urus korporat yang baik di mana terdapat ketidakpatuhan terhadap Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan serta pengurusan pelaburan yang lemah.

**9.3.** Bagi membolehkan objektif penubuhan KCB dicapai seperti mana yang telah ditetapkan, KCB perlu menangani kelemahan yang telah dibangkitkan. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, KCB disyorkan melaksanakan perkara berikut:

**9.3.1.** Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

**9.3.2.** Melakukan *due diligence* dan kajian *feasibility* sebelum melakukan pelaburan yang bernilai tinggi.

**9.3.3.** Mengambil langkah-langkah pencegahan dan membuat tindakan pembetulan berdasarkan kaedah dan tatacara kerajaan dan undang-undang sedia ada ke atas perkara-perkara yang dibuat teguran.

## **10. PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH**

- **Kedah Agro Industries & Marketing Sdn. Bhd.**

**10.1.** Kedah Agro Industries & Marketing Berhad (KAIMB) telah ditubuhkan pada 8 Ogos 2006 dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal diterbitkan RM0.5 juta. KAIMB merupakan syarikat milik penuh Kedah Agro Holding Berhad (KAHB) iaitu sebuah syarikat di bawah Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed).

**10.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September 2011 hingga Oktober 2011 mendapati pada umumnya, prestasi KAIMB adalah tidak memuaskan. KAIMB hanya memperolehi keuntungan pada tahun 2008 dan kemudiannya mengalami kerugian pada 2 tahun berikutnya. Pengurusan aktiviti KAIMB seperti projek ternakan udang di Kerpan dan projek tanaman getah dan kelapa sawit juga terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan perjanjian dan pemantauan. Manakala dalam aspek tadbir urus korporat pula terdapat beberapa kelemahan seperti tidak mengikuti pekeliling Kerajaan yang ditetapkan.

**10.3.** Bagi membolehkan objektif penubuhan KAIMB tercapai, pengurusan syarikat perlu menangani kelemahan yang telah dibangkitkan dalam laporan ini. KAIMB disyorkan melaksanakan perkara berikut:

**10.3.1.** Perjanjian yang ditandatangani hendaklah menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan sebolehnya dirujuk kepada Penasihat Undang - Undang Negeri terlebih dahulu sebelum ianya dimeterai.

**10.3.2.** Berunding dengan KASB untuk penyelesaian tunggakan hutang projek ternakan udang.

**10.3.3.** Perundingan dengan FELCRA hendaklah dijalankan dengan segera untuk menyemak kandungan perjanjian supaya ianya lebih adil untuk kedua - dua pihak.

**10.3.4.** Melaksanakan pemantauan lebih berkesan terhadap projek kendalian KAIMB.

**10.3.5.** Mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling berkaitan Syarikat Kerajaan.

## **11. PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH**

- **Permodalan Kedah Berhad**

**11.1.** Permodalan Kedah Berhad (PKB) telah diperbadankan pada 20 Januari 1994 dan merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed). PKB ditubuhkan dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.50 juta. Aktiviti perniagaan utama PKB adalah di dalam bidang pelaburan, pembangunan hartanah dan perlombongan. Aktiviti awal PKB bermula dengan pelancaran tabung Amanah Saham Kedah pada tahun 1995 yang kini diuruskan oleh Amanah Saham

Kedah Berhad. PKB juga mempunyai lesen Kontraktor Kelas ‘A’ melalui anak syarikatnya iaitu Pembinaan Sintok Sdn. Bhd.. Bagi memastikan operasi syarikat berjalan lancar, PKB telah menubuhkan 5 buah syarikat subsidiari yang mana masing-masing mempunyai fungsi yang khusus.

**11.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati pengurusan aktiviti PKB adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Prestasi kewangan PKB secara keseluruhannya adalah memuaskan. PKB mengalami kerugian pada tahun 2008 sejumlah RM0.55 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2009 dan 2010 PKB mendapat keuntungan masing-masing berjumlah RM0.71 juta dan RM0.70 juta. Pengurusan aktiviti secara keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

**11.2.1.** Sebanyak 18 unit rumah kedai di Taman Wira Mergong yang dibeli belum dipindah milik kepada PKB.

**11.2.2.** Tunggakan sewa rumah kedai adalah tinggi.

**11.2.3.** Perjanjian usahasama PKB dengan MMSB bagi aktiviti perlombongan tanah liat di Hutan Simpan Selat Panchor tidak memberikan pulangan yang maksimum, tempoh perjanjiannya juga tidak spesifik dan bayaran royalti kepada Kerajaan masih belum dijelaskan.

**11.2.4.** Bagi pengurusan aktiviti pembangunan harta tanah pula didapati syarat perjanjian usahasama tidak dipatuhi, jaminan keuntungan yang diperolehi oleh PKB adalah lebih rendah berbanding nilai semasa harta tanah dan pulangan bagi projek usahasama Kuala Kedah *Business Centre* masih belum diperolehi.

**11.3.** Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan PKB mencapai penubuhannya adalah disyorkan PKB mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

**11.3.1.** Memastikan permohonan pindah milik rumah kedai di Taman Wira Mergong dilakukan dengan kadar segera.

**11.3.2.** Memastikan perjanjian usahasama yang ditandatangani pada masa hadapan mempunyai tarikh tamat yang spesifik dan memberikan pulangan yang maksimum.

## **12. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**

- **Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd.**

**12.1.** Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd. (KBioCorp) ditubuhkan pada 5 Oktober 1997 dengan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta dan modal dibenarkan RM1 juta. Dahulunya (KBioCorp) dikenali sebagai KTPC Environmental Services Sdn. Bhd. KBioCorp dimiliki sepenuhnya oleh Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. (KTPC) yang

merupakan subsidiari KHTP Holdings Sdn. Bhd. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) memiliki sepenuhnya KHTP Holdings Sdn. Bhd. Aktiviti utama KBioCorp adalah memberikan perkhidmatan ujian analitikal makmal, pemprosesan herba, pengeluaran tisu kultur dan pengendalian latihan. Ianya terletak di Kulim *Hi-Tech Park* dan mampu menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengusaha berdasarkan bioteknologi di kawasan utara.

**12.2.** Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Disember 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan aktiviti KBioCorp adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Prestasi kewangan KBioCorp secara keseluruhannya adalah memuaskan. KBioCorp berjaya mengatasi kerugian yang dialami pada tahun 2008 dan 2009 dengan mencatatkan keuntungan pada tahun 2010 berjumlah RM0.14 juta. Kerugian pada tahun 2008 dan 2009 adalah masing-masing berjumlah RM0.19 juta dan RM0.11 juta. Pengurusan aktiviti secara keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

**12.2.1.** Unit Pengurusan Latihan tidak ditubuhkan.

**12.2.2.** Perancangan latihan disediakan setelah mendapat geran Kerajaan Persekutuan.

**12.2.3.** Garis panduan latihan belum disediakan oleh KBioCorp.

**12.2.4.** Pengiktirafan SAMM tidak diperolehi bagi semua ujian makmal kecuali ujian *Heavy Metal*.

**12.2.5.** Penerimaan sampel bagi perkhidmatan ujian makmal dan pemprosesan herba masih di bawah keupayaan sebenar.

**12.2.6.** Sampel dianalisis melebihi masa yang ditetapkan.

**12.2.7.** Peralatan makmal bernilai jutaan ringgit tidak digunakan.

**12.2.8.** Pembayaran dividen kepada Kerajaan masih belum dijelaskan.

**12.3.** Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan KBioCorp mencapai penubuhannya adalah disyorkan KBioCorp mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

**12.3.1.** Mewujudkan unit latihan secara tetap bagi memastikan pengurusan latihan lebih teratur dan pendapatan daripada latihan dapat ditingkatkan menerusi penganjuran latihan yang lebih kerap.

**12.3.2.** Meningkatkan aktiviti promosi terhadap perkhidmatan yang ditawarkan supaya permintaan meningkat dan mesin digunakan sepenuhnya.

**12.3.3.** Menguruskan aset dengan teratur bagi memastikan penggunaan peralatan makmal secara optimum dan dapat memberi pulangan kepada syarikat.



---

**BAHAGIAN I**  
**AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**



# **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2011, sebanyak 8 aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri telah dipilih dan dikaji iaitu Pengurusan Perumahan Awam Kos Rendah, Pengurusan Rumah Milik Kerajaan Negeri Kedah, Pengurusan Bantuan Am, Pengurusan Pensijilan Halal, Pengurusan Kendalian Kes Mal dan Jenayah, Pengurusan Pengeluaran dan Pemindahan Bahan Batuan, Pengurusan Kompleks Sukan dan Pengurusan Kemudahan Awam Pihak Berkuasa Tempatan. Pemerhatian Audit tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri terlibat. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

### **2. PENGURUSAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Negeri Kedah telah diluluskan mulai Rancangan Malaya Kedua 1961-1965 sehingga Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) tahun 2001-2005 melibatkan perbelanjaan berjumlah RM182.45 juta. Peruntukan perbelanjaan tersebut diperoleh daripada Kerajaan Negeri dan secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM14.71 juta dan RM167.74 juta. PAKR bertujuan untuk menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah agar matlamat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan membasi kemiskinan dapat dicapai.

**2.1.2.** Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dan memperuntukkan tapak perumahan yang sesuai serta menyediakan senarai pembeli yang berkelayakan berdasarkan kepada permohonan yang diterima. Selain itu, pengagihan juga mengambil kira golongan sasaran yang ditetapkan seperti rancangan penempatan semula setinggan. Program ini diurus oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah melalui kaedah sewa beli. Bahagian Perumahan bertanggungjawab memastikan proses permohonan, pengagihan, penyenggaraan dan seterusnya penguatkuasaan kutipan hasil jualan atau sewaan dilaksanakan dengan teratur dan sempurna.

**2.1.3.** Sehingga Disember 2011, sebanyak 79 PAKR di 12 Daerah melibatkan 12,749 unit rumah awam kos rendah terdiri dari 9,548 rumah teres, 700 rumah sesebuah dan 2,501 rumah pangsa telah siap dibina dan menerima Sijil Layak Menduduki. PAKR yang paling awal diduduki adalah pada tahun 1964. Harga rumah adalah di antara RM5,499 hingga RM46,200 sebuah dengan kadar ansuran bulanan di antara RM50 hingga RM150. Berdasarkan taksiran isi rumah tahun 2011, pemohon yang layak memohon PAKR adalah bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,250 sebulan. Setiap pemohon yang berjaya hendaklah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri sebelum rumah diserahkan untuk diduduki. Rumah tersebut akan ditukarkan hak milik kepada pemohon selepas semua pembayaran diselesaikan. Bilangan PAKR di Negeri Kedah mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Bilangan PAKR Negeri Kedah Sehingga 31 Disember 2011**

Bil.	Daerah	Bilangan	
		PAKR	Rumah PAKR (Unit)
1.	Kota Setar	18	6,143
2.	Kuala Muda	18	2813
3.	Kulim	9	768
4.	Baling	6	347
5.	Kubang Pasu	5	530
6.	Yan	3	142
7.	Bandar Baharu	8	980
8.	Pendang	3	227
9.	Padang Terap	3	218
10.	Sik	2	91
11.	Langkawi	2	336
12.	Pokok Sena	2	154
<b>Jumlah</b>		<b>79</b>	<b>12,749</b>

Sumber: Bahagian Perumahan

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan PAKR telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan permohonan dan agihan, penyenggaraan, pengeluaran hak milik dan kutipan sewaan bagi tahun 2009 hingga 2011 di 12 Daerah melibatkan 79 PAKR. Metodologi pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Selain itu, lawatan Audit telah dilaksanakan di 5 PAKR iaitu Taman Wira, Taman Kota Nelayan, Flat Seberang Terus dan Taman Seri Gemilang di Daerah Kota Setar dan Taman Kelisa Emas di Daerah Bandar Baharu. Temu bual dan soal selidik dengan pegawai terlibat serta penghuni juga telah dilaksanakan.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati pengurusan PAKR adalah tidak memuaskan dan perlu diambil tindakan penambahbaikan dengan segera. Antara kelemahan yang ditemui adalah

- Pengeluaran hak milik kepada 2,287 penghuni yang menyelesaikan bayaran antara 2 hingga 19 tahun belum dibuat.
- Pengurusan penyenggaraan yang tidak teratur, meragukan dan tidak munasabah.
- Kelewatan mengagihkan rumah yang belum diduduki.
- Tindakan tidak diambil terhadap penghuni yang mempunyai tunggakan sewa yang tinggi.

### 2.4.1. Pengurusan Pengeluaran Hak Milik

Mengikut surat perjanjian sewa beli PAKR, Kerajaan Negeri hendaklah dengan seberapa segera menukar hak milik kepada penghuni sekiranya semua bayaran dan tanggungan yang dikenakan telah diselesaikan. Sijil Perakuan akan dikeluarkan kepada penghuni bagi mengesahkan semua bayaran ansuran sewa beli telah diterima. Selain itu, Notis Pemberitahuan Berkennaan Surat Hak Milik juga dikeluarkan kepada penghuni bagi menuntut bayaran premium tanah dan bayaran lain untuk tujuan penyediaan surat hak milik. Proses pindah milik kepada penghuni hanya akan dilaksanakan sekiranya bayaran tersebut dijelaskan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 3,879 penghuni di 73 PAKR telah menyelesaikan keseluruhan bayaran ansuran. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,592 penghuni telah menerima hak milik. Status pengeluaran hak milik sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Status Pengeluaran Hak Milik PAKR Sehingga 31 Disember 2011**

Bil.	Daerah	PAKR		Bilangan			Tempoh Selesai (Tahun)
		Perumahan	Unit	Selesai Bayaran	Hak Milik Telah Dikeluarkan	Hak Milik Belum Dikeluarkan	
1.	Kota Setar	14	5,632	1,025	482	543	5 hingga 19
2.	Kuala Muda	18	2,813	1,305	553	752	5 hingga 19
3.	Kulim	8	628	539	251	288	6 hingga 16
4.	Baling	6	347	237	50	187	8 hingga 18
5.	Kubang Pasu	5	530	175	88	87	8 hingga 19
6.	Yan	3	142	61	31	30	11 hingga 19
7.	Bandar Baharu	8	980	177	75	102	2 hingga 16
8.	Pendang	3	227	69	23	46	10 hingga 15
9.	Padang Terap	3	218	113	39	74	3 hingga 13
10.	Sik	2	91	56	-	56	12 dan 15

Bil.	Daerah	PAKR		Bilangan			Tempoh Selesai (Tahun)
		Perumahan	Unit	Selesai Bayaran	Hak Milik Telah Dikeluarkan	Hak Milik Belum Dikeluarkan	
11.	Langkawi	1	82	17	-	17	10
12.	Pokok Sena	2	154	105	-	105	9 hingga 19
<b>Jumlah</b>		<b>73</b>	<b>11,844</b>	<b>3,879</b>	<b>1,592</b>	<b>2,287</b>	<b>2 hingga 19</b>

Sumber: Unit Geran Bahagian Perumahan

#### 2.4.1.1. Hak Milik Belum Dikeluarkan Kepada Penghuni Selesai Bayaran

Semakan Audit mendapati hak milik kepada 2,287 penghuni di 60 PAKR masih belum dikeluarkan walaupun bayaran telah diselesaikan di antara 2 hingga 19 tahun. Daripada jumlah tersebut, hak milik kepada 1,195 penghuni belum dikeluarkan melibatkan 35 PAKR yang telah memiliki geran. Manakala baki 1,092 penghuni melibatkan 25 PAKR yang belum memiliki geran. **Mengikut maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 13 Jun 2012, hak milik kepada 1,195 penghuni tidak dikeluarkan kerana penghuni tidak menjelaskan bayaran premium tanah.** Semakan Audit terhadap rekod Bahagian Perumahan bagaimanapun mendapati hak milik kepada 1,195 penghuni tidak dikeluarkan kerana penghuni tersebut tidak dimaklumkan melalui Notis Pemberitahuan Berkenaan Surat Hak Milik seperti yang ditetapkan oleh aliran kerja Bahagian Perumahan. Selain itu, bagi 25 PAKR yang belum memiliki geran, Bahagian Perumahan hanya memohon peruntukan untuk tujuan pemberimilikan tanah terhadap 6 PAKR. Bagaimanapun, hanya 1 daripada 6 PAKR sahaja diluluskan oleh Kerajaan Negeri kerana masalah aliran tunai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3.**

**Jadual 2.3**

#### Hak Milik Belum Dikeluarkan Kepada Penghuni Selesai Bayaran

Bil.	Daerah	PAKR		Bilangan			Tempoh Selesai (Tahun)
		Perumahan	Unit	Selesai Bayaran	Hak Milik Telah Dikeluarkan	Hak Milik Belum Dikeluarkan	
<b>PAKR Memiliki Geran</b>							
1.	Kota Setar	6	2,899	752	482	270	5 hingga 19
2.	Kuala Muda	7	886	891	553	338	12 hingga 19
3.	Kulim	2	177	360	251	109	6 hingga 11
4.	Baling	5	315	237	50	187	8 hingga 18
5.	Kubang Pasu	4	480	171	88	83	8 hingga 19
6.	Yan	3	142	61	31	30	11 hingga 19
7.	Bandar Baharu	2	109	126	75	51	15 hingga 16
8.	Pendang	1	32	28	23	5	15
9.	Padang Terap	3	218	113	39	74	3 hingga 13
10.	Sik	1	61	31	-	31	12
11.	Langkawi	1	82	17	-	17	10
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>	<b>5,401</b>	<b>2,787</b>	<b>1,592</b>	<b>1,195</b>	<b>3 hingga 19</b>
<b>PAKR Belum Memiliki Geran</b>							
1.	Kota Setar	7	2,589	273	-	273	6 hingga 16
2.	Pokok Sena	2	154	105	-	105	9 hingga 19
3.	Kuala Muda	5	1,399	414	-	414	5 hingga 16
4.	Kulim	2	192	179	-	179	15

Bil.	Daerah	PAKR		Bilangan			Tempoh Selesai (Tahun)
		Perumahan	Unit	Selesai Bayaran	Hak Milik Telah Dikeluarkan	Hak Milik Belum Dikeluarkan	
5.	Kubang Pasu	1	50	4	-	4	10
6.	Bandar Baharu	5	821	51	-	51	2 hingga 19
7.	Pendang	2	195	41	-	41	10 hingga 11
8.	Sik	1	30	25	-	25	15
<b>Jumlah</b>		<b>25</b>	<b>5,430</b>	<b>1,092</b>	-	<b>1,092</b>	<b>2 hingga 19</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>60</b>	<b>10,831</b>	<b>3,879</b>	<b>1,592</b>	<b>2,287</b>	<b>2 hingga 19</b>

Sumber: Unit Geran SUK

#### 2.4.1.2. Hak Milik Lewat Dikeluarkan

Sebanyak 1,592 penghuni di 19 PAKR atau 41% daripada 3,879 penghuni yang menyelesaikan bayaran ansuran lewat menerima surat hak milik di antara 2 hingga 12 tahun. Semakan Audit terhadap rekod Bahagian Perumahan mendapati kelewatan ini berlaku kerana Notis Pemberitahuan Berkennaan Surat Hak Milik hanya dikeluarkan kepada penghuni di antara 1 hingga 11 tahun. Notis tersebut lewat dikeluarkan kerana tiada pemantauan oleh pihak pengurusan terhadap penghuni yang telah menyelesaikan bayaran sewa. Selain itu, semakan Audit juga mendapati Daftar Hak Milik Penghuni di Unit Geran tidak dikemas kini. Kelewatan pengeluaran hak milik menyebabkan tuntutan hak milik sukar diselesaikan sekiranya berlaku kematian atau perceraian.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran hak milik adalah tidak memuaskan kerana hak milik kepada 2,287 penghuni belum dikeluarkan walaupun bayaran telah diselesaikan di antara 2 hingga 19 tahun. Bahagian Perumahan hendaklah memastikan tindakan segera diambil untuk mengeluarkan hak milik kepada penghuni yang selesai membuat bayaran ansuran.**

#### 2.4.2. Pengurusan Penyenggaraan

Perancangan Strategik Bahagian Perumahan bagi tahun 2009 hingga 2014 telah menggariskan strategi penyenggaraan yang berterusan di bawah Teras 3 Mentadbir Urus Skim Perumahan Awam Yang Sedia Ada. Pelan tindakan bagi strategi ini menghendaki Bahagian Perumahan merancang pemantauan secara sistematik dan menyediakan sistem aduan kerosakan yang efektif. Ini adalah selari dengan fungsi keempat Bahagian Perumahan yang menghendaki Bahagian Perumahan menyenggara dan mentadbir skim PAKR dengan baik untuk menjamin kemudahan dan kesempurnaan hidup penghuni-penghuni. Pada tahun 2009 hingga 2011, perbelanjaan penyenggaraan PAKR berjumlah RM7.23 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53.3% atau RM3.85 juta digunakan untuk penyenggaraan di 3 PAKR iaitu Taman Seri Gemilang RM2.36 juta, Flat Seberang Terus RM1.0 juta dan Taman Kelisa Emas RM0.49 juta. Bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di 3 PAKR tersebut, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri telah melantik 40 kontraktor secara lantikan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM3.85 juta. Semakan lanjut terhadap pengurusan penyenggaraan mendapati perkara seperti berikut:

#### **2.4.2.1. Pengurusan Pelantikan Kontraktor**

Arahan Perbendaharaan 180.1(b) menghendaki kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor kelas F dengan syarat kontraktor ini berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Semakan Audit terhadap maklum balas PKK bertarikh 26 Februari 2012 dan 9 Januari 2012, mendapati 5 kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berjumlah RM2.55 juta pada tahun 2010 dan 2011 bagi 2 PAKR yang dipilih iaitu Taman Seri Gemilang dan Flat Seberang Terus serta 5 PAKR lain tidak berdaftar dengan PKK. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 2.4**. Pengesahan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui carian profil syarikat secara online bertarikh 15 Februari 2012, mendapati Pengarah bagi 5 syarikat tersebut adalah individu yang ada hubungan antara satu sama lain atau dari satu keluarga yang sama. Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Februari 2012, SSM juga mengesahkan 1 daripada 5 kontraktor tersebut tidak wujud dalam rekod pendaftaran syarikat. Semakan lanjut terhadap baucar bayaran mendapati sejumlah RM0.50 juta telah dibayar kepada kontraktor berkenaan yang menggunakan akaun bank dan nombor pendaftaran syarikat lain pada tahun 2011.

**Jadual 2.4**  
**Bayaran Penyenggaraan Kepada Kontraktor Yang Tidak Berdaftar**

Bil.	PAKR	Tahun		Jumlah (RM juta)
		2010 (RM juta)	2011 (RM juta)	
1.	Taman Seri Gemilang	0.25	0.93	1.18
2.	Flat Seberang Terus	0.08	0.41	0.49
3.	Taman Wira	0.14	0.40	0.54
4.	Flat Alor Malai	-	0.05	0.05
5.	Flat Simpang Kuala	-	0.16	0.16
6.	Flat Tongkang Yard	-	0.08	0.08
7.	Taman Kota Nelayan	-	0.05	0.05
Jumlah		0.47	2.08	2.55

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan

#### **2.4.2.2. Skop Kerja Dalam *Bill Of Quantities* Tidak Terperinci**

Mengikut Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Memperbaiki Tahun 2008 dan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Pembaikan Tahun 2011, skop kerja perlulah terperinci bagi memudahkan pengesanan dan penilaian terhadap kerja yang dilakukan. Mengikut aliran kerja Bahagian Perumahan, skop kerja yang dinyatakan di dalam BQ disediakan oleh Juruteknik Bahagian Perumahan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati BQ yang disediakan bagi 181 kerja berjumlah RM390,400 di Taman Seri Gemilang dan Flat Seberang Terus tidak terperinci berbanding skop yang sepatutnya dinyatakan mengikut Jadual Kadar. Ini menyebabkan skop kerja yang dilaksana dan nilai kerja yang sepatutnya dibayar tidak dapat ditentukan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Skop Kerja Tidak Terperinci**

Bil.	Skop Kerja Di BQ	Nilai Kerja (RM)	Bilangan Kerja	Jumlah (RM)	Skop Kerja Sepatutnya Mengikut Jadual Kadar
1.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk mengesan kebocoran air di bahagian siling konkrit. (Dicaj mengikut lot)	800	39	31,200	
2.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk kerja-kerja memecah siling konkrit. (Dicaj mengikut lot)	1,500	41	61,500	
3.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk kerja memasang <i>water proofing</i> . (Dicaj mengikut lot)	4,700	47	220,900	
4.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk kerja-kerja membina kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> . (Dicaj mengikut lot)	1,500	47	70,500	
5.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk menukar dan memasang kunci pintu yang baharu di setiap kunci pintu yang rosak. (Dicaj mengikut lot)	1,500	1	1,500	Bilangan kunci yang diganti tidak dinyatakan dengan terperinci.
6.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk membaiki dan memasang paip air. (Dicaj mengikut lot)	1,000	4	4,000	Spesifikasi seperti panjang paip tidak dinyatakan dengan terperinci.
7.	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk menukar kepala paip yang baharu. (Dicaj mengikut lot)	400	2	800	Bilangan kepala paip yang ditukar tidak dinyatakan dengan terperinci.
<b>Jumlah</b>			<b>181</b>	<b>390,400</b>	

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan dan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Memperbaiki Tahun 2008 dan Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Pembaikan Tahun 2011

#### 2.4.2.3. Perbezaan Tuntutan Berbanding Kerja Sebenar Yang Dilaksanakan

Semakan Audit mendapati bayaran berjumlah RM59,419 telah dibuat terhadap tuntutan kerja oleh 4 kontraktor berdasarkan perakuan siap kerja oleh Juruteknik Bahagian Perumahan. Lawatan Audit bersama wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan ke lokasi rumah terlibat mendapati kerja sebenar yang dilaksanakan berbeza dengan kerja-kerja yang dicatatkan dalam borang tuntutan bayaran. Semasa lawatan Audit dilaksanakan, wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan juga tidak dapat mengesahkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

**Jadual 2.6**

**Perbezaan Tuntutan Berbanding Kerja Sebenar Yang Dilaksanakan**

No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh	Jumlah (RM)	Skop Kerja Yang Dibayar	Kerja Sebenar Yang Dilaksana
<b>Taman Seri Gemilang</b>			
V0000123/ IM 35/TSG/ 31.01.2011/	14,115	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Membekal buruh, bahan dan peralatan yang berkaitan untuk menukar paip G.I yang baru.           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memotong dan memecah paip 25 mm yang rosak.</li> <li>ii. Sumbat bahagian hujung paip yang berdekatan sekali dengan <i>manhole</i> untuk sementara waktu, memotong dan mengeluarkan paip yang rosak termasuk simpai (<i>collar</i>).</li> <li>iii. Membekal dan memasang paip besi tuangan serta membuat sambungan dengan timah hitam dan tali guni.</li> <li>iv. Tambahan harga paip untuk cawang yang berlubang.</li> </ul> </li>   <li>b) Membekal buruh, bahan dan peralatan yang berkaitan membuang dan memasang <i>poly pipe</i> 125 mm serta <i>fitting</i>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat sambungan <i>bypass</i> paip baru jenis <i>Unplasticised Vinyl Chloride (uPVC)</i> dan bukan dari jenis <i>Galvanised Iron (GI)</i> di luar dinding ruang tamu hingga bilik air seperti <b>Gambar 2.1</b>. Mengikut Jadual Kadar Kerja Kecil Tahun 2008, harga item bagi paip jenis <i>uPVC</i> saiz 25 mm adalah RM7.65/meter berbanding jenis <i>GI</i> saiz 25 mm adalah RM19.70/meter.</li> <li>ii. Kerja bagi item ii, iii dan iv tidak sepatutnya dituntut kerana tidak berkaitan dengan kerja menukar paip G.I. Selain itu, wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan tidak dapat mengesahkan kerja tersebut telah dilaksanakan.</li> </ul> <p>Tiada bukti fizikal bagi kerja-kerja yang dituntut telah dilaksanakan di rumah tersebut. Wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan tidak dapat mengesahkan kerja yang dilakukan.</p>
V0000222/ IM 43/TSG/ 17.02.2011	18,304	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Membekal buruh, bahan dan peralatan yang berkaitan untuk kerja membaiki paip najis yang tersumbat dan rosak.</li> <li>b) Membekal buruh, bahan dan peralatan yang berkaitan untuk kerja-kerja membaiki paip najis 100mm yang baru.</li> </ul>	<p>Tiada bukti fizikal bagi kerja-kerja yang dituntut telah dilaksanakan di rumah tersebut. Wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan tidak dapat mengesahkan kerja yang dilakukan.</p>
V0001936/ IM 71/TSG/ 01.08.2010	9,000	Mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian siling konkrit, kerja memasang <i>water proofing</i> , membaiki kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> dan kerja-kerja membersih dan mengemas tempat kerja.	Penghuni memaklumkan kerja penyenggaraan hanya dilaksanakan sekali iaitu mengganti paip air yang bocor dan ditanam di dalam lantai rumah. Tiada bukti kerja <i>water proofing</i> di siling konkrit dilakukan. <b>Gambar 2.2</b> .
V0000013/ IM 8/TSG/ 03.01.2011	9,000	Mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian siling konkrit, kerja memasang <i>water proofing</i> , membaiki kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> dan kerja-kerja membersih dan mengemas tempat kerja.	

No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh	Jumlah (RM)	Skop Kerja Yang Dibayar	Kerja Sebenar Yang Dilaksana
<b>Flat Seberang Terus</b>			
V0000019/ IM 6/11ST/ 03.01.2011	9,000	Mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian siling konkrit, kerja memasang <i>water proofing</i> , membaiki kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> dan kerja-kerja membersih dan mengemas tempat kerja.	Penghuni memaklumkan kerja yang dilakukan ialah memotong saluran paip najis dari jenis besi tuang yang bocor dan diganti dengan paip <i>uPVC</i> 100mm di bahagian siling rumah seperti di <b>Gambar 2.3</b> . Berdasarkan kerja tersebut, kebocoran adalah berpunca dari rumah tingkat atas iaitu B-305. Bagaimanapun, penghuni rumah B-305 memaklumkan tiada kerja penyenggaraan berkaitan <i>water proofing</i> pernah dilakukan di rumah tersebut.
<b>Jumlah</b>	<b>59,419</b>		

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan

**Gambar 2.1**  
**Paip 25 mm Jenis *uPVC***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Gemilang  
Tarikh: 01 Januari 2012

**Gambar 2.2**  
**Kerja Dilaksanakan Berbeza Dengan  
Tuntutan Sebenar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Gemilang  
Tarikh: 13 Disember 2011



**Gambar 2.3**  
**Paip *uPVC* Yang Ditukar**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Seberang Terus  
Tarikh: 19 Januari 2012

#### 2.4.2.4. Tuntutan Berulang Bagi Kerja Penyenggaraan Yang Sama

Semakan Audit mendapati tuntutan berulang dalam baucar yang sama oleh satu kontraktor berjumlah RM5,600 dibuat bagi kerja dan rumah yang sama di Taman Seri Gemilang. Manakala terdapat tuntutan berulang oleh dua kontraktor yang berbeza berjumlah RM2,000 bagi kerja dan rumah yang sama. Semua tuntutan berjumlah RM7,600 bagi kerja penyenggaraan yang berulang telah dibuat kepada kedua-dua kontraktor tersebut. Maklumat kerja yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.7** dan **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.5**.

**Jadual 2.7**

**Tuntutan Berulang Bagi Kerja Yang Sama Di Rumah Yang Sama**

Rumah	No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh/Jumlah	Nilai Kerja (RM)	Skop Kerja Yang Dibayar	Lawatan Audit
1	V0000016/ IM1/11TSG 03.01.2011/ RM6,600	1,200	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk mencari dan mengesan paip yang BOCOR dan menukar serta memasang paip baru.	Hanya satu kerja yang dilaksanakan iaitu membuat sambungan bypass paip baru di dinding ruang tamu hingga bilik air bagi menggantikan paip asal yang rosak seperti di <b>Gambar 2.4</b> .
		1,200	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk mencari dan mengesan paip yang ROSAK dan menukar serta memasang paip baru.	
2	V0000120/ IM 29/TSG/ 31.01.2011/ RM18,978	1,000	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan untuk menukar pintu yang rosak dengan yang baru 5 unit. RM200/Unit.	Menukar 4 unit kunci pintu yang rosak dengan yang baru dan bukannya pintu seperti di <b>Gambar 2.5</b> .
		1,100	Pintu panel berbingkai yang kosong yang telah diketam dikawit dengan panel papan lapis 5 unit. RM220/Unit	
		1,100	Pintu panel berbingkai yang kosong yang telah diketam dikawit dengan panel papan lapis 5 unit. RM220/Unit	
3	V0000004/ IM 14/TSG/ 03.01.2011/ RM9,000	1,500	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan cuci tandas tersumbat dan menukar serta pasang mangkuk tandas baru.	Inden kerja dikeluarkan pada hari yang sama kepada 2 kontraktor yang berbeza. Bagaimanapun, penghuni menyatakan hanya sekali sahaja tandas ditukar.
	V0000042/ IM 2/11TSG/ 03.01.2011/ RM5,600	500	Membekal peralatan, buruh dan yang berkaitan tukar tandas asal yang rosak dengan tandas duduk yang baru.	
<b>Jumlah</b>		<b>7,600</b>		

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan dan Lawatan Audit

**Gambar 2.4**  
**Tuntutan Berulang Kali Bagi Kerja Yang Sama**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Seri Gemilang

Tarikh: 13 Disember 2011



**Gambar 2.5**  
**Kunci Yang Ditukar Pada Pintu Asal**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Seri Gemilang

Tarikh: 23 Februari 2012

#### 2.4.2.5. Caj Kerja Pembersihan Berulang

Kontraktor bertanggungjawab membersihkan kawasan kerja selepas kerja penyenggaraan selesai dilaksanakan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JKR, kerja pembersihan hanya boleh dituntut sekali selepas kerja-kerja penyenggaraan selesai dijalankan di setiap rumah yang disenggara. Semakan Audit mendapati caj pembersihan dituntut melebihi sekali bagi kerja yang dilakukan di rumah yang sama seperti yang dinyatakan dalam *BQ* melibatkan bayaran berjumlah RM12,500 kepada 3 kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Pembersihan Dicaj Berulang**

Bil.	No. Baucar/ Tarikh/ Jumlah	Kerja Dilaksanakan	Caj Kerja (RM)	Caj Pembersihan (RM)	Bil. Caj Pembersihan
1.	V0000180/ 01.04.2010/ RM9,400	<i>Fitting paip termasuk sinki baru</i>	500	1,000	2
		<i>Pemasangan water proofing</i>		500	
		<b>Jumlah</b>	<b>7,400</b>	<b>2,000</b>	<b>3</b>
2.	V0000181/ 01.04.2010/ RM10,000	<i>Fitting paip termasuk sinki baru</i>	500	1,000	2
		<i>Pemasangan water proofing</i>		500	

Bil.	No. Baucar/ Tarikh/ Jumlah	Kerja Dilaksanakan	Caj Kerja (RM)	Caj Pembersihan (RM)	Bil. Caj Pembersihan
		Tukar kepala paip	100	500	1
		Jumlah	7,500	2,500	4
3.	V0000114/ 16.03.2010/ RM5,500	Fitting paip termasuk sinki baru	500	1,000 500	2
		Mengesan dan mengepam tandas tersumbat	3,000	500	1
		Jumlah	3,500	2,000	3
4.	V0000272/ 19.04.2010/ RM9,400	Fitting paip termasuk sinki baru	500	1,000 500	2
		Pemasangan water proofing	6,900	500	1
		Jumlah	7,400	2,000	3
5.	V0000273/ 19.04.2010/ RM9,400	Fitting paip termasuk sinki baru	500	1,000 500	2
		Pemasangan water proofing	6,900	500	1
		Jumlah	7,400	2,000	3
6.	V0000277/ 19.04.2010/ RM9,400	Fitting paip termasuk sinki baru	500	1,000 500	2
		Pemasangan water proofing	6,900	500	1
		Jumlah	7,400	2,000	3
		Jumlah Besar	40,600	12,500	19

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan

#### 2.4.2.6. Bayaran Dibuat Terhadap Kerja Yang Tidak Dilaksanakan Dan Rumah Yang Tidak Wujud

Pemeriksaan Audit bersama wakil kontraktor dan Juruteknik Bahagian Perumahan pada 23 Februari 2012 ke lokasi-lokasi yang disebut dalam baucar bayaran yang telah disahkan dan dibayar, yang dipilih secara rambang mendapat 10 kerja berjumlah RM14,740 yang disahkan siap itu tidak dilaksanakan manakala 3 kerja berjumlah RM29,800 telah dibayar bagi kerja penyenggaraan yang dibuat di 3 buah rumah yang tidak wujud. Perkara ini berlaku kerana Bahagian Perumahan memperakui kerja-kerja yang dilaksanakan hanya berdasarkan skop kerja di BQ yang disediakan oleh Bahagian Perumahan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.9** dan **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.11**.

**Jadual 2.9**  
**Skop Kerja Dibayar Tetapi Kerja Tidak Dilaksanakan**

No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh	Bil. Kerja	Skop Kerja Yang Dibayar	Nilai Kerja (RM)	Lawatan Audit
<b>PAKR Taman Seri Gemilang</b>				
V0000016/ IM 1/11TSG/ 03.01.2011	1.	Menukar dan memasang sistem pam yang baru.	1,500	Penghuni menyatakan pam tandas tidak pernah ditukar. <b>Gambar 2.6</b>
V0000480/ IM 108/10/ 20.05.2010	2.	Membekal dan memasang 2 unit kipas angin siling di bilik pertama dan kedua (RM1,500/Unit).	1,500	Penghuni menyatakan hanya satu kipas ditukar iaitu di bilik pertama. Manakala kipas di bilik kedua adalah kipas asal.

No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh	Bil. Kerja	Skop Kerja Yang Dibayar	Nilai Kerja (RM)	Lawatan Audit
V0000006/ IM 5/TSG/ 03.01.2011	3.	Membekal buruh, peralatan dan yang berkaitan untuk: i. Menukar paip tandas yang rosak diganti baru. ii. Menukar kepala paip. iii. Mengepam paip tandas tersumbat.	2,400	Penghuni menyatakan pemberian tersebut tidak pernah dibuat oleh kontraktor dan penghuni membaiki sendiri seperti kerosakan pada saluran paip tandas dan kepala paip.
V0001821/ IM 70/TSG/ 01.08.2010	4.	Membekal buruh, peralatan dan yang berkaitan untuk mengesan lampu bilik air rosak, kerja membersih dan mengemas tempat kerja seperti sedia ada.	1,100	Penghuni menyatakan pemberian tersebut tidak dibuat oleh kontraktor dan penghuni membaiki sendiri kerosakan lampu di bilik air.
V000120/ IM 29/TSG/ 31.01.2011	5.	Membekal buruh, peralatan dan yang berkaitan untuk menukar 8 unit tingkap beroti rembat ditutup dengan papan tanggam temu dengan kayu berketam dan berkawit nako.	1,840	Penghuni menyatakan bingkai tingkap tidak pernah ditukar sepanjang 5 tahun menduduki rumah tersebut. <b>Gambar 2.7</b>
V0001830/ IM 76/TSG/ 01.08.2010	6.	Mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian siling konkrit, kerja memasang <i>water proofing</i> , membaiki kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> dan kerja-kerja membersih dan mengemas tempat kerja.	9,000	Rumah tidak wujud memandangkan blok tersebut hanya mempunyai 4 tingkat dan nombor rumah terakhir ialah F-4-20.
	7.	Mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian siling konkrit, kerja memasang <i>water proofing</i> , membaiki kembali siling konkrit yang siap dipasang <i>water proofing</i> dan kerja-kerja membersih dan mengemas tempat kerja.	9,000	Rumah tidak wujud memandangkan blok tersebut hanya mempunyai 4 tingkat dan nombor rumah terakhir ialah F-4-20.
<b>PAKR Flat Seberang Terus</b>				
V0000264/ M33/10/ 14.04.2010	8.	Membekal, buruh, bahan dan peralatan berkaitan untuk kerja memasang kipas angin siling di ruang tamu.	1,500	Ruang tamu tidak mempunyai kipas siling. <b>Gambar 2.8</b>
V0000271/ M34/10/ 14.04.2010	9.	Membekal, buruh, bahan, dan peralatan yang berkaitan untuk menukar <i>regulator</i> kipas yang rosak dan kerja membersih tempat kerja seperti sedia ada.	1,100	Penghuni menyatakan bahawa <i>regulator</i> yang rosak telah ditukar sendiri oleh penghuni.
V0000268/ M43/10/ 14.04.2010	10.	Membekal, buruh, bahan dan peralatan berkaitan untuk kerja memasang kipas angin siling di ruang tamu.	1,500	Penghuni menyatakan kipas dan <i>power socket</i> di ruang tamu tidak pernah ditukar. Kontraktor hanya menukar ELCB. Pihak Audit mendapati <i>power socket</i> dan kipas di ruang tamu adalah yang asal. <b>Gambar 2.9</b> dan <b>Gambar 2.10</b>
	11.	Membekal, buruh, bahan dan peralatan berkaitan untuk kerja memasang <i>power socket</i> di depan ruang tamu yang tidak berfungsi.	1,500	
	12.	Membekal, buruh, bahan dan peralatan berkaitan untuk mengesan ELCB terbakar.	800	ELCB tidak ditukar. <b>Gambar 2.11</b>
V0000011/ IM 4/11ST/ 03.01.2011	13.	Mengetuk lantai tandas, membaiki tandas yang tersumbat, mengesan kebocoran air, kerja memecah bahagian dinding tandas, kerja	11,800	Rumah tidak wujud memandangkan blok tersebut hanya mempunyai 4 tingkat dan nombor rumah terakhir ialah B-

No. Baucar/ No. Inden/ Tarikh	Bil. Kerja	Skop Kerja Yang Dibayar	Nilai Kerja (RM)	Lawatan Audit
		memasang water proofing, membaiki kembali dinding tandas yang siap dipasang water proofing dan kerja-kerja membersih tempat kerja.	512.	
		<b>Jumlah</b>	<b>44,540</b>	

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian dan Lawatan Audit

**Gambar 2.6**  
**Pam Tandas Asal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Gemilang  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 2.7**  
**Tingkap Asal Yang Masih Sempurna dan Tidak Pernah Ditukar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Gemilang  
Tarikh: 23 Februari 2012

**Gambar 2.8**  
**Ruang Tamu Tiada Kipas Siling**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Seberang Terus  
Tarikh: 19 Januari 2012

**Gambar 2.9**  
**Power Socket Asal Di Ruang Tamu**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Seberang Terus  
Tarikh: 19 Januari 2012

**Gambar 2.10**  
**Kipas Angin Siling Asal Di Ruang Tamu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Seberang Terus  
Tarikh: 19 Januari 2012

**Gambar 2.11**  
**ELCB Tidak Ditukar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Seberang Terus  
Tarikh: 19 Januari 2012

#### 2.4.2.7. Pembaikan Kerosakan Bagi Rumah Berpenghuni

Mengikut para 3 (ii) Surat Perjanjian PAKR, penghuni bertanggungjawab memperbaiki kerosakan dalaman dengan perbelanjaan sendiri kecuali mendapat kebenaran Kerajaan Negeri. Bahagian Perumahan pula memaklumkan kerosakan dalaman hanya ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi rumah yang akan diduduki oleh penghuni baru. Semakan Audit mendapati Bahagian Perumahan telah membayai kos pembaikan kerosakan dalaman berjumlah RM169,998 di rumah yang sedang diduduki oleh penghuni di 2 PAKR seperti pembaikan lampu, kipas, pintu, sinki, tingkap dan pam tandas pada tahun 2010 dan 2011. **Mengikut maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 13 Jun 2012**, pembaikan kerja-kerja elektrik, lampu dan kipas adalah disebabkan masalah pendawaian, pembaikan pintu adalah disebabkan masalah anai-anai, manakala pembaikan sinki adalah disebabkan kerosakan sistem perpaipan *water discharge* dan menggantikan sinki lama yang telah rosak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
**Kerja Penyenggaraan Yang Tidak Mematuhi Syarat Perjanjian**

Bil.	Item	Kerja Penyenggaraan	Kos (RM)	
			Taman Seri Gemilang	Flat Seberang Terus
1.	Lampu	Pendawaian Lampu	4,200	-
		Kesan Lampu Rosak	10,000	-
		Memasang Lampu	20,900	1,000
		Tukar Suis Lampu	3,800	-
2.	Kerja elektrik	Membaiki DB Board yang longgar	10,400	4,500
		Kesan ELCB terbakar dan tukar	8,800	6,400
		Menukar plug yang rosak	3,500	-
		Memasang power socket yang tidak berfungsi	4,900	4,500
3.	Kipas	Pendawaian kipas	1,710	-
		Kesan kipas yang rosak	3,000	-
		Menukar regulator kipas	1,300	600
		Baik pulih kipas siling	500	-
		Menukar kipas siling	13,000	3,000

Bil.	Item	Kerja Penyenggaraan	Kos (RM)		
			Taman Seri Gemilang	Flat Seberang Terus	
4.	Pintu	Bekal dan pasang pintu panel bingkai kosong diketam, dikawit papan lapis	3,000	-	
		Tanggal dan buang pintu dari sebarang jenis	1,258	-	
		Pasang kunci pintu baru	1,900	-	
		Tukar pintu tandas atau bilik air	1,680	-	
5.	Sinki	Membaiki/menepam paip sinki tersumbat	10,200	-	
		Fitting paip dan menukar sinki baru	7,900	1,500	
		Tampal simen tempat dikenak dan bersih kawasan sinki	9,100	4,600	
6.	Lain-lain	Tukar kepala paip	3,350	850	
		Bekal dan pasang cermin nako	100	-	
		Tukar pam tandas	16,550	-	
		Kesan, uji dan tukar shower	2,000	-	
Jumlah			143,048	26,950	
Jumlah Keseluruhan			169,998		

Sumber: Baucar Bayaran Bahagian Perumahan

Pada pendapat Audit, matlamat Bahagian Perumahan untuk menyenggara PAKR dengan baik bagi menjamin kemudahan dan kesempurnaan hidup para penghuni belum tercapai. Ini kerana kerja dilaksanakan tidak memenuhi kehendak skop kerja yang sepatutnya. Pemantauan yang tidak berkesan oleh pihak pengurusan Bahagian Perumahan juga menyebabkan terdapat bayaran dibuat terhadap tuntutan kerja di rumah yang tidak wujud, kontraktor tidak berdaftar dengan PKKK dan CIDB serta bayaran dibuat kepada syarikat yang tidak wujud. Selepas pemerhatian Audit dikeluarkan, mengikut maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 13 Jun 2012, sejumlah RM86,259 bayaran balik telah diterima.

#### 2.4.3. Pengurusan Permohonan Dan Agihan

Proses penawaran dan penempatan rumah PAKR dilaksanakan oleh Bahagian Perumahan berdasarkan permohonan yang diterima. Semua maklumat ini diproses dan disimpan dalam Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT). Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai April 2011, sistem ini telah digantikan oleh Sistem Maklumat Perumahan (SMP). Melalui SMP, maklumat terkini mengenai pendaftaran permohonan, pemilihan, penawaran dan pengagihan rumah PAKR kepada golongan yang layak dapat dilaksanakan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan permohonan dan agihan rumah PAKR mendapati perkara berikut:

##### 2.4.3.1. Rumah Tidak Diagihkan

Bahagian Perumahan berperanan memastikan setiap rumah ditawarkan kepada pemohon yang berkelayakan bagi memastikan Dasar Perumahan Negara tercapai. Mengikut data SMP pada tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 190 buah rumah telah ditawarkan kepada pemohon berbanding 1,227 permohonan yang diterima. Daripada jumlah permohonan ini,

sebanyak 38 permohonan melibatkan rumah di Daerah Kota Setar dan 154 permohonan di Daerah Bandar Baharu. Semakan Audit terhadap 3 projek PAKR yang dipilih dalam RMKe-7 (sambungan RMKe-8) iaitu Taman Kota Nelayan, Taman Seri Gemilang dan Taman Kelisa Emas mendapati rumah di Taman Kota Nelayan sahaja yang telah selesai diagihkan. Manakala rumah di Taman Seri Gemilang dan Taman Kelisa Emas masih belum diagihkan sepenuhnya iaitu masing-masing sebanyak 104 dan 14 buah rumah. Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, Bahagian Perumahan memaklumkan perumahan di Taman Seri Gemilang sedang dalam proses pengagihan. Kelewatan ini menyebabkan 14 rumah di Taman Kelisa Emas yang telah dibaiki dengan kos perbelanjaan berjumlah RM51,027 pada tahun 2010 telah rosak semula seperti di **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.13**.

**Gambar 2.12**  
Kerosakan Pada Siling Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kelisa Emas  
Tarikh: 5 Januari 2012

**Gambar 2.13**  
Kerosakan Pada Bilik Air Dan Kehilangan Sinki Di Ruangan Dapur



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kelisa Emas  
Tarikh: 5 Januari 2012

#### 2.4.3.2. Rumah Telah Diagih Tetapi Tidak Diduduki Oleh Pembeli

Rumah yang telah diagih hendaklah diduduki dan tidak boleh disewakan tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Perumahan seperti yang ditetapkan oleh syarat perjanjian. Lawatan Audit di Taman Kelisa Emas mendapati sebanyak 45 buah rumah yang telah diagihkan tidak diduduki kerana pembeli berada di tempat lain manakala 12 buah rumah disewakan. Manakala sebanyak 29 buah rumah yang telah diagihkan di Taman Kota Nelayan telah rosak sebelum sempat diduduki. Rumah yang rosak ini belum dibaiki kerana peruntukan tidak mencukupi pada tahun 2011. Keadaan rumah yang tidak diduduki seperti di **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kebenaran bertulis daripada Bahagian Perumahan diperolehi bagi rumah yang disewakan.

**Gambar 2.14**  
**Rumah Diagih Tetapi Tidak Diduduki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kelisa Emas  
Tarikh: 5 Januari 2012

**Gambar 2.15**  
**Rumah Diagih Tetapi Tidak Diduduki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kota Nelayan  
Tarikh: 4 Januari 2012

Pada pendapat Audit, kelewatian Bahagian Perumahan mengagihkan rumah menyebabkan Kerajaan Negeri menanggung kerugian memperbaiki kerosakan dan hasil sewaan tidak dapat dikutip. Selain itu, Bahagian Perumahan hendaklah mengambil tindakan segera membuat pengagihan unit rumah kepada pemohon-pemohon lain berdasarkan kelayakan yang ditetapkan.

#### **2.4.4. Pengurusan Kutipan Sewaan**

**2.4.4.1.** Mengikut Surat Perjanjian Membeli Rumah PAKR, pembeli perlu menjelaskan ansuran bulanan mengikut kadar dan tempoh yang telah ditetapkan. Pada tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM23.19 juta telah berjaya dikutip oleh Bahagian Perumahan daripada pembeli rumah PAKR. Manakala tunggakan pada tahun 2011 telah menurun sejumlah RM1.85 juta kepada RM23.33 juta berbanding RM25.18 juta pada tahun 2010. Semakan Audit terhadap data SMP mendapati sebanyak 6,530 daripada 8,187 pembeli mempunyai tunggakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,879 pembeli mempunyai tunggakan RM10,000 ke bawah, 579 pembeli mempunyai tunggakan RM10,001 hingga RM20,000 manakala 72 pembeli mempunyai tunggakan melebihi RM20,000. Pelbagai usaha telah diambil oleh Bahagian Perumahan bagi menggalakkan pembeli membayar ansuran bulanan dengan segera antaranya kempen kesedaran melalui media massa dan menyediakan kaunter bergerak di semua perumahan setiap bulan. Selain itu, Bahagian Perumahan juga menyediakan kemudahan bayaran di semua kaunter Pejabat Daerah.

**2.4.4.2.** Lawatan Audit bersama pegawai Bahagian Perumahan pada bulan Januari dan Mac 2012 mendapati rumah di Taman Wira dan Taman Kota Nelayan telah diubahsuai seperti di **Gambar 2.17**, **Gambar 2.18**, **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**. Contoh reka bentuk asal rumah bagi kedua-dua taman adalah seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.19**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada tindakan perundangan diambil sejak tahun 2007 hingga 2011 terhadap pembeli PAKR tersebut yang mempunyai tunggakan tinggi di antara RM6,480 hingga RM21,650. Bagaimanapun pada 9 November

2011, sebanyak 26 pembeli telah dirujuk ke pejabat Penasihat Undang-undang untuk diambil tindakan selanjutnya.

**Gambar 2.16**  
**Contoh Rumah Asal Taman Kota Nelayan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kota Nelayan  
Tarikh: 4 Januari 2012

**Gambar 2.17**  
**Rumah Diubahsuai**  
**Yang Mempunyai Tuggakan RM7,200**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kota Nelayan  
Tarikh: 4 Januari 2012

**Gambar 2.18**  
**Rumah Diubahsuai**  
**Yang Mempunyai Tuggakan RM6,500**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kota Nelayan  
Tarikh: 4 Januari 2012

**Gambar 2.19**  
**Contoh Rumah Asal Taman Wira**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Wira  
Tarikh: 28 Mac 2012

**Gambar 2.20**  
**Rumah Diubahsuai**  
**Yang Mempunyai Tuggakan RM6,480**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Wira  
Tarikh: 2 Januari 2012

**Gambar 2.21**  
**Rumah Diubahsuai**  
**Yang Mempunyai Tuggakan RM21,650**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Wira  
Tarikh: 2 Januari 2012

**Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan sewaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan perundangan perlu diambil terhadap pembeli yang mempunyai tunggakan.**

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan PAKR diurus dengan cekap dan berkesan, Bahagian Perumahan hendaklah memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan ini dengan segera dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan program perumahan ini. Oleh itu Bahagian Perumahan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** Memastikan surat hak milik bagi penghuni yang telah menyelesaikan bayaran ansuran dikeluarkan dengan segera. Kelewatan pengeluaran hak milik menyebabkan kutipan hasil tidak dapat dikutip manakala tuntutan hak milik sukar diselesaikan sekiranya berlaku kematian atau perceraian.

**2.5.2.** Memastikan peraturan mengenai perolehan kerja dipatuhi seperti pelantikan kontraktor yang berdaftar, pembayaran hanya dibuat kepada kerja yang sebenar dilaksanakan mengikut skop kerja yang ditetapkan. Tindakan surcaj perlu diambil sekiranya pegawai yang bertanggungjawab didapati cuai dalam melaksanakan tugas.

**2.5.3.** Membuat siasatan segera bagi menentukan pegawai yang bertanggungjawab membuat bayaran yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap mereka yang terlibat. Begitu juga tuntutan bayaran balik terhadap kerja yang tidak dilaksanakan perlu dibuat dengan segera dan kontraktor tersebut disenaraihitamkan daripada mengambil bahagian di dalam sebarang kontrak Kerajaan Negeri.

**2.5.4.** Rumah kosong hendaklah diagih dengan segera kepada pemohon yang berkelayakan bagi memastikan kos penyenggaraan dapat dikurangkan dan hasil sewaan dapat dikutip.

**2.5.5.** Memastikan tindakan penguatkuasaan diambil supaya tunggakan hasil dapat dikutip.

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

### 3. PENGURUSAN RUMAH MILIK KERAJAAN NEGERI

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Rumah Milik Kerajaan Negeri (rumah Kerajaan) merupakan rumah yang dibina oleh Kerajaan Negeri untuk kediaman pegawai yang layak mengikut syarat di dalam Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Kerajaan Tahun 1974). Selain itu, rumah Kerajaan disediakan bagi mengurangkan beban kewangan anggota berpendapatan rendah, di samping dapat memastikan tugas dan tanggungjawab rasmi dapat dilaksanakan dengan baik, cekap dan sempurna. Kerajaan Negeri juga membenarkan rumah Kerajaan ini digunakan oleh Jabatan Negeri/Persekutuan, persatuan dan pihak swasta bagi tujuan tertentu atau dikenakan sewa pada kadar yang ditetapkan.

**3.1.2.** Pengurusan rumah Kerajaan diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah di Negeri Kedah. Sehingga bulan Oktober 2011, terdapat sejumlah 505 unit rumah Kerajaan di Negeri Kedah di bawah seliaan Pejabat SUK, JKR dan Pejabat Daerah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Bilangan Rumah Kerajaan Negeri**

Bil.	Daerah	Pengurusan Rumah Kerajaan			Jumlah
		SUK (Unit)	Pejabat Daerah (Unit)	JKR (Unit)	
1.	Kota Setar	46	1	13	60
2.	Padang Terap	-	15	-	15
3.	Kulim	-	58	39	97
4.	Bandar Baharu	-	8	15	23
5.	Kubang Pasu	-	32	38	70
6.	Kuala Muda	-	49	14	63
7.	Yan	-	15	1	16
8.	Pendang	-	11	3	14
9.	Langkawi	-	40	38	78
10.	Baling	-	20	11	31
11.	Sik	-	19	19	38
		<b>Jumlah</b>	<b>46</b>	<b>268</b>	<b>191</b>
					<b>505</b>

Sumber: SUK, JKR Daerah dan Pejabat Daerah di Negeri Kedah

#### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan rumah Kerajaan Negeri Kedah telah diuruskan dengan teratur, cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan rumah Kerajaan di Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR bagi Daerah Kota Setar dan Kulim. Semakan dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan Audit ke lokasi rumah Kerajaan di Daerah Kota Setar dan Kulim dilakukan bagi meninjau keadaan fizikal dan persekitaran rumah tersebut. Soal selidik terhadap penghuni rumah Kerajaan juga diedarkan bagi mendapatkan maklum balas berhubung dengan tahap kepuasan, kualiti penyenggaraan dan tindakan aduan yang diambil.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan rumah Kerajaan Negeri seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Hak milik rumah Kerajaan yang tidak dapat dikenal pasti.
- Terdapat pegawai yang tidak layak menduduki rumah Kerajaan.
- Kontrak penyewaan rumah Kerajaan yang tidak dipatuhi.
- Hasil sewaan tidak dimasukkan ke dalam hasil Negeri.
- Tunggakan sewa yang belum dibayar kepada Kerajaan Negeri.

#### **3.4.1. Prestasi Pengurusan Rumah Kerajaan**

**3.4.1.1.** Rumah Kerajaan terdiri daripada pelbagai kelas iaitu Kelas ‘A’ hingga ‘I’. Sehingga 31 Oktober 2011, Kerajaan Negeri memiliki 505 unit rumah Kerajaan di mana 349 unit atau 69.1% telah diduduki manakala 156 unit atau 30.9% masih belum didiami. Daripada keseluruhan rumah Kerajaan yang diduduki, sebanyak 142 unit didiami oleh kakitangan Kerajaan Negeri, 153 unit oleh kakitangan Kerajaan Persekutuan, 43 unit oleh kakitangan Agensi Kerajaan dan 11 unit disewa/digunakan oleh persatuan/pihak swasta. Kedudukan selanjutnya adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Kedudukan Rumah Kerajaan**

Bil.	Kelas Rumah	Bilangan Rumah (Unit)	Rumah Diduduki (Unit)					Rumah Belum Diduduki (Unit)	
			Kategori Kakitangan			Disewa	Jumlah		
			Negeri	Persekutuan	Agensi				
1.	A	14	10	1	1	-	12	2	
2.	B	13	2	4	2	-	8	5	
3.	C	39	10	16	5	1	32	7	
4.	D	15	6	2	1	-	9	6	
5.	E	12	8	1	-	-	9	3	
6.	F	66	33	13	5	-	51	15	
7.	G	132	43	45	18	1	107	25	
8.	H	124	26	50	6	-	82	42	
9.	I	90	4	21	5	9	39	51	
<b>Jumlah</b>		<b>505</b>	<b>142</b>	<b>153</b>	<b>43</b>	<b>11</b>	<b>349</b>	<b>156</b>	

Sumber: SUK, JKR Daerah dan Pejabat Daerah di Negeri Kedah

**3.4.1.2.** Semakan selanjutnya mendapati rumah Kerajaan tidak diduduki di Daerah Kota Setar dan Kulim masing-masing sebanyak 4 dan 40 unit. Daripada 44 unit rumah Kerajaan yang tidak diduduki, sebanyak 43 unit tidak diduduki melebihi setahun manakala 1 unit lagi bagi tempoh kurang setahun. Di antara sebab rumah Kerajaan tidak diduduki adalah kerana keadaan rumah yang rosak dan usang. Sehingga 31 Oktober 2011, hanya terdapat 4 kekosongan rumah Kerajaan di Daerah Kota Setar berbanding 10 permohonan pegawai bagi menduduki rumah Kerajaan yang diletakkan di dalam senarai menunggu. Manakala di Daerah Kulim, tiada senarai menunggu didaftarkan bagi mengisi 40 kekosongan rumah tersebut. **Mengikut maklum bertarikh 5 April 2012, Pihak SUK memaklumkan 1 unit rumah telah diduduki pada 1 Februari 2012 manakala 3 unit lagi masih di dalam proses menunggu kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk disewakan kepada Yayasan Sultanah Bahiyah dan Yayasan Islam Kedah.** Bilangan rumah Kerajaan yang tidak diduduki mengikut pecahan kelas rumah adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Bilangan Rumah Kerajaan Yang Tidak Diduduki Mengikut Kelas Rumah**

Bil.	Daerah	Bilangan Rumah (Unit)	Kelas Rumah									Tempoh Kekosongan	
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	7 Hingga 12 Bulan	Lebih 12 Bulan
1.	Kota Setar	4	1	-	3	-	-	-	-	-	-	1	3
2.	Kulim	40	1	3	-	2	-	1	-	9	24	-	40
<b>Jumlah</b>		<b>44</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>9</b>	<b>24</b>	<b>1</b>	<b>43</b>

Sumber: SUK, Pejabat Daerah Kota Setar dan Kulim, JKR Kota Setar dan Kulim

### 3.4.2. Hak Milik Rumah Kerajaan Yang Tidak Dapat Dikenal Pasti

Pengurusan rumah Kerajaan di peringkat Daerah diuruskan oleh Pejabat Daerah dan JKR Daerah masing-masing. Lawatan Audit bersama pegawai SUK, JKR Kulim dan Pejabat Daerah Kulim mendapati 3 unit rumah Kerajaan tidak dapat dikenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan rumah tersebut. Berdasarkan temu bual dengan penduduk setempat dan tanda pengenalan rumah pada dinding rumah berkenaan

menunjukkan rumah tersebut merupakan milik Kerajaan Negeri. Rumah yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.6**. Pihak Pejabat Daerah Kulim memaklumkan 2 unit rumah di bawah pengurusan Pejabat Daerah Kulim terbiar rosak setelah penyewa keluar dan tiada penyewa yang bersedia untuk masuk. Permohonan peruntukan untuk memperbaiki rumah tersebut telah dibuat. Mengikut maklum bertarikh 5 April 2012, pihak SUK memaklumkan rumah beralamat No. 1332, Jalan Bakar Bata adalah di bawah pengurusan SUK. Pada pendapat Audit, pihak bertanggungjawab perlu mengenal pasti status rumah tersebut kerana ia merupakan aset yang boleh menjana hasil Negeri atau Kerajaan boleh mengambil tindakan merobohkan rumah-rumah tersebut jika tidak bersesuaian lagi dan membangunkan kawasan tersebut untuk tujuan boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan.

**Gambar 3.1**  
**Tanda Pengenalan Rumah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 16 Jalan Tunku Bendahara, Kulim  
Tarikh: 12 Oktober 2011

**Gambar 3.2**  
**Pandangan Hadapan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 16 Jalan Tunku Bendahara, Kulim  
Tarikh: 12 Oktober 2011

**Gambar 3.3**  
**Tanda Pengenalan Rumah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 57 Jalan Tunku Bendahara, Kulim  
Tarikh: 12 Oktober 2011

**Gambar 3.4**  
**Pandangan Hadapan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 57 Jalan Tunku Bendahara, Kulim  
Tarikh: 12 Oktober 2011

**Gambar 3.5**  
Keadaan Luaran Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 1332 Jalan Bakar Bata, Alor Setar  
Tarikh: 28 September 2011

**Gambar 3.6**  
Keadaan Dalaman Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No. 1332 Jalan Bakar Bata, Alor Setar  
Tarikh: 28 September 2011

### 3.4.3. Penyewaan Rumah Kerajaan

#### 3.4.3.1. Pegawai Tidak Layak Menduduki Rumah Kerajaan

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2007, pegawai yang memiliki rumah sendiri yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan dalam lingkungan 25 kilometer (km) daripada ibu pejabat tidak layak menduduki Rumah Kerajaan atau dikehendaki mengosongkan Rumah Kerajaan apabila rumah yang dibeli siap dibina. Sekiranya pegawai masih ingin menetap di Rumah Kerajaan, bayaran 2 kali ganda sewa boleh dikenakan seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Pejabat Kerajaan). Semakan Audit mendapati seramai 18 orang pegawai telah memiliki rumah dalam lingkungan 25 km dari ibu pejabat melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan masih menduduki rumah Kerajaan seperti di **Jadual 3.4** dan bayaran 2 kali sewaan tidak dikenakan ke atas pegawai berkenaan. **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Kulim bertarikh 2 April 2012**, arahan pilihan sama ada muh mengosongkan rumah atau bayaran dua kali sewaan kepada penyewa yang memiliki rumah yang dibeli melalui pinjaman perumahan telah dikeluarkan pada 2 April 2012.

**Jadual 3.4**  
Penyewa Yang Memiliki Rumah Sendiri Melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan

Bil.	Jabatan	Lokasi Rumah Mengikut Daerah	
		Kota Setar	Kulim
		Bilangan Pegawai (Orang)	Bilangan Pegawai (Orang)
1.	JKR	4	2
2.	SUK	2	-
3.	Majlis Perbandaran	-	4
4.	Pejabat Daerah	-	6
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>12</b>

Sumber: Rekod di semua Jabatan/ Agensi berkaitan

### 3.4.3.2. Penggunaan Rumah Kerajaan Selain Daripada Kediaman

- a. MMK mempunyai kuasa memberi kelulusan penggunaan rumah Kerajaan untuk kegunaan selain kediaman secara percuma atau dikenakan bayaran sewa. Semakan Audit mendapati sebanyak 25 unit rumah Kerajaan di Daerah Kota Setar dan Kulim telah diserahkan kepada Jabatan Negeri/ Persekutuan, Persatuan dan pihak swasta untuk tujuan tertentu secara percuma atau dikenakan bayaran sewa. Sebanyak 15 unit rumah telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Kedah bagi tujuan yang telah dinyatakan manakala 10 unit rumah yang tidak mendapat kelulusan adalah seperti di **Jadual 3.5**. Kelewatan memberi kelulusan penggunaan rumah Kerajaan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat menguatkuasakan kutipan hasil sewaan. **Mengikut maklum balas yang diterima oleh Pejabat Daerah Kulim bertarikh 2 April 2012**, surat perjanjian semula akan disediakan bagi rumah beralamat No. 11 Jalan Tunku Bendahara dan No. 1552 & 1553 Jalan Hospital. Manakala rumah beralamat No. 9 Jalan Bukit telah diberi kelulusan menduduki oleh Pegawai Daerah Kulim melalui rujukan Bil. (73) dlm. PDK 103 Jld. 9 bertarikh 22 Mei 2011. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 5 April 2012**, Pihak SUK memaklumkan pihak Kerajaan Negeri bersetuju membuat penyerahan rumah Kerajaan kepada Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah.

**Jadual 3.5**

Rumah Kerajaan Diduduki Oleh Jabatan Kerajaan/Persatuan/Penyewa/Pengguna/  
Pihak Swasta

Bil.	Alamat Rumah	Penggunaan Rumah	Disewa/ Percuma	Jabatan/ Swasta
<b>Daerah Kota Setar</b>				
1.	No.937 Jalan Sultanah	Pusat INSPIN	Tiada Maklumat	INSPIN
2.	JKR No.1922 Jalan Sultanah	Pusat INSPIN	Tiada Maklumat	INSPIN
3.	JKR No. 321 Jalan Sultanah	Pusat INSPIN	Percuma	INSPIN
4.	JKR No. 345 Jalan Sultanah	Pusat INSPIN	Tiada Maklumat	INSPIN
<b>Daerah Kulim</b>				
5.	No. 11 Jalan Tunku Bendahara	Taman Nurul Ain	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
6.	No. 9 Jalan Bukit	Tapak Aktiviti	Tiada Maklumat	Persatuan Bulan Sabit Merah Kulim
7.	1552 Jalan Hospital	Pusat Khidmat AADK	Tiada Maklumat	AADK
8.	1553 Jalan Hospital			
9.	1554 Jalan Hospital			
10.	1555 Jalan Hospital			

Sumber: Daftar Induk SUK dan Pejabat Daerah

- b. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan rumah Kerajaan yang disewa kepada Agensi Kerajaan, Persatuan dan pihak swasta mendapati:

**i. Kontrak Penyewaan 3 Unit Apartmen KCS Kepada Koperasi Pegawai Tadbir Negeri Kedah (Koperasi KCS) Tidak Dipatuhi**

Kontrak Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Apartmen KCS Di Alor Merah, Kedah telah ditandatangani pada 1 Januari 2005 oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah dengan Koperasi KCS. Mengikut perjanjian, Koperasi KCS dibenarkan menyewa 3 unit apartmen kepada mana-mana individu atau syarikat. Terma kontrak menetapkan keuntungan dari hasil sewaan 3 unit apartmen tersebut akan dibahagikan mengikut nisbah 80:20 di antara pihak Koperasi KCS dan Kerajaan Negeri setelah Akaun Untung dan Rugi diserahkan kepada Kerajaan. Semakan Audit terhadap Daftar Induk Rumah di SUK mendapati apartmen berkenaan telah diduduki dengan kadar sewaan di antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada pembahagian keuntungan diterima oleh kerajaan Negeri sejak penyewaan apartmen berkenaan pada tahun 2000. Kerajaan Negeri tidak dapat menentukan pembahagian keuntungan yang boleh diperolehi disebabkan kegagalan pihak Koperasi KCS menyediakan Akaun Untung dan Rugi. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 5 April 2012, SUK memaklumkan pihaknya sedang menunggu maklumat akaun bagi tahun 2000 hingga 2011 daripada Koperasi KCS bagi tujuan pembahagian keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui.**

**ii. Hasil Sewaan Tidak Dimasukkan Ke Dalam Hasil Kerajaan Negeri**

Mana-mana hasil yang diterima dari sewaan bangunan Kerajaan kepada pihak luar hendaklah diambil kira sebagai hasil Negeri. Kelulusan khas hendaklah diperolehi oleh Pegawai Kewangan Negeri bagi kutipan yang tidak dimasukkan ke dalam hasil Negeri. Semakan Audit mendapati rumah Kerajaan beralamat di 1331, Jalan Bakar Bata, Lebuhraya Darulaman yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 11 Mac 2007 untuk dijadikan Pusat Aktiviti Pejabat Daerah Kota Setar telah disewa kepada orang awam bagi tujuan lain seperti kenduri, mesyuarat dan sebagainya mengikut kadar sewaan yang dikenakan seperti di **Jadual 3.6**. Berdasarkan perkiraan Audit, kutipan sewa bersih yang diperolehi bagi tahun 2008 hingga bulan September 2011 adalah berjumlah RM9,248. Hasil sewaan ini telah diserahkan kepada Bendahari Badan Kebajikan Dan Rekreasi Kakitangan Pejabat Daerah Kota Setar tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan menyebabkan hasil Kerajaan Negeri telah terkurang nyata dengan jumlah tersebut. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 April 2012, Pejabat Daerah Kota Setar telah mengambil tindakan memohon kebenaran khas daripada Pegawai Kewangan Negeri bagi memasukkan hasil kutipan tersebut ke dalam akaun Badan Kebajikan Pejabat Daerah Kota Setar.**

**Jadual 3.6**  
**Kadar Sewaan Mengikut Jenis Kemudahan**

Bil.	Jenis Kemudahan	Sewa (RM)
1.	Bilik Penginapan	70/malam
2.	Bilik Mesyuarat	25/ sejam
3.	Sebuah Rumah	300/ sehari
4.	Keseluruhan Bangunan	400/ sehari
5.	Sebuah Rumah Kecuali Bilik Mesyuarat	210/ sehari
6.	Tilam Tambahan	5/ seunit

Sumber: Pejabat Daerah Kota Setar

### iii. Tunggakan Sewaan Rumah Kepada Kerajaan Negeri

Dua unit rumah Kerajaan telah disewakan kepada Pejabat Daerah Kota Setar untuk dijadikan Pusat Aktiviti dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kulim sebagai pejabat dengan kadar sewaan berjumlah RM300 sebulan masing-masing pada bulan April 2007 dan Jun 2008. Kos penyenggaraan rumah tersebut adalah di bawah tanggungjawab penyewa. Semakan Audit mendapati sewaan bulanan bagi kedua-dua unit rumah tersebut masih belum dibayar kepada Kerajaan Negeri. Sehingga bulan Disember 2011, tunggakan sewa adalah berjumlah RM30,000 iaitu RM17,100 bagi Pejabat Daerah Kota Setar dan RM12,900 bagi SPM. Sehingga pada tarikh pengauditan dijalankan, tiada tuntutan bayaran sewa dibuat kepada penyewa berkenaan. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada Pejabat Daerah Kota Setar bertarikh 4 April 2012, kebenaran daripada SUK telah dibuat bagi menjelaskan bayaran sewaan mulai bulan Januari 2012. Manakala mengikut maklum balas Pejabat Daerah Kulim bertarikh 2 April 2012, memaklumkan kadar sewaan yang dipersetujui bagi rumah yang diserahkan kepada SPM masih dalam peringkat penubuhan jawatankuasa.**

**Pada pendapat Audit, pihak bertanggungjawab hendaklah memastikan terma perjanjian dipatuhi dan kelulusan khas diperolehi bagi bayaran sewa yang tidak dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan Negeri.**

### 3.5. SYOR AUDIT

Pengurusan rumah Kerajaan masih boleh dipertingkatkan sekiranya beberapa kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki dengan memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

**3.5.1.** Pejabat SUK hendaklah mengkaji sama ada rumah Kerajaan yang tidak berpenghuni sesuai dijadikan sebagai rumah penginapan, disewakan kepada orang ramai yang berminat atau dijual sekiranya tidak diperlukan.

**3.5.2.** Pejabat SUK hendaklah mengambil tindakan bagi mengenal pasti status pemilikan rumah Kerajaan dan menentukan pihak yang bertanggungjawab menguruskan rumah tersebut.

**3.5.3.** Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR Daerah hendaklah memastikan terma perjanjian dipatuhi dan kelulusan khas diperolehi bagi bayaran sewa yang tidak dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan Negeri.

## **JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI**

### **4. PENGURUSAN BANTUAN AM**

#### **4.1. LATAR BELAKANG**

**4.1.1.** Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKM) adalah sebuah agensi yang tertakluk di bawah Perkara 133, Jadual Bersama Perlembagaan Persekutuan yang berperanan untuk merealisasikan agenda Kerajaan Negeri bagi membangunkan golongan yang kurang berasib baik ke arah kesejahteraan sosial. Di samping itu, JKM juga berperanan memberi pelindungan dan pemulihan kepada penerima bantuan, mengubah sikap untuk berdikari dan mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang dan mengenal pasti golongan yang berkeperluan dan bermasalah. Dalam usaha membantu golongan yang kurang berasib baik ini, JKM telah mengadakan beberapa program bantuan kewangan kepada individu atau keluarga yang mengalami kesempitan hidup.

**4.1.2.** JKM melaksanakan tanggungjawab itu melalui pemberian pelbagai jenis bantuan yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Anak Pelihara dan Elaun Pekerja Cacat dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala Bantuan Am Bulanan, Bantuan Latihan Sambil Belajar, Bantuan Geran Pelancaran (projek jaya diri), Bantuan Membina Dan Membaiki Rumah, Bantuan Alat Tiruan (ortopedik), Bantuan Persekolahan Pelajar Miskin, Bantuan Geran Kepada Pertubuhan Sukarela dan Bantuan Bencana Alam dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan Am Bulanan dan Bantuan Latihan Sambil Belajar dibayar secara bulanan manakala bantuan am yang lain diberi secara sekali gus. Objektif program ini bertujuan untuk membantu individu/keluarga yang kesempitan hidup dan kurang berkemampuan agar dapat meringankan kesulitan kewangan buat sementara waktu atau sehingga dapat berdikari. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Kadar Bantuan Am di seluruh Malaysia adalah berbeza dan dibayar mengikut kemampuan kewangan negeri masing-masing. Kadar Bantuan Am Bulanan yang diberi oleh JKM Negeri Kedah ialah di antara RM80 hingga RM350 sebulan bagi satu keluarga. Kadar ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada bulan April 2003. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan Negeri pada bulan September 2010 telah meluluskan kadar baru Bantuan Am di antara RM150 hingga RM350 sebulan bagi satu keluarga dan berkuat kuasa mulai Januari 2011.

**4.1.3.** Mengikut statistik JKM, peruntukan kewangan yang diluluskan berbanding perbelanjaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM40.77 juta manakala perbelanjaan adalah berjumlah RM39.29 juta. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 63,261 permohonan bantuan telah diterima oleh JKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28,185 permohonan atau 44.6% telah diluluskan dan 32,143

permohonan atau 50.8% telah ditolak atas pelbagai sebab manakala baki 2,933 permohonan atau 4.6% masih disiasat. Penyampaian perkhidmatan JKM dalam pengurusan aktiviti Bantuan Am telah mendapat pengiktirafan SIRIM melalui pensijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2008.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan aktiviti Bantuan Am Bulanan bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan 3 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu di daerah Kota Setar, Kubang Pasu dan Sik. Pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada penyemakan terhadap daftar permohonan, siasatan, fail kelulusan ulang kaji kes bantuan, rekod bantuan dan bayaran serta dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penerima bantuan juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan juga dijalankan di beberapa lokasi bayaran bantuan dan di rumah penerima bantuan yang dipilih. Pihak Audit juga membuat pengesahan terhadap status semua penerima bantuan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya Bantuan Am Bulanan telah berjaya membantu mengurang dan meringankan kesulitan kewangan individu/keluarga yang dalam kesempitan hidup dan kurang kemampuan. Namun, terdapat beberapa kelemahan dari aspek pengurusan aktiviti Bantuan Am seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kelewatan membuat siasatan dan kelulusan permohonan baru.
- Kajian semula terhadap penerima bantuan lewat dijalankan.
- Keselamatan agihan wang bantuan secara tunai kurang diberi perhatian yang sewajarnya.
- Bayaran masih diteruskan kepada penerima bantuan yang meninggal dunia dan wang yang tidak dituntut lewat dikembalikan kepada Bendahari Negeri.

#### 4.4.1. Pengagihan Bantuan Kepada Penerima

4.4.1.1. JKM memberi Bantuan Am bagi membantu meringankan beban dan mengembangkan keupayaan sehingga penerima bantuan dapat berdikari. Kedudukan bilangan penerima dan jumlah agihan bantuan bagi daerah Kota Setar, Kubang Pasu dan Sik tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Pengagihan Bantuan Am Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Daerah	Agihan Bantuan	
		Bilangan	Jumlah (RM Juta)
2009	Kota Setar	1,987	2.83
	Kubang Pasu	1,160	2.13
	Sik	367	0.68
	<b>Jumlah</b>	<b>3,514</b>	<b>5.64</b>
2010	Kota Setar	2,083	2.54
	Kubang Pasu	1,128	1.54
	Sik	383	0.50
	<b>Jumlah</b>	<b>3,594</b>	<b>4.58</b>
2011	Kota Setar	1,556	2.76
	Kubang Pasu	1,191	2.01
	Sik	310	0.57
	<b>Jumlah</b>	<b>3,057</b>	<b>5.34</b>
<b>Jumlah Besar</b>		-	<b>15.56</b>

Sumber: PKMD

4.4.1.2. Berdasarkan jadual di atas, jumlah keseluruhan Bantuan Am yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi ketiga-tiga daerah ialah RM15.56 juta. Pada tahun 2009, sejumlah RM5.64 juta telah diagihkan kepada 3,514 penerima bantuan dan pada tahun 2010, sejumlah RM4.58 juta telah diagihkan kepada 3,594 penerima. Pada tahun 2011, sebanyak 3,057 orang telah menerima bantuan yang berjumlah RM5.34 juta. Penurunan sebanyak 537 orang ini adalah disebabkan oleh proses pemutihan data yang dilakukan dengan mengeluarkan nama dari senarai penerima bantuan sekiranya penerima tersebut telah menerima bantuan dari sumber lain atau telah meninggal dunia. Walaupun bilangan penerima telah menurun, jumlah bantuan yang dibayar tetap meningkat sehingga RM0.76 juta atau 16.6% berikutan kenaikan kadar bantuan mulai tahun 2011.

4.4.1.3. JKM telah menetapkan siasatan secara terperinci perlu dijalankan terhadap permohonan Bantuan Am bagi memastikan maklumat seperti taraf kewarganegaraan, umur, pendapatan keluarga dan bilangan tanggungan adalah tepat. Selain itu, faktor kesihatan atau kecacatan dan keadaan kediaman pemohon serta persekitaran juga diberi perhatian. Semakan Audit terhadap 283 fail permohonan yang diluluskan pada tahun 2009 hingga 2011 mendapat semua kriteria yang ditetapkan telah dipatuhi. Kelulusan juga diberikan atas sebab lain seperti tanggungan yang ramai, orang kurang upaya, mempunyai anak cacat anggota, berpenyakit mental atau mengidap penyakit berpanjangan yang memerlukan kos rawatan bulanan yang tinggi.

Pada pendapat Audit, tindakan JKM melaksanakan proses pemutihan data untuk memastikan hanya penerima yang berkelayakan diberi bantuan adalah selaras dengan matlamat bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan meningkatkan taraf hidup mereka untuk berdikari. Pemilihan penerima bantuan telah dilaksanakan dengan memuaskan berdasarkan kriteria dan kelayakan yang telah ditetapkan.

#### 4.4.2. Pengurusan Permohonan Dan Kelulusan Bantuan Am

##### 4.4.2.1. Siasatan Lewat Dijalankan

Piagam Pelanggan JKM menetapkan setiap permohonan yang diterima hendaklah disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 283 fail penerima bantuan meliputi 149 fail di PKMD Kota Setar, 104 fail di PKMD Kubang Pasu dan 30 fail di PKMD Sik mendapati sebanyak 140 kes lewat disiasat sehingga 706 hari dari tempoh permohonan diterima. **Mengikut maklum balas bertarikh 25 Januari 2012**, Pihak Audit dimaklumkan antara sebab siasatan lewat dijalankan adalah kerana pemohon tidak dapat dihubungi dan maklumat tambahan diperlukan daripada Doktor Pakar Perubatan atau Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Mengikut maklum balas JKM, bagi mengatasi masalah kelewatan siasatan dijalankan, Pasukan Petugas telah ditubuhkan bagi membantu daerah yang mempunyai tunggakan kes yang tinggi. Kedudukan kelewatan siasatan mengikut daerah bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Kelewatan Siasatan Terhadap Permohonan Bantuan**  
**Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Bilangan Fail Disemak	Kelewatan Siasatan	
		Bilangan Kes	Tempoh Kelewatan (Hari)
Kota Setar	149	72	1 hingga 200
		5	201 hingga 400
		2	401 hingga 600
		1	601 hingga 800
Kubang Pasu	104	34	1 hingga 200
		6	201 hingga 400
		2	401 hingga 600
Sik	30	18	1 hingga 200
<b>Jumlah</b>	<b>283</b>	<b>140</b>	

Sumber: PKMD

##### 4.4.2.2. Permohonan Lewat Diluluskan

Setiap permohonan yang telah siap disiasat oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 283 fail mendapati 135 kes permohonan lewat diluluskan di antara 3 hingga 694 hari dari tarikh permohonan diterima. Kelewatan ini disebabkan permohonan tersebut perlu disiasat dengan lebih terperinci bagi

mendapatkan maklumat tambahan yang lebih lengkap dan hanya Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang boleh meluluskan permohonan tersebut. Mengikut maklum balas JKM bertarikh 25 Januari 2012, bagi mengatasi masalah permohonan lewat diluluskan, kuasa meluluskan permohonan telah diturunkan kepada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Gred S32 bagi daerah Kota Setar dan Kubang Pasu mulai 1 Mac 2011 dan Gred S27 bagi daerah Sik mulai 1 Januari 2012. Kedudukan kes permohonan lewat diluluskan mengikut daerah bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Kelewatan Meluluskan Permohonan Bantuan**  
**Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Bilangan Fail Disemak	Kelewatan Kelulusan Permohonan	
		Bilangan Kes	Tempoh Kelewatan (Hari)
Kota Setar	149	66	1 hingga 200
		13	201 hingga 400
		1	401 hingga 600
		1	601 hingga 800
Kubang Pasu	104	30	1 hingga 200
		9	201 hingga 400
Sik	30	15	1 hingga 200
<b>Jumlah</b>	<b>283</b>	<b>135</b>	

Sumber: PKMD

#### **4.4.2.3. Kelewatan Kajian Semula Terhadap Penerima Bantuan**

Kajian semula terhadap penerima bantuan sedia ada perlu dilaksanakan setahun sekali bagi memastikan sama ada bantuan boleh diteruskan atau ditamatkan. Mengikut Prosedur Kualiti mengenai Pengendalian Bantuan Kewangan, kajian semula hendaklah dijalankan 2 bulan sebelum tarikh tamat bantuan. Semakan Audit terhadap 283 fail mendapati 104 kes kajian semula lewat dijalankan di antara 31 hingga 737 hari. Selain itu, jadual pelaksanaan program kajian semula tidak disediakan bagi memudahkan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah memantau prestasi dari semasa ke semasa. Kelewatan mengkaji semula kes menyebabkan bantuan diteruskan walaupun penerima sudah mampu berdikari atau meninggal dunia. Kedudukan kes kajian semula terhadap penerima bantuan mengikut daerah bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kelewatan Kajian Semula Terhadap Penerima Bantuan**  
**Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Bilangan Fail Disemak	Kelewatan Kajian Semula	
		Bilangan Kes	Tempoh Kelewatan (Hari)
Kota Setar	149	61	1 hingga 200
		9	201 hingga 400
		2	401 hingga 600
		1	601 hingga 800
Kubang Pasu	104	23	1 hingga 200
Sik	30	8	1 hingga 200
<b>Jumlah</b>	<b>283</b>	<b>104</b>	

Sumber: PKMD

Pada pendapat Audit, kelewatan menjalankan siasatan dan meluluskan permohonan boleh menjelaskan peluang golongan yang memerlukan mendapat bantuan dengan kadar segera. Manakala kelewatan menjalankan kajian semula bagi penerima bantuan sedia ada boleh menyebabkan bantuan diteruskan sebelum kelulusan baharu di perolehi. JKM perlu menyemak semula tempoh masa yang ditetapkan agar ianya selaras dengan kemampuan pegawai sedia ada.

#### 4.4.3. Pengurusan Agihan Wang Bantuan Am

##### 4.4.3.1. Bayaran Kepada Penerima Yang Meninggal Dunia

Semakan Audit terhadap Cabutan Daftar Alamat di JPN dan Senarai Nama Penerima Bantuan PKMD yang dipilih mendapati 94 penerima telah meninggal dunia di antara tahun 2005 hingga bulan Julai 2011 tetapi nama mereka masih wujud di senarai penerima bayaran. Pengiraan Audit mendapati sejumlah RM178,180 telah dibayar kepada 94 penerima yang telah meninggal dunia dikira bermula dari bulan pertama penerima meninggal dunia sehingga bulan Julai 2011. Pemeriksaan lanjut mendapati bayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia berlaku disebabkan tiada koordinasi di antara Unit Pentadbiran dan Unit Kewangan mengakibatkan bayaran masih diteruskan walaupun fail penerima bantuan telah ditutup. Semakan Audit juga mendapati terdapat laporan kajian semula yang tidak tepat kerana mengesyorkan bantuan diteruskan walaupun penerima sebenarnya telah meninggal dunia. Penemuan yang sama juga telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 melibatkan daerah Kuala Muda, Kota Setar, Langkawi dan Bandar Baharu. **Mengikut maklum balas JKM bertarikh 14 Jun 2012, sehingga Jun 2012, sejumlah RM108,560 telah dikutip balik daripada 44 akaun penerima bantuan yang telah meninggal dunia dan amaun ini telah dimasukkan ke akaun Bendahari Negeri. Manakala sejumlah RM95,175 masih berada di dalam 28 akaun penerima bantuan di bank berkaitan dan jumlah ini akan dipulangkan oleh pihak bank kepada JKM apabila semua urusan berkaitan selesai. Selain itu, nama penerima yang meninggal dunia telah dikeluarkan daripada senarai baucar bayaran oleh PKMD.** Bilangan penerima yang telah meninggal dunia adalah seperti di Jadual 4.5.

**Jadual 4.5**  
**Penerima Yang Telah Meninggal Dunia Tetapi Masih Menerima Bantuan**

Daerah	Tahun Penerima Meninggal Dunia/Bilangan							Jumlah Kes	Anggaran (RM)
	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 (Julai)		
Kota Setar	3	2	3	1	7	17	14	47	95,870
Kubang Pasu	-	1	1	3	9	11	13	38	65,220
Sik	-	1	1	2	-	-	5	9	17,090
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>16</b>	<b>28</b>	<b>32</b>	<b>94</b>	<b>178,180</b>

Sumber: PKMD dan JPN

Pada pendapat Audit, PKMD hendaklah menyemak status penerima dari semasa ke semasa di JPN dan kajian semula hendaklah dijalankan dengan lebih bertanggungjawab bagi memastikan bayaran tidak dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia. JKM juga perlu memastikan bayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia dapat dikutip semula dengan segera.

#### 4.4.3.2. Agihan Wang Secara Tunai Dan Bank

Kaedah agihan wang bantuan secara tunai dilaksanakan dengan cara penerima datang sendiri ke PKMD atau penerima hadir ke pusat bayaran setempat yang ditetapkan atau pegawai PKMD hadir sendiri ke rumah penerima berkenaan. Manakala agihan wang bantuan melalui bank dilaksanakan dengan cara wang dikreditkan terus ke akaun penerima. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM15.56 juta telah diagihkan secara tunai dan bank kepada 10,165 penerima bantuan bagi 3 daerah tersebut. Analisis Audit mendapati bilangan penerima bantuan secara tunai semakin berkurangan setiap tahun iaitu dari 2,261 penerima pada tahun 2009 kepada 451 penerima sahaja pada tahun 2011. Manakala bilangan penerima bantuan melalui bank semakin meningkat iaitu dari 1,253 penerima pada tahun 2009 kepada 2,606 penerima pada tahun 2011. Pihak Audit mendapati langkah yang diambil oleh JKM dalam melaksanakan proses pembayaran bantuan melalui bank dapat menjamin keselamatan agihan wang bantuan, mengurangkan beban tugas pegawai di PKMD dan mengurangkan kos pengurusan JKM. Bilangan penerima dan jumlah bantuan bagi 3 daerah berkenaan adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.6**  
**Bantuan Am Secara Tunai Mengikut Daerah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Perkara	Tahun			Jumlah
		2009	2010	2011	
Kota Setar	Bilangan Penerima	1,414	1,099	117	2,630
	Amaun (RM)	1,993,430	1,611,710	935,600	4,540,740
Kubang Pasu	Bilangan Penerima	675	389	247	1,311
	Amaun (RM)	1,226,130	786,975	562,090	2,575,195
Sik	Bilangan Penerima	172	166	87	425
	Amaun (RM)	307,240	201,840	198,530	707,610
<b>Jumlah Penerima</b>		<b>2,261</b>	<b>1,654</b>	<b>451</b>	<b>4,366</b>
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>3,526,800</b>	<b>2,600,525</b>	<b>1,696,220</b>	<b>7,823,545</b>

Sumber: PKMD

**Jadual 4.7****Bantuan Am Melalui Bank Mengikut Daerah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Perkara	Tahun			Jumlah
		2009	2010	2011	
Kota Setar	Bilangan Penerima	573	984	1,439	2,996
	Amaun (RM)	837,220	933,800	1,825,290	3,596,310
Kubang Pasu	Bilangan Penerima	485	739	944	2,168
	Amaun (RM)	904,800	751,570	1,445,540	3,101,910
Sik	Bilangan Penerima	195	217	223	635
	Amaun (RM)	372,130	294,140	368,090	1,034,360
<b>Jumlah Penerima</b>		<b>1,253</b>	<b>1,940</b>	<b>2,606</b>	<b>5,799</b>
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>2,114,150</b>	<b>1,979,510</b>	<b>3,638,920</b>	<b>7,732,580</b>

Sumber: PKMD

**4.4.3.3. Agihan Wang Bantuan Setempat**

- a. Pengagihan wang bantuan setempat telah dilaksanakan di 2 PKMD yang dilawati iaitu di Kubang Pasu dan Kota Setar manakala di daerah Sik, tiada pembayaran dibuat secara agihan wang bantuan setempat. PKMD telah menetapkan tarikh dan tempat agihan seperti di balai penghulu, dewan, rumah perlindungan warga emas, masjid dan sebagainya. Pada bulan Ogos 2011, pihak Audit telah turut serta mengikuti proses pembayaran wang bantuan yang dibuat pada Majlis Penyampaian Bantuan di Dewan Serbaguna Padang Sera, Daerah Kubang Pasu seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**. Pengagihan wang bantuan setempat telah dilaksanakan dengan baik dan teratur oleh pegawai PKMD Kubang Pasu.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 Ogos 2011  
Lokasi: Dewan Serbaguna Padang Sera



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 Ogos 2011  
Lokasi: Dewan Serbaguna Padang Sera

- b. Pemeriksaan Audit selanjutnya di Masjid Nur Ehsan Kubang Rotan, Daerah Kota Setar mendapat pengagihan dilakukan di pondok dalam kawasan masjid tetapi tempat duduk tidak disediakan kepada warga emas dan pondok wakaf yang terbuka terdedah kepada risiko kecurian. Keadaan penerima bantuan di pondok tersebut adalah seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**. **Mengikut maklum balas JKM bertarikh 25 Januari 2012**, lokasi ini dipilih kerana kedudukannya strategik dan memudahkan penerima untuk hadir menerima bantuan. Bagaimanapun, pihak PKMD

Kota Setar telah membuat rundingan dengan pihak masjid tersebut untuk menggunakan kemudahan sedia ada demi keselesaan penerima bantuan.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 21 September 2011  
Lokasi: Pondok Dalam Kawasan Masjid Nur Ehsan, Kubang Rotan

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 21 September 2011  
Lokasi: Pondok Dalam Kawasan Masjid Nur Ehsan, Kubang Rotan

- c. Di PKMD Sik, semua pembayaran dibuat di pejabat dan didapati pengagihan wang bantuan dibuat dengan baik dan teratur seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Oktober 2011  
Lokasi: PKMD Sik

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Oktober 2011  
Lokasi: PKMD Sik

#### 4.4.3.4. Agihan Wang Bantuan Ke Rumah Penerima

Bagi kes tertentu, Pegawai Kebajikan Masyarakat akan menyerahkan wang bantuan ke rumah penerima sekiranya keupayaan fizikal penerima adalah terbatas. Semakan Audit mendapati bagi agihan bantuan di rumah penerima, proses pembayaran telah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Penerima menurunkan cap jari dan pegawai pembayar serta saksi menurunkan tandatangan pada 2 salinan Senarai Nama Penerima Bantuan. Pengagihan wang Bantuan Am ke rumah penerima adalah seperti di **Gambar 4.7**.



**Gambar 4.7  
Pengagihan Wang Di Rumah  
Penerima Bantuan Warga Emas**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 26 September 2011  
Lokasi: Kampung Suka Menanti, Alor Setar

Pada pendapat Audit, kaedah agihan wang bantuan melalui bank adalah baik kerana menjamin keselamatan wang dan dapat membantu mengurangkan beban kerja pegawai di PKMD. Sungguhpun dalam keadaan tersebut, kaedah agihan wang bantuan secara tunai masih diperlukan dan prosedur keselamatan wang dalam perjalanan dan semasa pengagihan bantuan perlu dipertingkatkan.

#### **4.4.4. Pengembalian Wang Bantuan Melebihi Tempoh 21 Hari Dari Tarikh Cek Diterima Oleh PKMD**

**4.4.4.1.** Mengikut Arahan Perbendaharaan 96 (c), wang bantuan yang tidak dituntut hendaklah dipulangkan semula kepada Bendahari Negeri dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek diterima oleh PKMD. Semakan Audit mendapati semua PKMD yang dipilih tidak mematuhi arahan tersebut. Pada tahun 2009 hingga 2011, Bantuan Am secara tunai berjumlah RM516,585 yang tidak dituntut dan lewat dikembalikan di antara 2 hingga 250 hari seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8  
Kelewatan Pengembalian Wang Yang Tidak Dituntut Kepada Bendahari Negeri  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Kota Setar		Kubang Pasu		Sik		Jumlah
	Amaun (RM)	Tempoh Lewat (Hari)	Amaun (RM)	Tempoh Lewat (Hari)	Amaun (RM)	Tempoh Lewat (Hari)	
2009	218,560	15 hingga 71	63,200	1 hingga 109	5,340	12	287,100
2010	117,140	12 hingga 70	35,045	14 hingga 78	5,820	2 hingga 32	158,005
2011 (hingga Julai)	43,800	6 hingga 102	14,020	6 hingga 28	13,660	44 hingga 250	71,480
<b>Jumlah</b>	<b>379,500</b>	-	<b>112,265</b>	-	<b>24,820</b>	-	<b>516,585</b>

Sumber: PKMD

**4.4.4.2.** Analisis Audit mendapati kelewatan pengembalian wang yang tidak dituntut kepada Bendahari Negeri di PKMD Kota Setar adalah di antara 6 hingga 102 hari manakala bagi PKMD Kubang Pasu adalah sehingga 109 hari. Bagi PKMD Sik, pengembalian wang yang tidak dituntut bagi bulan Mac hingga Julai 2011 hanya dibuat pada bulan Januari 2012 dan ini menyebabkan berlaku kelewatan sehingga 250 hari.

Wang yang tidak dituntut disimpan ke dalam akaun Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk tempoh yang lama sedangkan penerima bantuan gagal dikesan atau sudah meninggal dunia. Sehingga 31 Ogos 2011, baki wang dalam akaun Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah bagi ketiga-tiga daerah adalah berjumlah RM361,828. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki sebenar Bantuan Am di dalam akaun tersebut kerana jumlahnya juga terdiri daripada baki wang bantuan lain.

**Pada pendapat Audit, kelewatan pengembalian wang yang tidak dituntut kepada Bendahari Negeri dan menyimpan wang tunai bagi tempoh yang lama dalam akaun PKMD adalah menyalahi peraturan kewangan dan patut diberhentikan serta merta.**

#### 4.4.5. Analisis Maklum Balas Penerima Bantuan

**4.4.5.1.** Sebanyak 137 borang soal selidik telah diedarkan kepada penerima Bantuan Am di PKMD Kota Setar, Kubang Pasu dan Sik untuk menilai tahap keberkesanan bantuan tersebut. Antara maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Analisis Maklum Balas Penerima Bantuan Am**

Kriteria Audit	Setuju		Tidak Setuju	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Bantuan mencukupi	133	97.1	4	2.9
Bayaran tunai diganti dengan bayaran melalui bank	57	41.6	80	58.4
Perkhidmatan yang diberikan oleh JKM adalah baik	137	100	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

**4.4.5.2.** Analisis terhadap maklum balas borang soal selidik mendapati perkara berikut:

- a. 4 atau 2.9% responden menyatakan bantuan tidak mencukupi kerana penerima mempunyai tanggungan yang ramai atau mempunyai anak yang sakit.
- b. 80 atau 58.4% responden tidak bersetuju bantuan dibayar melalui bank kerana penerima tidak mempunyai kenderaan untuk ke bank, penerima yang uzur dan tidak faham dengan urusan perkhidmatan bank.
- c. 137 atau 100% responden menyatakan perkhidmatan yang diberikan oleh JKM adalah baik dan perlu diteruskan bagi menampung kos sara hidup penerima.

#### 4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pengurusan Bantuan Am diuruskan dengan cekap dan berkesan, JKM adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara berikut:

**4.5.1.** Menyiasat dan mengambil tindakan tata tertib terhadap pegawai yang cuai dalam membuat pembayaran kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia kerana perkara yang sama telah dilaporkan pada tahun 2007.

**4.5.2.** Memastikan wang yang tidak dapat diagih dikembalikan kepada Bendahari Negeri di dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak disimpan dalam akaun PKMD.

**4.5.3.** Mewujudkan perkongsian data antara JKM dan JPN bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai status penerima bantuan pada setiap masa.

**4.5.4.** Membuat bayaran bantuan melalui akaun bank penerima sepenuhnya kecuali bagi penerima yang tua dan uzur.

**4.5.5.** Menyediakan perancangan bagi memastikan kelewatan dalam siasatan, meluluskan permohonan dan kelewatan menjalankan kajian semula dapat diatasi.

## **JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH**

### **5. PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL**

#### **5.1. LATAR BELAKANG**

**5.1.1.** Sijil Pengesahan Halal (SPH) merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan kehalalan sesuatu makanan, minuman, premis, barang, aktiviti atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa. Pengurusan pensijilan halal bagi Negeri Kedah melibatkan 2 agensi negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK). MAIK bertanggungjawab dalam menyelaras dasar pengurusan SPH dan kutipan hasil SPH. Manakala JHEAIK bertanggungjawab dalam pelaksanaan pengeluaran SPH kepada pengusaha makanan, minuman, barang gunaan orang Islam, premis makanan dan rumah sembelihan serta aktiviti penguatkuasaan terhadap pemegang SPH. Di antara aktiviti yang dijalankan oleh JHEAIK adalah memproses borang permohonan, melakukan pemeriksaan terhadap premis pemohon dan mencadangkan pemberian SPH. Pengeluaran SPH dan logo halal ini adalah tertakluk kepada pematuhan MS1500:2004, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Manual JAKIM) dan Garis Panduan Permohonan Sijil Pengesahan Halal Negeri Kedah Darul Aman Bagi Produk Makanan, Minuman Dan Bahan Gunaan Orang Islam Negeri Kedah.

**5.1.2.** Berdasarkan Manual JAKIM, terdapat 6 kategori pemohon yang layak memohon sijil halal iaitu pengeluar/pengilang produk, pengedar/ penjual, pengeluar subkontrak, pengusaha pembungkusan semula, premis makanan dan rumah sembelihan. Berdasarkan Daftar JHEAIK, kedudukan permohonan dan pengeluaran SPH bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1  
Kedudukan Permohonan dan Pengeluaran SPH  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Jumlah Permohonan SPH	Jumlah Pengeluaran SPH
2009	125	106
2010	91	55
2011	108	28
<b>Jumlah</b>	<b>324</b>	<b>189</b>

Sumber: JHEAIK

#### **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

### **5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan pensijilan halal dengan memberi tumpuan kepada proses permohonan pensijilan halal, pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JHEAIK. Semakan Audit telah dijalankan terhadap dokumen dan rekod berkaitan di JHEAIK, MAIK dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN) bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Temu bual dengan pegawai MAIK, JHEAIK, JKN serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) juga telah diadakan bagi mendapat penjelasan berhubung aktiviti pengurusan pensijilan halal. Lawatan turut dijalankan ke premis perniagaan bagi tujuan pengesahan Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan pensijilan halal seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kelewatan pengeluaran sijil halal.
- Kelemahan dalam aktiviti pemantauan.
- Penguatkuasaan serta perkhidmatan rujukan maklumat halal tidak dikemas kini.

#### **5.4.1. Prestasi Pengurusan Aktiviti Pensijilan Halal**

##### **5.4.1.1. Permohonan Dan Pengeluaran Pensijilan Halal**

- a. Berdasarkan Daftar Sijil dan Daftar Pembaharuan Sijil, sebanyak 324 permohonan SPH telah diterima pada tahun 2009 hingga 2011. Daripada jumlah tersebut, 189 atau 58.3% permohonan telah mendapat SPH dan 135 atau 41.7% permohonan belum diluluskan SPH. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**

**Kedudukan Permohonan Dan Pengeluaran SPH Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Bilangan Permohonan	Bilangan Pengeluaran SPH					Baki Permohonan Belum Diluluskan SPH	
		2009	2010	2011	Jumlah	%	Bilangan	%
2009	125	78	25	3	106	84.8	19	15.2
2010	91	-	20	35	55	60.4	36	39.6
2011	108	-	-	28	28	26	80	74.1
<b>Jumlah</b>	<b>324</b>	<b>78</b>	<b>45</b>	<b>66</b>	<b>189</b>	<b>58.3</b>	<b>135</b>	<b>41.7</b>

Sumber: JHEAIK

- b. Analisis Audit mendapati bilangan permohonan yang belum mendapat SPH meningkat setiap tahun. Semakan Audit selanjutnya terhadap 100 fail pemohon mendapati peningkatan pengeluaran permohonan yang belum mendapat sijil halal berpunca daripada beberapa faktor iaitu:

### i. Guna Tenaga Yang Tidak Mencukupi

Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan JHEAIK diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan Gred S48. Unit ini berfungsi untuk memproses permohonan, memantau penggunaan dan pematuhan SPH, menyampaikan ceramah berkaitan halal, menerima aduan dan mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima, bekerjasama dengan agensi lain di dalam sebarang aktiviti berkaitan halal, mengadakan kursus atau seminar berkaitan halal, mengkaji dan menyelidik sebarang isu berkaitan makanan dan bahan gunaan orang Islam dan menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Mengkaji Makanan Dan Bahan Gunaan Orang Islam (Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal). Semakan Audit mendapati hanya 2 daripada 6 perjawatan yang diluluskan telah diisi manakala bakinya masih kosong. Jawatan yang belum diisi ialah Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C32/C27, Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22/S17 dan Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi Gred N22/N17. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Perjawatan Unit Pengurusan Halal Di JHEAIK**

Jawatan	Gred	Lulus	Diisi	Kekosongan
Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	1	0	1
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S32/S27	1	1	0
Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C32/C27	1	0	1
Pembantu Hal Ehwal Islam	S22/S17	2	1	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22/N17	1	0	1
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>2</b>	<b>4</b>

Sumber: Bajet 2011 dan JHEAIK

### ii. Pemeriksaan Premis

Pemeriksaan terhadap premis meliputi aspek dokumentasi, pemprosesan, pengendalian dan pengedaran produk, peralatan, perkakasan, mesin dan bahan bantuan pemprosesan, penyimpanan, peragaan dan penyajian produk, kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan, serta pembungkusan dan pelabelan. Pemeriksaan ini hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya 2 orang pegawai iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal (Pegawai Teknologi Makanan) daripada JKN dan akan dijalankan selepas menerima bayaran perkhidmatan. Semakan Audit mendapati JHEAIK tidak menyediakan piagam pelanggan dan pemeriksaan terhadap 70 premis mengambil masa di antara 7 hingga 836 hari dari tarikh bayaran perkhidmatan dibuat. Ini disebabkan

bilangan pegawai JHEAIK tidak mencukupi dan Pegawai Teknikal tidak mempunyai masa yang sesuai untuk menyertai pemeriksaan premis tersebut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Tempoh Masa Diambil Bagi Pemeriksaan Premis**

Tempoh Masa Diambil (Hari)	Bilangan Pemeriksaan
1 Hingga 30	7
31 Hingga 60	10
61 Hingga 90	13
91 Hingga 120	13
121 Hari dan Ke Atas	27
Pemeriksaan Dibuat Sebelum Bayaran Perkhidmatan	4
Tiada Maklumat	26
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Sumber: JHEAIK

### iii. Pemohon Lewat Mengambil Tindakan Pembetulan

Pemohon hendaklah mengambil tindakan pembetulan atas ketidakpatuhan prosedur dan standard yang ditetapkan oleh JKN dalam tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Pemeriksaan bagi membolehkan surat sokongan daripada JKN dikeluarkan kepada JHEAIK untuk proses kelulusan. Semakan Audit terhadap 26 Laporan Pemeriksaan di JKN mendapati 8 pemohon telah mengemukakan tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan, 12 pemohon mengemukakan tindakan pembetulan melebihi tempoh yang ditetapkan dan 6 pemohon tidak memberi maklum balas seperti di **Jadual 5.5**. Antara tindakan pembetulan yang perlu dilakukan oleh pemohon adalah seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

**Jadual 5.5**  
**Kelewatan Tindakan Pembetulan Oleh Pemohon**

Bil.	Laporan Pemeriksaan SPH		Tindakan Pembetulan Oleh Pemohon		Kelewatan (Hari)
	Nama Pemohon	Tarikh	Tarikh Sepatut Kemuka	Tarikh Hantar	
1.	NBC Food Industries Sdn. Bhd.	17.12.2009	31.12.2009	02.02.2010	33
2.	Jabi Ricemill Sdn. Bhd.	01.03.2010	15.03.2010	08.04.2010	24
3.	Pacific Food Trading	26.03.2010	09.04.2010	23.07.2010	105
4.	Guan Xeng Industries (M) Sdn. Bhd.	04.04.2010	19.04.2010	06.05.2010	17
5.	Perniagaan Al-Hikmah Sdn. Bhd.	29.06.2010	13.07.2010	Tiada Maklum Balas	
6.	AQM Dinamik Trading	15.08.2010	29.08.2010	25.08.2011	361
7.	Bukit Raya Sdn. Bhd.	09.02.2011	23.02.2011	Tiada Maklum Balas	
8.	Dinxings (M) Sdn. Bhd.	09.02.2011	23.02.2011	16.03.2011	21
9.	Perniagaan Tradisional Herba Sari	13.02.2011	27.02.2011	Tiada Maklum Balas	
10.	Mutiara Kita Sdn. Bhd.	13.02.2011	27.02.2011	Tiada Maklum Balas	
11.	Madaniah Enterprise	28.02.2011	14.03.2011	26.03.2011	12
12.	DZ CEO Marketing	07.03.2011	21.03.2011	09.05.2011	49
13.	Chop Ha Hin	02.05.2011	16.05.2011	Tiada Maklum Balas	

Bil.	Laporan Pemeriksaan SPH		Tindakan Pembetulan Oleh Pemohon		Kelewatan (Hari)
	Nama Pemohon	Tarikh	Tarikh Sepatut Kemuka	Tarikh Hantar	
14.	Puteh bt. Harun	21.05.2011	04.06.2011	Tiada Maklum Balas	
15.	Choon Chooi Foodstuffs Industries	30.05.2011	13.06.2011	30.06.2011	17
16.	Polymask Industry (M) Sdn. Bhd.	31.05.2011	14.06.2011	04.07.2011	20
17.	Gantang Enterprise	26.06.2011	10.07.2011	01.11.2011	114
18.	H.N.Sham Jaya Bakti	25.09.2011	09.10.2011	14.11.2011	36

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

**Gambar 5.1**

**Pekerja Di Bahagian Penyediaan Air Wajib Memakai Apron Dan Penutup Kepala**



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Jenis Perniagaan: Restoran

Tarikh: 19 November 2011

**Gambar 5.2**

**Lubang Dan Bukaan Yang Terbuka Secara Terus Ke Dalam Premis Makanan**



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Jenis Perniagaan: Restoran

Tarikh: 19 November 2011

**Gambar 5.3**

**Kipas Siling Kotor Dan Berhabuk Hendaklah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Jenis Perniagaan: Restoran

Tarikh: 19 November 2011

**Gambar 5.4**

**Kebocoran Sinki Menyebabkan Lantai Kotor Perlu Dibaiki**



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Jenis Perniagaan: Restoran

Tarikh: 19 November 2011

#### iv. Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal Tidak Bermesyuarat

- Setelah pemeriksaan premis dijalankan oleh Pegawai Hal Ehwal Agama Islam dan Pegawai Teknikal, Laporan Pemeriksaan dan surat sokongan perlu dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal

untuk kelulusan. Ahli panel dilantik bagi tempoh 2 tahun dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIK. Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat tidak ditetapkan. Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat 2 kali pada tahun 2009 dan 3 kali pada tahun 2010. Manakala pada tahun 2011, Jawatankuasa ini langsung tidak bermesyuarat kerana kelewatan pelantikan Ahli Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal bagi sesi 2011/2012 iaitu pada 11 Oktober 2011. Keahlian jawatankuasa sesi 2009/2010 tamat pada 31 Disember 2010. Kedudukan mesyuarat adalah seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**

**Kedudukan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal**

Tahun	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Kelulusan SPH
2009	12.02.2009	12
	23.07.2009	31
2010	24.02.2010	11
	13.07.2010	13
	29.11.2010	Tiada Maklumat
2011	Tidak Bermesyuarat	

Sumber: MAIK

- Semakan Audit selanjutnya mendapati dalam tahun 2011, MAIK telah mengeluarkan SPH kepada 72 syarikat tanpa melalui Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal. **Mengikut maklum balas bertarikh 29 April 2012**, Pihak JHEAIK memaklumkan pada 2011 berlaku masalah teknikal dari segi pelantikan dan mesyuarat Panel Pengesahan Halal. Yang Dipertua MAIK menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan SPH demi kepentingan pihak industri. Bagaimanapun, semua permohonan yang telah diluluskan SPH akan dibawa masuk semula ke mesyuarat yang akan datang.

#### 5.4.1.2. Kelewatan Pembaharuan SPH Oleh Pemohon

Garis Panduan Permohonan SPH menetapkan pembaharuan SPH hendaklah dikemukakan oleh pemohon sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat SPH. Semakan Audit terhadap Daftar Pembaharuan SPH mendapati 44 permohonan pembaharuan SPH lewat dikemukakan di antara 14 hingga 426 hari. Ini disebabkan tiada surat peringatan dikeluarkan kepada pemegang SPH untuk memperbaharui sijil yang akan tamat tempoh.

**Pada pendapat Audit, JHEAIK dan MAIK hendaklah memastikan panduan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya dan Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal bermesyuarat bagi mempercepatkan pengeluaran SPH. JHEAIK juga perlu mengambil langkah proaktif dengan menghantar surat peringatan kepada pemilik SPH yang hampir tamat tempoh untuk mengemukakan permohonan pembaharuan.**

#### **5.4.2. Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

JHEAIK bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap semua kilang pengeluar produk/premis makanan/rumah sembelihan yang telah mendapat SPH. Pemantauan adalah tertakluk kepada Akta Perihal Dagangan 1972 dan perlu dijalankan secara mengejut. Sekiranya pemilik SPH menyalahi peraturan yang ditetapkan oleh Prosedur Pensijilan Halal, SPH boleh digantung atau ditamatkan tempoh sahnya dan penggunaan logo halal tidak dibenarkan. Pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan melalui 2 kaedah iaitu pemeriksaan berkala dan pemeriksaan berdasarkan aduan yang diterima. Semakan Audit mendapati pemeriksaan berkala tidak dijalankan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, bagi tahun 2011 terdapat 2 pemeriksaan dibuat berdasarkan aduan yang diterima. Di samping itu, operasi penguatkuasaan bersepadu untuk memastikan penguatkuasaan penggunaan logo halal bersama KPDKKK tidak pernah dijalankan. Pihak JHEAIK memaklumkan kekurangan pegawai merupakan punca utama pemantauan kurang dilakukan. Perkara ini akan diatasi setelah mendapat pertambahan pegawai. Lawatan Audit bersama pegawai JHEAIK pada 15 Februari 2012 ke premis perniagaan di Daerah Kota Setar mendapati 6 pemilik masih menggunakan logo halal yang telah tamat tempoh sejak tahun 2009 seperti di **Jadual 5.7.**

**Jadual 5.7  
Penggunaan SPH Yang Tamat Tempoh**

Bil.	Nama Pemilik SPH	Tarikh Tamat SPH
1.	Perniagaan Al-Hikmah Sdn. Bhd.	22.02.2009
2.	JnJ Food Industry	05.02.2009
3.	Maju Kicap	11.06.2009
4.	Siti Sofiah bt. Lebai Talib	14.01.2010
5.	Al-Ridhwee Holding (M) Sdn. Bhd.	27.07.2011
6.	Mazidah Food & Herbs Industry	12.08.2011

Sumber: JHEAIK dan Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berkala dan bersepadu bagi memastikan produk yang menggunakan SPH adalah suci dan halal mengikut lunas syarak dan sijil masih berkuat kuasa.**

#### **5.4.3. Senarai Pemegang SPH Di Laman Sesawang JHEAIK**

Maklumat mengenai syarikat yang memperolehi SPH di Negeri Kedah boleh diperolehi melalui laman sesawang JHEAIK. Di antara maklumat yang terdapat di dalam laman sesawang tersebut adalah nama dan alamat syarikat, jenis produk yang dikeluarkan dan tarikh luput SPH. Semakan Audit mendapati wujudnya perbezaan bilangan pemilik SPH di antara Daftar Sijil dan laman sesawang tersebut. Sehingga akhir bulan Disember 2011, sebanyak 51 daripada 115 syarikat yang diluluskan SPH belum disenaraikan di laman sesawang berkenaan.

**Pada pendapat Audit, JHEAIK hendaklah sentiasa mengemas kini senarai pemegang SPH di laman sesawang bagi tujuan rujukan orang awam mengenai status produk halal.**

## **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan SPH dibuat dengan teratur, pihak JHEAIK dan MAIK perlu mengambil langkah-langkah berikut:

**5.5.1.** MAIK perlu menyediakan jadual mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal mengikut kesesuaian dan memastikan tiada SPH dikeluarkan kepada pemilik perniagaan tanpa kelulusan Panel Pengesahan Halal.

**5.5.2.** Pemantauan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berkala dan bersepadu oleh JHEAIK bagi memastikan produk yang menggunakan SPH suci dan halal mengikut lunas syarak dan mengelakkan penggunaan SPH tamat tempoh.

**5.5.3** JHEAIK hendaklah sentiasa mengemas kini senarai pemegang SPH di laman sesawang bagi tujuan rujukan orang awam mengenai status produk halal. MAIK juga boleh dipertanggungjawabkan bagi mengemas kini maklumat pemegang SPH berdasarkan penglibatan MAIK sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal.

**5.5.4** JHEAIK perlu mengemukakan permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bagi mengisi kekosongan jawatan supaya pengurusan SPH dapat dijalankan dengan berkesan.

## **JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI**

### **6. PENGURUSAN KES MAL DAN JENAYAH**

#### **6.1. LATAR BELAKANG**

**6.1.1.** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) telah ditubuhkan untuk menguruskan pengadilan kes mal dan jenayah berdasarkan Hukum Syarak dan Perundangan Islam. Mengikut peruntukan di dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Mahkamah Syariah (Mahkamah) di Negeri Kedah terdiri daripada Mahkamah Tinggi Syariah (MTS), Mahkamah Rayuan Syariah dan 11 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS). Fungsi utama JKSN adalah untuk menguruskan permohonan pendaftaran dan perbicaraan kes mal dan jenayah, menguruskan perintah mahkamah dan pengeluaran perakuan faraid. Objektif pengurusan kes mal dan jenayah adalah menentukan 100% kes yang telah didaftarkan dapat ditetapkan tarikh pendengarannya kepada pelanggan, 100% kes mal dan jenayah yang telah didaftarkan dapat didengar dalam masa 21 hari selepas ianya didaftarkan, sekurang-kurangnya 80% kes mal dan jenayah yang didaftarkan dapat didengar dalam setahun dan sekurang-kurangnya 80% kes rayuan dapat didengar dalam masa 30 hari selepas rekod rayuan diterima daripada Mahkamah yang keputusannya dirayu. Kes mal merupakan tuntutan atau permohonan yang dibuat oleh pelanggan di Mahkamah Syariah berkaitan dengan hal kekeluargaan dan harta benda, antaranya ialah tuntutan harta sepencarian, nafkah anak, hadhanah (hak penjagaan anak), permohonan pembubaran perkahwinan, berpoligami, nikah bawah umur dan sebagainya. Manakala kes jenayah syariah adalah seperti perbuatan tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak, pondan, khalwat, zina, liwat, musahaqah, pelacuran, meminum minuman yang memabukkan, memakan dan menjual dalam bulan Ramadhan, ingkar perintah mahkamah dan sebagainya.

**6.1.2.** Mengikut Laporan Statistik JKSN, sebanyak 33,007 kes mal dan 3,781 kes jenayah telah didaftarkan bagi tempoh 2009 hingga 2011 di Negeri Kedah. Jumlah kes yang telah selesai bagi tempoh sama adalah 26,390 kes mal atau 79.9%, dan 2,941 kes jenayah atau 77.8%.

#### **6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kes mal dan jenayah telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

### **6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini memberi tumpuan kepada pengurusan kes mal dan jenayah di JKSN bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di MRS Kulim, MRS Kota Setar dan MTS Negeri Kedah. Semakan Audit telah dilaksanakan terhadap laporan statistik kes Syariah, minit mesyuarat, rekod, fail kes Syariah dan dokumen berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga telah dijalankan.

### **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara umumnya pengurusan kes mal dan jenayah yang dijalankan di MRS Kulim, MRS Kota Setar dan MTS Negeri Kedah perlu dipertingkatkan. Penemuan Audit mendapati prestasi penyelesaian kes mal dan jenayah meningkat setiap tahun. Bagaimanapun terdapat kes belum selesai terdiri daripada kes lama dan kes rayuan belum dibicara seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- JKSN tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesuatu kes patut diselesaikan atau diberi keutamaan untuk diselesaikan dengan segera.
- Notis permohonan kes jenayah lewat didaftarkan.
- Kes rayuan belum didaftar dan dibicarakan. Sebanyak 44 kes rayuan yang terdiri daripada 39 kes rayuan mal dan 5 kes rayuan jenayah yang telah didaftar sejak tahun 1999 hingga 2009, belum dibicarakan kerana rekod rayuan tidak dikemukakan oleh MRS terlibat.
- Kes jenayah lewat didaftarkan.
- Kes jenayah ditutup dan OKT dibebaskan.
- Wang jaminan diri tidak dikutip.
- Sistem maklumat Mahkamah Syariah tidak dikemas kini dan 3 modul tidak diguna.

#### **6.4.1. Prestasi Penyelesaian Kes**

Prestasi penyelesaian kes diukur dari sudut peratusan kes yang dapat diselesaikan, kes belum selesai dan kes rayuan belum dibicarakan.

#### **6.4.1.1. Penyelesaian Kes Meningkat Setiap Tahun**

Mengikut manual pengguna e-Syariah, kes dianggap selesai sebaik sahaja maklumat alasan penghakiman dikemas kini. Mengikut maklum balas bertarikh 24 Mei 2012, Pihak Audit dimaklumkan alasan penghakiman masih belum dikemas kini di mana keadaan ini menyebabkan statistik kes belum selesai dalam e-Syariah tidak tepat. Oleh itu, JKSN menyelenggarakan statistik kes belum selesai secara manual. Pada tahun 2010, Mahkamah dapat menyelesaikan sebanyak 3,846 kes mal atau 72.3% daripada 5,321 kes yang didaftarkan. Manakala sebanyak 713 kes atau 60.1% daripada 1,186 kes jenayah telah diselesaikan. Pada tahun 2011, sebanyak 3,969 kes mal atau 72.0% daripada 5,516 kes telah dapat diselesaikan iaitu peningkatan sebanyak 123 kes atau 3.2% berbanding tahun 2010. Bagi kes jenayah, sebanyak 642 kes atau 61.0% daripada 1,052 kes telah diselesaikan pada tahun 2011. Bilangan kes yang diselesaikan menunjukkan penurunan sebanyak 71 kes atau 10% kepada 642 kes pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Peratusan kes mal dan jenayah yang dapat diselesaikan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010, meningkat sebanyak 0.9%. Butiran prestasi penyelesaian kes mal dan jenayah Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah, MRS Kota Setar dan MRS Kulim pada tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.1.**

**Jadual 6.1.**

**Prestasi Penyelesaian Kes Mal Dan Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah, MRS Kota Setar Dan MRS Kulim Pada Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Jenis Kes	Bilangan Kes Belum Selesai Tahun Sebelum Tahun Semasa	Kes Didaftarkan Tahun Semasa	Jumlah Kes	Kes Selesai	
					Jumlah Kes	(%)
2009	Mal	515	3,662	4,177	2,675	64.0
	Jenayah	685	547	1,232	630	51.1
<b>Jumlah</b>		<b>1,200</b>	<b>4,209</b>	<b>5,409</b>	<b>3,305</b>	<b>61.1</b>
2010	Mal	1,502	3,819	5,321	3,846	72.3
	Jenayah	602	584	1,186	713	60.1
<b>Jumlah</b>		<b>2,104</b>	<b>4,403</b>	<b>6,507</b>	<b>4,559</b>	<b>70.1</b>
2011	Mal	1,475	4,041	5,516	3,969	72.0
	Jenayah	473	579	1,052	642	61.0
<b>Jumlah</b>		<b>1,948</b>	<b>4,620</b>	<b>6,568</b>	<b>4,611</b>	<b>70.2</b>

Sumber: Laporan Bulanan Kes Mal Dan Jenayah

#### **6.4.1.2. Bilangan Kes Belum Selesai**

JKSN berperanan menyegerakan pengurusan kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan. Bagaimanapun, JKSN tidak menetapkan norma masa bagi sesuatu kes diselesaikan atau diberi keutamaan untuk diselesaikan. Jumlah kes belum selesai pada 31 Disember 2011 adalah sebanyak 1,547 kes mal dan 410 kes jenayah. Kes belum selesai terdiri daripada kes lama dan kes rayuan yang masih belum dibicarakan. Bilangan kes belum selesai bagi tahun 2011 berkurangan berbanding tahun 2009. Analisis Audit mendapati, kes mal belum selesai meningkat sebanyak 72 kes atau 4.9% kepada 1,547 kes pada tahun 2011 berbanding 1,475 kes pada tahun 2010. Manakala kes jenayah

belum selesai juga turut berkurangan kepada 410 kes berbanding 602 kes pada tahun 2009. Kedudukan kes belum selesai adalah seperti di **Jadual 6.2. Mengikut maklum balas bertarikh 12 Jun 2012**, JKSN memaklumkan norma masa penyelesaian kes adalah berdasarkan masa yang adil, setelah semua keterangan lengkap dan direkodkan oleh Mahkamah.

**Jadual 6.2**

**Kedudukan Kes Belum Selesai Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Kes Syariah	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai	Kes Belum Selesai	
				Jumlah Kes	(%)
2009	Mal	4,177	2,675	1,502	36.0
	Jenayah	1,232	630	602	48.9
<b>Jumlah</b>		<b>5,409</b>	<b>3,305</b>	<b>2,104</b>	<b>38.9</b>
2010	Mal	5,321	3,846	1,475	27.7
	Jenayah	1,186	713	473	39.9
<b>Jumlah</b>		<b>6,507</b>	<b>4,559</b>	<b>1,948</b>	<b>29.9</b>
2011	Mal	5,516	3,969	1,547	28.0
	Jenayah	1,052	642	410	39.0
<b>Jumlah</b>		<b>6,568</b>	<b>4,611</b>	<b>1,957</b>	<b>29.8</b>

Sumber: Laporan Bulanan Kes Mal dan Jenayah

#### a. Kes Lama Belum Selesai

Semakan Audit terhadap fail kes mendapati 33 kes jenayah yang masih belum diselesaikan di MRS Kota Setar sejak tahun 2008 adalah terdiri daripada kes kesalahan berhubung pernikahan; tidak hadir di hadapan Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk; Poligami tanpa kebenaran Mahkamah dan kesalahan berhubung khalwat. Dari jumlah tersebut, 23 kes atau 69.7% menunjukkan tarikh perbicaraan terakhir adalah pada tahun 2008 dan 2009. Tiada tindakan susulan diambil terhadap kes berkenaan. Semakan Audit mendapati 14 daripada 23 kes tersebut gagal dibicarakan kerana Orang Kena Tuduh (OKT) tidak dapat dikesan dan notis saman gagal disampaikan. MRS Kota Setar telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan 10 kes pada tahun 2011. Pihak pendakwa/mahkamah masih belum menjadualkan semula tarikh perbicaraan yang baru atau mengambil tindakan untuk menutup fail kes.

#### b. Kes Rayuan Belum Di Bicara

Mengikut Seksyen 140(1) Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah Darulaman 1988, orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan, hukuman atau perintah yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Kadi (Syariah) di dalam sesuatu kes boleh mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan tersebut dikeluarkan. Semakan Audit terhadap fail kes di MTS mendapati 44 kes rayuan iaitu 39 kes rayuan mal dan 5 kes rayuan jenayah yang telah didaftarkan sejak tahun 1999 hingga 2009, belum dibicarakan kerana rekod rayuan tidak dikemukakan oleh MRS terlibat. Semakan Audit selanjutnya mendapati

MTS telah meminta MRS mengemukakan rekod rayuan semasa peringkat awal pendaftaran kes rayuan dan tiada tindakan susulan diambil oleh MTS selepas itu. Bagaimanapun, mulai tahun 2011, MTS hanya mendaftarkan kes rayuan apabila rekod rayuan yang lengkap dikemukakan. Analisis Audit mendapati MRS Kota Setar dan MRS Langkawi mempunyai bilangan kes rayuan tertangguh yang tinggi berbanding dengan MRS lain. Kedudukan kes rayuan yang belum dibicarakan adalah seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**  
**Kedudukan Kes Rayuan Dari Tahun 1999 Hingga 2009**

MRS	Tahun									Jumlah Kes
	1999	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	
Kota Setar	1	-	1	1	3	3	-	2	5	16
Bandar Baharu	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
Kuala Muda	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
Pendang	-	-	-	-	-	1	2	1	-	4
Langkawi	1	2	2	2	-	1	-	2	-	10
Sik	-	-	-	1	-	-	-	2	-	3
Baling	-	-	-	-	-	-	1	3	-	4
Kubang Pasu	-	-	-	-	-	-	-	3	1	4
Padang Terap	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>14</b>	<b>8</b>	<b>44</b>

Sumber: Fail Kes Rayuan MTS

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian kes adalah memuaskan kerana peratusan kes yang diselesaikan meningkat setiap tahun daripada 61.1% pada tahun 2009 kepada 70.2% pada tahun 2011. Bagaimanapun, bagi memastikan penyelesaian kes tidak mengambil masa yang berlarutan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah hendaklah memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes dengan segera.

#### 6.4.2. Pengurusan Pengendalian Kes

Proses kerja bagi kes mal bermula daripada pendaftaran sama ada kes tuntutan atau permohonan dan seterusnya sebutan, penghakiman kes dan pengeluaran perintah. Kes jenayah bermula daripada pendaftaran dan seterusnya sebutan, perbicaraan, keputusan kes dan tindakan hukuman sama ada denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

##### 6.4.2.1. Notis Permohonan Kes Jenayah Lewat Didaftar

Pendaftaran kes jenayah dikemukakan oleh pihak Pendakwa Syarie Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK). Bahagian Pendakwaan JHEAIK akan menyerahkan Permohonan Pendaftaran Kes dan Kertas Pertuduhan kepada Mahkamah untuk didaftarkan. Setiap permohonan akan direkodkan di dalam Buku Daftar dan fail akan dibuka. Penetapan tarikh sebutan kes ditentukan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan didaftarkan. Semakan Audit terhadap 120 fail kes jenayah mendapati, 56 notis permohonan yang dikemukakan oleh JHEAIK lewat didaftarkan oleh MRS. Tempoh kelewatan notis permohonan didaftarkan adalah antara 7 hingga 376 hari.

Analisis Audit mendapati punca kelewatan adalah disebabkan pengurusan penjadualan bagi kes jenayah hanya ditetapkan satu hari dalam satu minggu. Butiran terperinci tempoh kelewatan pendaftaran notis permohonan kes jenayah mengikut bilangan hari adalah seperti di **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4**

**Tempoh Kelewatan Pendaftaran Notis Permohonan Kes Jenayah**

**Pada Tahun 2009 Hingga 2011**

Mahkamah	2009		2010		2011	
	Bilangan Kes	Tempoh Pendaftaran (Hari)	Bilangan Kes	Tempoh Pendaftaran (Hari)	Bilangan Kes	Tempoh Pendaftaran (Hari)
MRS Kota Setar	14	21 hingga 100	20	11 hingga 54	2	99 hingga 155
MRS Kulim	14	15 hingga 49	3	9 hingga 16	3	7 hingga 376
<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>15 hingga 100</b>	<b>23</b>	<b>9 hingga 54</b>	<b>5</b>	<b>7 hingga 376</b>

Sumber: Fail Kes Mahkamah Syariah

#### **6.4.2.2. Kes Rayuan Belum Didaftarkan**

Mengikut Seksyen 243(5)(b) Enakmen Aturcara Mal Islam 1979, dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan notis rayuan, MRS terlibat hendaklah menyediakan dokumen rayuan bagi membolehkan dokumen tersebut dikemukakan untuk rayuan. Semakan Audit mendapati notis rayuan bagi 4 kes yang telah di bicara dan dikeluarkan keputusan penghakiman telah diterima di MRS Kota Setar pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, kes tersebut masih belum didaftarkan di Mahkamah Tinggi kerana rekod rayuan belum disediakan oleh MRS Kota Setar. **Mengikut maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, JKSN kekurangan kakitangan, kelewatan pihak perayu dan yang kena rayu mengemukakan alasan rayuan dan jawapan juga menyumbang kepada kelewatan penyediaan rekod rayuan.** Butiran terperinci kes yang masih belum di daftarkan adalah seperti di **Jadual 6.5**.

**Jadual 6.5**

**Kes Rayuan Mal Yang Masih Belum Didaftarkan**

Bil.	No. Fail	Tarikh Notis Rayuan	Butiran Rayuan
1.	02001-010-0127-2010	21.12.2010	Permohonan pengesahan nikah
2.	02001-010-2070-2011	14.08.2011	Permohonan pengesahan/perintah nikah
3.	02001-010-1165-2011	05.09.2011	Permohonan pengesahan/perintah nikah
4.	02001-010-0947-2011	26.07.2011	Permohonan pengesahan nikah

Sumber: Fail Kes Rayuan MTS

#### **6.4.2.3. Kes Jenayah Lewat Didaftarkan Di Mahkamah Syariah**

Mengikut Seksyen 22 (1) hingga (4) Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Kedah (EAJSK) 1988, seseorang Pegawai Penguatkuasa atau Pegawai Majlis atau Pegawai Polis yang menangkap orang tanpa waran, hendaklah dengan segera menghantarkan orang yang ditangkap itu ke Mahkamah Kadi (Syariah) bagi mendengar pertuduhan

terhadap orang yang ditangkap atau menangguhkan kes tersebut. Semakan Audit mendapati, 65 fail kes tangkapan jenayah syariah bagi kesalahan khalwat lewat didaftarkan di MRS Kota Setar dan MRS Kulim. Analisis Audit mendapati 55 kes mengambil masa antara 50 hingga 861 hari manakala 10 kes mengambil masa antara 906 hingga 1,494 hari untuk didaftarkan. Kelemahan ini adalah disebabkan kekangan kakitangan yang ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan JHEAIK. Mengikut maklum balas JHEAIK bertarikh 15 Mac 2012, setiap fail siasatan bagi kes tangkapan jenayah yang diterima oleh Bahagian Pendakwaan akan disemak terlebih dahulu bagi memastikan kewajaran pendakwaan terhadap kes tersebut. Sekiranya pihak pendakwa mendapati kertas siasatan belum lengkap kertas siasatan akan dikembalikan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan tambahan. Tempoh bagi menjalankan siasatan tambahan adalah tidak tetap dan bergantung kepada pegawai penyiasat untuk mendapat maklumat tambahan. Setiap daerah di Negeri Kedah hanya terdapat seorang pegawai penyiasat. Butiran tempoh pendaftaran kes jenayah adalah seperti di **Jadual 6.6**.

**Jadual 6.6**  
**Tempoh Pendaftaran Kes Jenayah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tempoh Pendaftaran (Hari)	Bilangan Hari		
	Kota Setar (Bilangan Kes)	Kulim (Bilangan Kes)	Jumlah (Bilangan Kes)
2 hingga 60	-	1	1
61 hingga 180	16	4	20
181 hingga 360	12	11	23
361 hingga 540	2	-	2
541 hingga 720	5	-	5
721 hingga 900	4	-	4
901 hingga 1,494	7	3	10
<b>Jumlah</b>	<b>46</b>	<b>19</b>	<b>65</b>

Sumber: Mahkamah Syariah Negeri

#### 6.4.2.4. Kes Jenayah Ditutup Dan OKT Dibebaskan

Seksyen 105(1) dan (2) Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah Darul Aman 1988 menyatakan bahawa pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum keputusan diberikan, Pendakwa boleh memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang untuk mendakwa tertuduh selanjutnya terhadap pertuduhan itu dan semua prosiding terhadap tertuduh bolehlah diberhentikan dengan kebenaran Mahkamah. Tertuduh hendaklah dilepaskan daripada pertuduhan. Bagaimanapun, pelepasan daripada pertuduhan tidaklah bererti pembebasan kecuali Mahkamah mengarahkan demikian. Semakan Audit terhadap 102 fail kes jenayah yang telah selesai mendapati sebanyak 41 kes atau 40.2% tidak diteruskan perbicaraan dan kes tersebut ditutup. Pegawai Pendakwa telah memohon agar pendakwaan terhadap tertuduh tidak diteruskan di bawah Seksyen 105 EAJSK 1988. Mahkamah telah meluluskan permohonan tersebut dan mengeluarkan perintah supaya tertuduh dilepaskan tanpa bebas serta kes ditutup. Punca utama kes jenayah ditutup adalah disebabkan OKT tidak hadir ke Mahkamah dan gagal dikesan. Mengikut Laporan Penghantar Notis di MRS Kulim, saman gagal disampaikan kepada OKT oleh kerana alamat yang diberi oleh OKT tidak tepat, OKT tidak dikenali atau OKT

telah berpindah dari alamat tersebut dan tempat bekerja. Selain itu saman tidak boleh diserahkan kepada orang lain kerana Seksyen 29(1) Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah Darul Aman 1988 menetapkan saman hendaklah diterima oleh OKT sendiri, tidak termasuk ahli keluarganya yang dewasa atau yang tinggal bersamanya. Di samping itu, mengikut maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, JKSN memaklumkan pihak Pendakwaan/Penguatkuasaan tidak dapat mengesan alamat baru untuk membolehkan Mahkamah menyampaikan saman tersebut.

#### **6.4.2.5. Penyelesaian Secara Suhu**

Proses penyelesaian secara Suhu merupakan penyelesaian melalui perundingan bersama di antara Pegawai Suhu dan pasangan yang terlibat secara terbuka dan sukarela tanpa perbicaraan. Proses ini dijalankan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh pendaftaran, kecuali bagi kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan dan penentuan nasab. Majlis Suhu telah berjaya menyelesaikan 399 kes iaitu 76.2% dari 524 kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan sebanyak 157 kes iaitu 68.3% daripada 230 kes yang didaftarkan pada tahun 2011. Mengikut maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, JKSN memaklumkan sebarang persetujuan dalam suhu akan direkodkan dihadapan Hakim untuk menjadi perintah yang perlu dipatuhi antara pihak terlibat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, bilangan kes Suhu tertinggi didaftarkan di MRS Kota Setar iaitu sebanyak 362 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 288 kes atau 79.6% telah berjaya diselesaikan. Kedudukan kes penyelesaian secara Suhu bagi tahun 2010 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.7**.

**Jadual 6.7**

**Kedudukan Kes Penyelesaian Secara Suhu Bagi Tahun 2010 Hingga 2011**

Mahkamah	2010		2011	
	Bilangan Kes Daftar	Bilangan Kes Selesai	Bilangan Kes Daftar	Bilangan Kes Selesai
MTS Kedah	49	39	66	45
MRS Kota Setar	362	288	80	55
MRS Kulim	113	72	84	57
<b>Jumlah</b>	<b>524</b>	<b>399</b>	<b>230</b>	<b>157</b>

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

#### **6.4.2.6. Wang Jaminan Diri Tidak Dikutip**

Seseorang yang ditangkap di bawah Seksyen 23 Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah 1988 (Pindaan 1999) tidak boleh dilepaskan kecuali dengan bayaran jaminan diri. Semakan Audit mendapati wang jaminan diri dikutip oleh Pejabat Agama Islam Daerah Kulim bagi setiap tangkapan kes jenayah. Wang jaminan diri bagi 501 kes tangkapan pada tahun 2009 hingga 2011 oleh Pejabat Agama Islam Daerah Kulim adalah berjumlah RM356,100. Daripada jumlah tersebut, wang jaminan diri bagi 52 kes yang telah ditutup berjumlah RM35,950 telah dirampas dan diselaraskan ke dalam akaun hasil Kerajaan Negeri. Manakala bagi daerah Kota Setar tiada bayaran wang jaminan diri dikutip bagi 1,245 kes tangkapan dan sebanyak 65 kes telah ditutup tanpa wang jaminan diri.

Kedudukan kes tangkapan jenayah dan kes jenayah ditutup bagi MRS Kulim dan MRS Kota Setar adalah seperti di **Jadual 6.8**.

**Jadual 6.8**  
**Kedudukan Kes Tangkapan Jenayah Dan Kes Jenayah Ditutup**  
**Bagi MRS Kulim Dan MRS Kota Setar**

Mahkamah Rendah Syariah	Bilangan Kes Tangkapan	Jumlah Wang Jaminan Diri (RM)	Bilangan Kes Tutup	Wang Jaminan Diri Dirampas (RM)
Kulim	501	356,100	52	35,950
Kota Setar	1,245	-	65	-

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

Pada pendapat Audit, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah hendaklah memastikan keseragaman pelaksanaan undang-undang berkenaan wang jaminan diri. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah hendaklah menguatkuasakan pelaksanaan wang jaminan diri bagi semua kes tangkapan.

#### 6.4.3. Pengurusan Rekod Dan Data

##### 6.4.3.1. Sistem Maklumat Mahkamah Syariah (e-Syariah)

Sistem Maklumat Mahkamah Syariah (e-Syariah) ialah projek Kerajaan Elektronik yang ke-7 di bawah Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) dibangunkan pada tahun 2003 oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. E-Syariah merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang mengintegrasikan semua proses terlibat di dalam pengendalian kes Mahkamah Syariah. Ia menghubungkan seluruh Mahkamah Syariah Negeri dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia serta Agensi Kerajaan lain bagi tujuan penyelarasian, perkongsian maklumat dan menyeragamkan proses pengendalian pendaftaran peguam syarie. Portal e-Syariah dapat membantu orang awam memahami prosedur mahkamah, peraturan terkini, membuat semakan mengenai status kes dan pengiraan faraid. Modul dalam e-Syariah adalah terdiri daripada Pendaftaran Kes, Proses Perbicaraan, Proses Penghakiman, Majlis Sulh, Penghantar Notis, Pengiraan Faraid, Sistem Kutipan, Carian dan Laporan, Kalender Mahkamah serta Senarai Kes Selesai. Semakan Audit mendapati 3 modul e-Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah tidak digunakan hingga kini, iaitu Majlis Sulh, Penghantar Notis dan Pengiraan Faraid. Manakala 2 modul, Alasan Penghakiman dan Maklumat Kes telah diguna tetapi tidak di kemas kini. Alasan Penghakiman hanya boleh dikemaskinikan oleh Hakim Syarie. Oleh sebab kekangan masa dan tumpuan terhadap penyelesaian kes, modul ini tidak dikemas kini.

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan e-Syariah tidak tercapai disebabkan maklumat tidak dikemas kini dan terdapat 3 modul belum digunakan.

## **6.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan kes dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen adalah disyorkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah melaksanakan perkara-perkara berikut:

**6.5.1.** Menetapkan had masa bagi menyelesaikan sesuatu kes dan memberi keutamaan terhadap kes belum selesai yang terdiri daripada kes lama dan kes rayuan yang masih belum dibicarakan.

**6.5.2.** Mengemaskini data dalam sistem pengurusan maklumat e-Syariah yang digunakan oleh semua Mahkamah Syariah bagi memudahkan rujukan/semakan serta meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian kes.

**6.5.3.** Memastikan keseragaman pelaksanaan undang-undang berkenaan wang jaminan diri selaras dengan Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah 1988 (Pindaan 1999).

## PEJABAT TANAH KULIM

### 7. PENGURUSAN PENGELOUARAN DAN PEMINDAHAN BAHAN BATUAN

#### 7.1. LATAR BELAKANG

**7.1.1.** Pejabat Tanah adalah bertanggungjawab menguruskan pelbagai aktiviti berkaitan pentadbiran tanah dan memungut hasil tanah seperti cukai tanah, premium tanah, royalti dan hasil lain berkaitan permit pemindahan bahan batuan dan bayaran pentadbiran tanah. Mengikut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) bahan batuan terdiri daripada batu, pasir, tanah, tanah merah, tanah gembur, tanah liat, lumpur, tanah berumput, tanah gambut, batu karang dan kulit kerang. Royalti bahan batuan merupakan antara penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Kedah.

**7.1.2.** Untuk memastikan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan diuruskan dengan teratur dan sempurna, proses pengeluaran permit bahan batuan dilaksanakan di bawah peruntukan KTN, Aturan Tanah Kedah 1966 (ATK) dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Malaysia. Bagi meningkatkan hasil negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah memutuskan semua agensi dan jabatan yang terlibat dengan kutipan hasil agar memperkemaskan proses pengeluaran permit kuari/pasir dan mempercepatkan tindakan penguatkuasaan denda. Pelaksanaan bayaran royalti tanah merah secara pukal (*lump sum*) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Di samping itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan kaedah usahasama dalam projek kuari batu/pasir di mana Kerajaan Negeri yang diwakili syarikat subsidiarinya memegang 51% dan pengusaha memegang 49% dalam projek berkenaan.

**7.1.3.** Royalti Bahan Batuan dipungut oleh Pejabat Tanah adalah berdasarkan kuantiti pengeluaran yang diperolehi daripada tanah Kerajaan dan tanah bermilik. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memungut royalti bahan batuan berjumlah RM55.57 juta iaitu RM19.32 juta pada tahun 2009, RM18.45 juta pada tahun 2010 dan RM17.80 juta pada tahun 2011. Bagi tempoh tahun tersebut Pejabat Tanah Kulim telah meluluskan 150 permit kepada 4 pengusaha kuari, 1,058 permit kepada pengusaha pasir, 95 permit kepada pengusaha tanah merah dan 50 permit kepada pengusaha bata merah. Pejabat Tanah Kulim merupakan penyumbang hasil kedua tertinggi bagi tahun 2010 dan 2011 iaitu masing-masing berjumlah RM3.22 juta dan RM3.09 juta.

#### 7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan dari tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan. Di samping itu, lawatan Audit telah dijalankan ke tapak pengeluaran bahan batuan di Mukim Bagan Sena, Lunas, Junjung dan Padang Cina bagi meninjau pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang terlibat.

### **7.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Tuggakan royalti tidak dijelaskan.
- Perusahaan kuari di tanah bersyarat pertanian.
- Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan.

#### **7.4.1. Kutipan Royalti Bahan Batuan**

Asas pengiraan royalti adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam KTN dan ATK. Kaedah kutipan royalti yang diamalkan di Pejabat Tanah Kulim adalah secara doket dan pukal. Kaedah doket diguna pakai bagi kuari yang mengeluarkan bahan batuan kurang daripada 350 lori dalam masa sebulan dan royalti bahan batuan akan dikutip terlebih dahulu sebelum pengeluaran dan pemindahan dilakukan. Manakala kaedah pukal diguna pakai bagi kuari yang mengeluarkan bahan batuan melebihi 350 lori dalam masa sebulan. Bayaran royalti dijelaskan pengusaha pada awal bulan semasa permit pengeluaran dikeluarkan berdasarkan jumlah isi padu bahan batuan yang akan dikeluarkan setiap bulan. Bilangan kuari di daerah Kulim yang menggunakan kaedah bayaran royalti secara pukal dan doket adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Pengeluaran Bahan Batuan Mengikut Kaedah Kutipan**  
**Secara Pukal Dan Doket**

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Bilangan Kuari/Pengusaha	
		Pukal	Doket
1.	Pasir Sungai	9	14
2.	Pasir Darat	7	14
3.	Tanah Merah	4	4
4.	Batu Kuari	2	2
5.	Bata Merah	-	2
<b>Jumlah</b>		<b>22</b>	<b>36</b>

Sumber: PTK

#### **7.4.1.1. Kaedah Kutipan Royalti Secara Pukal dan Doket**

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui MMK Kertas No. 6 (F) 300/2008 telah meluluskan pelaksanaan bayaran royalti bahan batuan (tanah merah) secara pukal (*lump sum*) berkuat kuasa mulai 10 September 2008. Bagaimanapun keputusan ini diguna pakai oleh Pejabat Tanah Kulim bagi semua bahan batuan. Kaedah royalti secara pukal pertama kali diperkenalkan di Pejabat Tanah Kulim dan digunakan sepenuhnya pada tahun 2010. Kaedah ini diguna pakai bagi kuari yang mengeluar bahan batuan melebihi 350 lori dalam masa sebulan dan semakan kadar jumlah bayaran royalti dibuat setiap 4 bulan. Pelaksanaan kaedah pukal telah membantu Pejabat Tanah Kulim meningkatkan hasil Kerajaan Negeri di samping mengurangkan kehilangan hasil kerana bayaran royalti secara pukal dibayar oleh pengusaha terlebih dahulu untuk tempoh sebulan atau separuh bulan.
- b. Kaedah kutipan royalti secara doket diguna pakai bagi kuari yang mengeluar bahan batuan kurang daripada 350 lori dalam masa sebulan. Kaedah kutipan ini dinyatakan kepada pengusaha dalam Syarat Bagi Permit Membawa Pindah Bahan Batuan Pejabat Tanah Kulim, dalam surat kelulusan menjalankan operasi. Pihak Audit mendapati buku doket yang digunakan oleh pengusaha tidak mempunyai format yang standard. Di samping itu, 2 daripada 4 pengusaha yang diluluskan untuk mengusahakan kuari di daerah Kulim tidak menyediakan penyata bulanan dan dikemukakan kepada Pejabat Tanah Kulim pada setiap akhir bulan bertujuan memastikan jumlah royalti dikutip dengan betul. Bagi pengusaha yang tidak menyediakan penyata bulanan, Pejabat Tanah Kulim dapat mengetahui banyaknya pengeluaran bahan batuan melalui Rekod Bayaran Permit Pengusaha. Kutipan royalti di Pejabat Tanah Kulim melalui kaedah pukal dan doket pada tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.2**  
**Kutipan Royalti Melalui Kaedah Pukal dan Doket**

Tahun	Kutipan Royalti Bahan Batuan (RM Juta)	
	Pukal	Doket
2009	0.58	1.55
2010	2.54	0.68
2011	2.36	0.73
<b>Jumlah</b>	<b>5.48</b>	<b>2.96</b>

Sumber: PTK

- c. Mengikut maklum balas Pejabat Tanah Kulim bertarikh 15 April 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penguatuasaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.2 Tahun 2012 telah membincangkan dan akan menggunakan Kaedah Doket Berpusat yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri. Selaras dengan itu, Pejabat Tanah Kulim telah mengeluarkan surat memaklumkan perkara ini kepada pengusaha bahan batuan yang menggunakan doket pada 29 Mac 2012.

#### **7.4.1.2. Tunggakan Royalti Tidak Dijelaskan**

Sebuah syarikat telah diberi permit untuk mengeluarkan tanah merah pada 23 Disember 2008. Mengikut surat bertarikh 18 Januari 2009, bayaran royalti secara pukal berjumlah RM0.25 juta hendaklah dijelaskan secara bulanan bermula Februari 2009 sehingga Januari 2010. Wang pertaruhan berjumlah RM10,000 telah dijelaskan pada 8 Februari 2009 seperti yang dikehendaki oleh Pejabat Tanah Kulim. Semakan Audit mendapati sehingga Februari 2012 syarikat tersebut belum menjelaskan tunggakan royalti berjumlah RM0.08 juta. Surat peringatan hanya dikeluarkan pada 11 November 2009 dan tiada tindakan susulan diambil.

**Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Kulim hendaklah memastikan pemegang permit mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan berhubung pengeluaran dan pemindahan bahan batuan dan tindakan proaktif yang diambil oleh Pejabat Tanah Kulim membuat kutipan secara pukal telah meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.**

#### **7.4.2. Perusahaan Kuari Di Tanah Bersyarat Pertanian**

**7.4.2.1.** Mengikut Seksyen 52(1), KTN sekiranya perusahaan kuari hendak dijalankan di tapak tanah yang mempunyai jenis kegunaan selain daripada perusahaan, permohonan penukaran syarat tanah hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Tanah. Kadar cukai tanah tahunan bagi maksud perusahaan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 adalah seperti di **Jadual 7.3**.

**Jadual 7.3  
Kadar Cukai Tanah Tahunan Bersyarat Perusahaan**

Bagi Maksud Perusahaan	Lokasi	Kadar Per Hektar (RM)
Kuari Batu	Tanah Bandar	750
	Tanah Bandar Dalam Kawasan Bandar Kecil	750
	Tanah Pekan	750
	Tanah Desa	700
	Tanah Luar Simpanan Melayu	750

Sumber: PTK

**7.4.2.2.** Pihak Audit mendapati 2 kuari batu di Daerah Kulim yang telah diluluskan permit pada tahun 1995 dan 2000 beroperasi di tapak yang mempunyai syarat pertanian. Lesen kekal telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut untuk menjalankan operasi. Syarikat tersebut masih belum mengemukakan permohonan mengubah jenis kegunaan tanah walaupun telah dimaklumkan untuk membuat permohonan tukar syarat tanah oleh Pejabat Tanah Kulim pada bulan September dan Oktober 2011. Perbezaan cukai tanah tahunan yang dapat dipungut oleh Pejabat Tanah Kulim sekiranya mengenakan kadar cukai kategori perusahaan adalah berjumlah RM37,136 seperti di **Jadual 7.4**. Walaupun syarat kegunaan tanah belum ditukar, tiada apa-apa tindakan diambil oleh Pejabat Tanah Kulim sungguhpun keadaan ini boleh merugikan Kerajaan Negeri.

**Jadual 7.4****Perubahan Tukar Syarat Tanah - Hasil Tahunan Terkurang Dikutip**

Pengusaha	No.Lot	Keluasan (Hektar)	Hasil Tahunan (RM)		
			Syarat Pertanian	Syarat Perusahaan	Perbezaan
PTK/N/9-2000	848	2.99	180	703	523
	825	12.26	736	8,580	7,844
	1411	4.36	262	3,049	2,787
	1412	4.31	259	3,015	2,756
	1626	8.18	491	5,723	5,232
PTK/N/11-1995	328	17.04	767	11,925	11,158
	329	10.34	404	7,240	6,836
<b>Jumlah</b>		<b>59.48</b>	<b>3,099</b>	<b>40,235</b>	<b>37,136</b>

Sumber: PTK

Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Kulim hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pengusaha kuari yang melanggar syarat tanah kerana ianya boleh menyebabkan kurangan hasil Kerajaan Negeri.

#### **7.4.3. Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

Unit Penguatkuasaan dan Teknikal Pejabat Tanah Kulim bertanggungjawab menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang berkaitan dengan pentadbiran tanah di Daerah Kulim. Di antara tugas anggota penguat kuasa adalah menangani pencerobohan tanah Kerajaan, pelanggaran syarat guna tanah dan pengeluaran serta pemindahan bahan batuan tanpa permit mengikut KTN. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pentadbir Tanah (PTN) Gred N41 dan dibantu oleh 5 kakitangan teknikal kumpulan sokongan. Terdapat satu kekosongan jawatan iaitu Penolong Pegawai Tanah Gred NT32. Bagaimanapun hanya 2 Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 yang dipertanggungjawab untuk memantau aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan di samping tugas teknikal yang lain. Semakan Audit terhadap pemantauan dan penguatkuasaan mendapati perkara berikut:

##### **7.4.3.1. Rancangan Penguatkuasaan Tidak Disediakan**

Pihak Audit mendapati Pejabat Tanah Kulim tidak menyediakan jadual yang khusus bagi aktiviti penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari. Penguatkuasaan hanya dilaksanakan apabila terdapat aduan oleh orang awam secara lisan atau bertulis dan lawatan secara mengejut apabila diarahkan oleh Pentadbir Tanah.

##### **7.4.3.2. Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pengusaha Bahan Batuan**

Pada tahun 2010 dan 2011, sebanyak 45 aduan yang diterima telah disiasat oleh Unit Penguatkuasaan dan Teknikal Pejabat Tanah Kulim dengan membuat lawatan ke tapak bagi mengenal pasti kesalahan dan tindakan yang perlu diambil. Laporan pelanggaran syarat kelulusan permit bahan batuan akan dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk tindakan selanjutnya. Penyelesaian secara penerangan atau bersurat kepada pengadu juga dibuat setelah lawatan tapak dilakukan. Semakan Audit mendapati sebanyak 16

pemegang permit telah didenda oleh Pejabat Tanah Kulim kerana melanggar syarat pengambilan dan pemindahan bahan batuan yang ditetapkan antaranya mengambil dan mengeluarkan bahan batuan di luar kawasan kebenaran dan mengambil bahan batuan melebihi kedalaman yang dibenarkan. Dari segi pemantauan, Pejabat Tanah Kulim telah menjalankan operasi penguatkuasaan bersama Polis Di Raja Malaysia pada tahun 2010. Pada tahun 2011, Operasi Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah telah dilaksanakan di Kuari Mukim Mahang. Pejabat Tanah Kulim telah mengambil tindakan merampas deposit pengusaha dan mengarahkan pengusaha membayar semula deposit sekiranya hendak meneruskan aktiviti pengambilan dan pemindahan bahan batuan. Pada tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM0.17 juta bayaran deposit daripada 14 pengusaha telah dirampas kerana melakukan kesalahan seperti mengambil dan mengeluarkan bahan batuan di luar kawasan dibenarkan serta tidak menyediakan zon penampungan. Bagi tempoh 2010 hingga tahun 2011, 5 pengusaha pasir sungai, 2 pengusaha tanah merah dan 8 pengusaha pasir darat telah dikenakan tindakan.

#### **7.4.3.3. Pelanggaran Syarat Pengeluaran dan Pemindahan Bahan Batuan**

Pengeluaran dan pemindahan bahan batuan adalah tertakluk kepada peraturan yang dikenakan oleh Pejabat Tanah Kulim dan Jabatan Teknikal yang berkaitan. Lawatan Audit ke tapak kuari tanah merah, kilang batu-bata, kuari batu dan kuari pasir mendapati perkara-perkara seperti berikut:

##### **a. Kolam Enapan Tidak Disediakan**

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menetapkan syarat kepada pengusaha pasir sungai dan darat yang beroperasi berdekatan sungai agar menyediakan kolam enapan bagi memastikan air cucian pasir tidak dilepaskan terus ke sungai bertujuan mengurangkan kekeruhan air. Mengikut syarat permit, sekiranya pihak pengusaha tidak mematuhi peraturan tersebut, wang pertaruhan akan dirampas. Lawatan Audit bersama pegawai JPS ke Sidam Kanan, Daerah Kulim pada 22 Februari 2012 mendapati pengusaha kuari darat di Lesung Tujuh tidak menyediakan kolam enapan dan air cucian pasir dilepaskan secara terus ke Sungai Korok. **Gambar 7.1** hingga **Gambar 7.4** menunjukkan air cucian pasir dilepaskan secara terus ke sungai. Pejabat Tanah Kulim telah mengeluarkan surat kepada pemegang permit kawasan yang terlibat bagi menyediakan kolam takungan enapan. Pihak pengusaha perlu menyediakan kolam enapan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat dikeluarkan. **Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 bagi Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar.**

**Gambar 7.1**  
**Kerja Mencuci Pasir Sedang Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Lesong Tujuh, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

**Gambar 7.3**  
**Tebing Runtuh dan Kesan Terhadap Kualiti Air Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Lesong Tujuh, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

**Gambar 7.2**  
**Air Cucian Pasir Disalur Terus Ke Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Lesong Tujuh, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

**Gambar 7.4**  
**Air Cucian Pasir Dilepaskan Secara Terus Ke Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Lesong Tujuh, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

### b. Zon Penampang Runtuh

Mengikut syarat yang dikenakan oleh Pejabat Tanah Kulim, pemegang permit mestilah menjaga dan memelihara tebing-tebing sungai/tanah di kawasan yang dibenarkan mengorek/mengambil bahan batuan supaya tidak runtuh. Lawatan Audit ke kuari pasir di Terat Batu, Kulim pada 8 Februari 2012 mendapati zon penampang antara kolam 2 pengusaha pasir telah runtuh seperti di **Gambar 7.5**. Pejabat Tanah Kulim telah merampus 50% wang pertaruhan (RM10,000) daripada pengusaha pertama kerana tidak menyediakan zon penampang manakala pengusaha ke 2 telah dikeluarkan surat merampus wang pertaruhan berjumlah RM10,000. Tindakan untuk membaiki zon penampang tersebut masih belum selesai.



**Gambar 7.5**  
**Ban Runtuh**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Bagan Sena, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

### c. Pelanggaran Syarat Membawa Pindah Bahan Batuan

Mengikut perkara 18, Syarat Bagi Permit Membawa Pindah Bahan Batuan Pejabat Tanah Kulim, kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengangkutan mestilah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Lori yang membawa bahan batuan tidak dibenar mengotorkan jalan raya dan pemegang permit adalah bertanggungjawab bersama sekiranya berlaku perkara ini. Mengikut Kertas MMK 6(F) 300/08 bertarikh 10 September 2008, had muatan yang dibenarkan adalah 5 meter padu bagi lori bertayar 6 dan 10 meter padu bagi lori bertayar 10 iaitu mengikut paras dinding asal lori sahaja. Had muatan yang dibenarkan ini telah mengambil kira keselamatan pengguna jalan raya dan mengurangkan kerosakan jalan raya. Mengikut syarat tambahan Pejabat Tanah Kulim, pengusaha kuari dikehendaki memasang papan tanda amaran semasa kuari bahan batuan sedang beroperasi manakala syarat yang dikenakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pula menyatakan papan tanda amaran trafik (kenderaan berat keluar/masuk) mengikut spesifikasi JKR hendaklah diletakkan 150 meter jauh di kedua-dua hala jalan pada keluar/masuk ke tapak kuari. Lawatan Audit ke Sidam Kanan dan Junjong mendapati:

- Lori pengangkut pasir yang membawa pasir basah dan telah meninggalkan kesan kotor di jalan raya seperti di **Gambar 7.6** dan **Gambar 7.7**.

**Gambar 7.6**  
**Titisan Air Dari Pasir Basah**



Sumber: Jabatan Kerja Raya Kulim  
Lokasi: Sidam Kanan, Daerah Kulim  
Tarikh: 28 Februari 2012

**Gambar 7.7**  
**Lori Membawa Pasir Basah**



Sumber: Jabatan Kerja Raya Kulim  
Lokasi: Sidam Kanan, Daerah Kulim  
Tarikh: 28 Februari 2012

- ii. Lori yang mengangkut bahan batuan telah diubahsuai di mana dinding lori ditinggikan sekali ganda daripada biasa tanpa mendapat kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan seperti di **Gambar 7.8** dan bahan batuan telah diisi ke dalam lori melebihi paras yang dibenarkan seperti di **Gambar 7.9**.

**Gambar 7.8**  
**Dinding Lori Diubahsuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Junjung, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

**Gambar 7.9**  
**Lori Lebih Muatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Junjung, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

#### d. Pelanggaran Syarat Pengeluaran dan Pemindahan Bahan Batuan

Permit pengambilan pasir sungai di Mukim Bagan Sena diluluskan oleh Pejabat Tanah Kulim pada 30 Januari 2007 kepada sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri bagi kerja membina *section* dan *alignment* sungai di Sungai Sedim. Berdasarkan Laporan Penguatkuasaan pengusaha tidak menjalankan kerja membina *section* dan *alignment* sungai seperti disyaratkan dalam kelulusan sebaliknya lebih menumpukan kepada aktiviti pengeluaran dan pengambilan pasir. Sepanjang tempoh 5 tahun syarikat ini beroperasi, semua bayaran royalti telah dijelaskan kepada Pejabat Tanah Kulim. Selain itu Pejabat Tanah Kulim telah menerima aduan dan bantahan daripada penduduk berdekatan. Sehubungan itu, Pejabat Tanah Kulim telah menamatkan permit pengusaha pada 6 Disember 2010. Pada 15 Jun 2011 selaras dengan keputusan MMK sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang lain telah dilantik bagi meneruskan kerja di samping diluluskan kawasan tambahan. Lawatan Audit pada 22 Februari 2012 ke tapak kerja mendapati beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan:

##### i. Aktiviti Pengeluaran Pasir Berhampiran Jambatan

Syarat JPS tidak membenarkan aktiviti pengambilan pasir sungai dilakukan dalam lingkungan 500 meter dari mana-mana struktur hidraulik seperti jambatan. Lawatan Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir dilakukan lebih kurang 200 meter daripada kawasan jambatan kedua di Sungai Sedim seperti di **Gambar 7.10**. Kesan aktiviti pengambilan pasir berhampiran jambatan boleh menjejaskan struktur jambatan kerana berlakunya hakisan tanah, keruntuhan

tebing sungai dan perubahan rupa bentuk aras muka bumi. Kerosakan struktur jambatan boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan pengguna. Kerja membaik pulih struktur jambatan akan mengakibatkan kos yang tinggi dan membebankan pihak Kerajaan. Mengikut maklum balas bertarikh 15 April 2012, Pejabat Tanah Kulim memaklumkan surat amaran telah dikeluarkan kepada pihak pemegang permit pada 04 Januari 2012.



**Gambar 7.10**  
**Kesan Aktiviti Pengambilan Pasir**  
**Berhampiran Jambatan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Bagan Sena, Daerah Kulim  
Tarikh: 22 Februari 2012

**Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Kulim hendaklah meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan setiap pemegang permit mematuhi syarat yang ditetapkan.**

## 7.5. SYOR AUDIT

Pengurusan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan perlu dipertingkatkan dengan itu Pejabat Tanah Kulim adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**7.5.1.** Meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan dengan menjalankan lawatan ke tapak pengusaha secara berkala bagi memastikan segala syarat dan peraturan berkaitan pengeluaran dan pemindahan bahan batuan dipatuhi.

**7.5.2.** Menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepada dengan jabatan teknikal yang terlibat dengan pengeluaran bahan batuan seperti JPS, JKR, JPJ dan Majlis Perbandaran Kulim bagi menjalankan operasi pemantauan dan penguatkuasaan.

**7.5.3.** Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha yang melanggar syarat tanah dan gagal membayar tunggakan royalti.

## PERBADANAN STADIUM-STADIUM NEGERI

### 8. PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN

#### 8.1. LATAR BELAKANG

**8.1.1.** Perbadanan Stadium-stadium Negeri (Perbadanan) ditubuhkan pada 8 Ogos 1971 di bawah Enakmen Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah, Tahun 1971 dan telah dibubarkan pada tahun 1989. Bagaimanapun, Perbadanan beroperasi semula pada 1 November 2006 setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) memutuskan supaya kompleks sukan milik Kerajaan Negeri ditadbir di bawah pentadbiran Perbadanan ini.

**8.1.2.** Objektif penubuhan Perbadanan adalah untuk mewujudkan pengurusan yang sistematik dan berkesan. Visinya adalah untuk menjadikan kompleks sukan yang kompetitif dan memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat bagi melahirkan generasi yang aktif dan cergas. Manakala Misi Perbadanan adalah untuk memastikan kompleks sukan di bawah pengurusannya sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan memberi sumbangan ke arah pembentukan masyarakat sihat.

**8.1.3.** Perbadanan telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk mengurus kompleks sukan iaitu Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Akuatik, Kompleks Sukan Muadzam Shah, Lapang Sasar dan Gelanggang Boling Padang. Kompleks sukan tersebut menyediakan kemudahan sukan seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Kompleks Sukan Dan Kemudahan Yang Disediakan**

Kompleks Sukan	Kemudahan Yang Disediakan
Stadium Darul Aman	Padang Bola Sepak Trek Olahraga
Stadium Sultan Abdul Halim	Gelanggang Badminton Gelanggang Sepak Takraw Gelanggang Bola Jaring Gelanggang Bola Tampar Gelanggang Ping Pong Gelanggang Futsal Gelanggang Street Soccer
Kompleks Sukan Muadzam Shah	Padang Bola Sepak Padang Hoki Gelanggang Skuash Gelanggang Futsal Gelanggang Bola Jaring
Kompleks Akuatik	Kolam Renang
Lapang Sasar	Ruangan Menembak
Gelanggang Boling Padang	Gelanggang Boling Padang

Sumber: Perbadanan Stadium-stadium Negeri

## **8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kompleks sukan yang diurus oleh Perbadanan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## **8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada aktiviti sewaan dan penyenggaraan kompleks sukan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di pejabat Perbadanan dan lawatan Audit ke Stadium Darul Aman, Stadium Sultan Abdul Halim, Kompleks Akuatik Negeri Kedah, Kompleks Sukan Muadzam Shah, Lapang Sasar dan Gelanggang Boling Padang telah dilakukan. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti fail pengurusan, minit mesyuarat, surat perjanjian, penyata kewangan tahunan dan dokumen berkaitan dengan pengurusan Perbadanan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pihak pengurusan dan orang awam juga telah dijalankan.

## **8.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan September hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kompleks sukan oleh Perbadanan adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan pengurusan kompleks sukan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Penggunaan kompleks sukan tidak memuaskan.
- Tuggakan hasil penggunaan kompleks sukan meningkat.
- Pengubahsuaian ruang niaga tanpa kebenaran.
- Kerosakan kompleks sukan yang belum dibaiki.
- Kawalan keselamatan tidak memuaskan.

### **8.4.1. Penggunaan Kompleks Sukan**

**8.4.1.1.** Kompleks sukan hendaklah digunakan sepenuhnya mengikut tujuan pembinaannya. Semakan Audit mendapati kompleks sukan Perbadanan telah digunakan bagi tujuan aktiviti sukan seperti latihan oleh atlet Negeri Kedah dan kejohanan bagi bola sepak, badminton, hoki dan sepak takraw. Manakala penggunaan bukan sukan melibatkan orang awam, badan-badan lain secara individu atau berkumpulan seperti mengadakan ekspo, karnival, pertunjukan dan perhimpunan. Analisis Audit mendapati

penggunaan kompleks sukan meningkat sebanyak 436 kali atau 20.5% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 manakala pada tahun 2011 pula menunjukkan penurunan penggunaan sebanyak 513 kali atau 20% berbanding tahun 2010 iaitu 2,558 kali seperti di **Jadual 8.2**.

**Jadual 8.2**  
**Penggunaan Kompleks Sukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Lokasi	Kekerapan Penggunaan Kompleks Sukan (Bilangan)					
	2009		2010		2011	
	Bukan Sukan	Acara Sukan	Bukan Sukan	Acara Sukan	Bukan Sukan	Acara Sukan
Stadium Darul Aman	2	225	34	215	28	284
Stadium Sultan Abdul Halim	33	520	50	842	54	624
Kompleks Sukan Muadzam Shah	155	713	116	841	64	592
Kompleks Akuatik	207	267	198	254	156	239
Lapang Sasar	-	-	-	8	-	4
Gelanggang Boling Padang	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>397</b>	<b>1,725</b>	<b>398</b>	<b>2,160</b>	<b>302</b>	<b>1,743</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,122</b>		<b>2,558</b>		<b>2,045</b>

Sumber: Laporan Penggunaan Kompleks Sukan, Perbadanan Stadium

**8.4.1.2.** Semakan lanjut terhadap rekod penggunaan kompleks sukan Perbadanan bagi tahun 2009 hingga tahun 2011 mendapat tiada sebarang aktiviti dijadualkan di Gelanggang Boling Padang dan hanya 12 aktiviti dilaksanakan di Lapang Sasar Pokok Sena. Lawatan Audit mendapat Gelanggang Boling Padang terdiri daripada 2 gelanggang di mana salah satu gelanggang tidak boleh digunakan kerana *turf* berlumut. Gelanggang yang kedua digunakan oleh Persatuan Boling Padang tanpa melalui Perbadanan kerana tiada pegawai ditempatkan di gelanggang berkenaan bagi memantau dan mengelola aktiviti di gelanggang tersebut. Manakala di Lapang Sasar Pokok Sena, Perbadanan juga tidak mempunyai pegawai yang berkelayakan dan mahir bagi mengelola aktiviti menembak. Ketiadaan pegawai yang ditempatkan di Gelanggang Boling Padang dan pegawai yang berkelayakan di Lapang Sasar mengakibatkan aktiviti sukan berkenaan tidak dapat dijalankan.

**8.4.1.3.** Menurut maklum balas PSNK bertarikh 4 April 2012, Perbadanan mengakui aktiviti tidak dijalankan di Gelanggang Boling Padang dan Lapang Sasar. Ini kerana, sukan tersebut tidak mempunyai ramai peminat dan aktiviti yang berlangsung juga hanya melibatkan atlet di bawah kendalian Majlis Sukan Negeri Kedah. Pihak Perbadanan dalam proses untuk bekerjasama dengan persatuan-persatuan dalam menyelaraskan aktiviti sukan.

Pada pendapat Audit, kadar penggunaan kompleks sukan adalah baik kecuali penggunaan Gelanggang Boling Padang dan Lapang Sasar Pokok Sena. Perbadanan disarankan agar bekerjasama menyelaraskan aktiviti bersama persatuan sukan di Negeri Kedah bagi mempertingkatkan promosi supaya penggunaan kemudahan di kompleks sukan dijadualkan secara maksimum.

#### **8.4.2. Tunggakan Hasil Penggunaan Kompleks Sukan Meningkat**

**8.4.2.1.** Perbadanan seharusnya memastikan bayaran penggunaan kompleks sukan dan sewaan ruang niaga dapat dipungut. Sumber pendapatan utama Perbadanan adalah daripada aktiviti penyewaan kompleks sukan dan sewaan premis perniagaan serta tapak bazaria di Stadium Darul Aman di mana terdapat 44 buah premis perniagaan, 2 ruang pejabat, 1 ruang *gymnasium* dan 115 tapak perniagaan yang dikenali sebagai Bazaria Larut Malam.

**8.4.2.2.** Semakan Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti penggunaan dan sewaan kompleks sukan telah meningkat sejumlah RM12,385 dari RM 1.5 juta pada tahun 2009 kepada RM1.52 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, berlaku penurunan pendapatan sejumlah RM413,404 atau 27.3% kepada RM1.10 juta berbanding tahun 2010. Semakan lanjut terhadap sewaan penggunaan kompleks sukan dan premis perniagaan mendapati tunggakan sewa bagi penggunaan kompleks sukan dan ruang niaga meningkat kepada RM875,758 pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 RM563,337. Selain itu, tunggakan hasil sewaan ruang niaga juga turut meningkat kepada RM326,984 pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010 masing-masing sejumlah RM234,345 dan RM264,096. Punca tunggakan-tunggakan tersebut adalah disebabkan penghutang tidak menjelaskan hutang mereka dan kelemahan dalam penguatkuasaan kutipan tunggakan sewa. Selain itu, Perbadanan juga tidak mengambil tindakan proaktif bagi mengurangkan tunggakan tersebut. Sehingga kini, Perbadanan hanya mengeluarkan notis sebagai peringatan kepada penghutang supaya menjelaskan tunggakan mereka. Kedudukan tunggakan sewa penggunaan Kompleks Sukan dan sewaan ruang niaga adalah seperti di **Jadual 8.3**.

**Jadual 8.3  
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2009 hingga 2011**

Tunggakan Hasil	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
<b>Kompleks Sukan</b>			
Stadium Darul Aman	141,477	357,449	407,602
Kompleks Sukan Muadzam Shah	86,886	90,890	43,590
Stadium Sultan Abdul Halim	100,629	91,946	71,350
Kompleks Akuatik	-	4,000	20,232
Lapang Sasar	-	-	6,000
<b>Jumlah</b>	<b>328,992</b>	<b>544,285</b>	<b>548,774</b>
<b>Ruang Niaga</b>			
Sewa Premis	227,975	248,596	317,934
Sewa Tapak Bazaria	6,370	15,500	9,050
<b>Jumlah</b>	<b>234,345</b>	<b>264,096</b>	<b>326,984</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>563,337</b>	<b>808,381</b>	<b>875,758</b>

Sumber: Perbadanan Stadium-stadium Negeri

**8.4.2.3.** Mengikut maklum balas PSNK bertarikh 4 April 2012, peningkatan tunggakan hasil adalah disebabkan terdapat beberapa penyewa yang tegar yang tidak membuat bayaran dari tahun 2009 sehingga 2011. Namun, pihak Perbadanan telah membuat tindakan susulan dengan membuat kutipan sewa premis ke kedai serta mengeluarkan notis melalui peguam yang dilantik sejak tahun 2011. Selain itu, satu perjanjian atau pengesahan berkenaan penyelesaian tunggakan dan menetapkan bayaran secara berkala kepada penyewa telah dilakukan oleh Perbadanan dalam usaha untuk mengurangkan jumlah tunggakan.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah mengambil tindakan proaktif bagi memungut tunggakan yang sedia ada atau tindakan perundangan diambil terhadap penghutang tegar sekiranya perlu.**

#### **8.4.3. Pengubahsuaian Ruang Niaga Tanpa Kebenaran**

**8.4.3.1.** Mengikut surat perjanjian, penyewa tidak dibenarkan membuat pengubahsuaian ruang niaga tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Perbadanan. Lawatan Audit mendapati penyewa telah membuat pengubahsuaian siling ruang niaga dan memasang tambahan bumbung di kawasan luar premis. Walaupun pengubahsuaian ini dapat memberi manfaat kepada penyewa bagi menambah ruang perniagaan, namun ianya menjelaskan pemandangan di sekeliling Stadium Darul Aman kerana bentuk yang tidak seragam dan menjadi ikutan kepada penyewa yang lain. Pengubahsuaian premis perniagaan oleh penyewa adalah seperti di **Gambar 8.1** dan **Gambar 8.2**.

**Gambar 8.1  
Pengubahsuaian Siling  
Menjadikan 2 Tingkat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Perniagaan, Stadium Darul Aman  
Tarikh: 13 November 2011

**Gambar 8.2  
Penambahan Bumbung Di Luar Premis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Perniagaan, Stadium Darul Aman  
Tarikh: 13 November 2011

**8.4.3.2.** Mengikut maklum balas PSNK bertarikh 4 April 2012, Perbadanan akan menghantar surat dengan kadar segera kepada penyewa premis berkaitan pengubahsuaian siling menjadikan 2 tingkat dan kejadian yang berlaku adalah tanpa pengetahuan Perbadanan. Pihak Perbadanan akan sentiasa memantau penambahan bumbung yang dibuat oleh penyewa dan memastikan bahawa ianya tidak mengganggu

laluan pejalan kaki serta kenderaan yang melalui kawasan tersebut. Pihak Perbadanan juga dalam perancangan untuk menaik taraf bumbung di sepanjang koridor premis dengan anggaran kos berjumlah RM 2 juta untuk keselesaan pengunjung dan akan memasukkan perancangan serta peruntukan ini dalam Pelan Strategik Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan penyewa mematuhi terma perjanjian yang dipersetujui. Selain itu, Perbadanan juga perlu menyediakan spesifikasi pengubahsuaian untuk dijadikan panduan kepada penyewa.**

#### **8.4.4. Penyenggaraan dan Pembaikan Kemudahan Kompleks Sukan**

**8.4.4.1.** Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan Jabatan/Agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang yang dibahagikan kepada 2 jenis iaitu penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*) dan penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) bagi mengekalkan keadaan bangunan sentiasa berfungsi dengan baik dan selamat. Di samping itu, ia juga boleh mengekalkan keadaan struktur bangunan agar tidak berlaku kerosakan yang teruk. Bagi tahun 2009 hingga 2011, perbelanjaan keseluruhan penyenggaraan terhadap kompleks sukan adalah berjumlah RM1.65 juta seperti mana di **Jadual 8.4**.

**Jadual 8.4  
Kos Penyenggaraan Kompleks Sukan Bagi Tahun 2009 hingga 2011**

Bil.	Sumber Penyenggaraan	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Perbadanan	542,082	208,585	270,163	1,020,830
2.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	437,486	-	189,761	627,247
<b>Jumlah</b>		<b>979,568</b>	<b>208,585</b>	<b>459,924</b>	<b>1,648,077</b>

Sumber: Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah

**8.4.4.2.** Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati bagi tahun 2009 hingga 2011 Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM1.02 juta bagi tujuan penyenggaraan kompleks sukan. Perbelanjaan tersebut melibatkan penyenggaraan kecil yang tidak melebihi RM10,000 pada satu-satu kerja seperti penyenggaraan kualiti air kolam renang, membaik pulih saluran air kumbahan, kerja-kerja membaiki siling bocor dan lain-lain. Bagi kerosakan yang melibatkan jumlah yang melebihi RM10,000 ianya disenggarakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Bagi tahun 2009 hingga 2011, UPEN telah menyalurkan sejumlah RM0.63 juta untuk tujuan penyenggaraan. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak mempunyai jadual penyenggaraan secara terancang bagi tempoh sepanjang tahun. Program penyenggaraan tahunan Perbadanan juga bergantung kepada status kewangan semasa.

**8.4.4.3.** Semakan Audit juga mendapati pihak Perbadanan telah menyenaraikan kerosakan dalam laporan penyenggaraan. Bagaimanapun kerosakan ini masih belum diperbaiki bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Senarai kerosakan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 8.5**.

**Jadual 8.5**  
**Senarai Kerosakan Yang Masih Belum Dibaiki**

Bil.	Kompleks Sukan	Jenis Kerosakan
1.	Stadium Darul Aman	Kerusi tempat duduk penonton rosak
2.		Terdapat lampu <i>spotlight</i> yang tidak berfungsi
3.	Stadium Sultan Abdul Halim	Lantai pentas utama yang tertanggal
4.		Scoreboard tidak berfungsi
5.		Sistem bunyi yang tidak berfungsi
6.		Rekahan pada siling simen
7.	Kompleks Sukan Muadzam Shah	Sistem septik yang tidak berfungsi
8.		Kerusi tempat duduk penonton rosak
9.		Kerosakan palong air
10.		Berlaku mendapan di ruang legar
11.	Kompleks Akuatik	Siling rosak
12.		Berlaku kebocoran di palong air
13.		Berlaku rekahan pada kepingan tiles
14.	Lapang Sasar	Papan penghadang cahaya reput
15.		Papan sasar menembak rosak

Sumber: Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah

**8.4.4.4.** Lawatan Audit mendapati keadaan kerosakan yang dialami adalah seperti di **Gambar 8.3** hingga **Gambar 8.10**.

**Gambar 8.3**  
**Longkang Tepi Padang Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Sukan Muadzam Shah  
Tarikh: 14 November 2011

**Gambar 8.4**  
**Tempat Duduk Penonton Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Sukan Muadzam Shah  
Tarikh: 14 November 2011

**Gambar 8.5**  
**Turf Yang Berlumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gelanggang Boling Padang 1  
Tarikh: 19 Disember 2011

**Gambar 8.6**  
**Palong (Gutter) Pecah Mengakibatkan Lantai Berlumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 14 November 2011

**Gambar 8.7**  
**Perkarangan Stadium Yang Berlopak**




Sumber: Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah  
Lokasi: Stadium Sultan Abdul Halim  
Tarikh: 19 Disember 2011

**Gambar 8.8**  
**Tempat Duduk Penonton Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah  
Lokasi: Stadium Sultan Abdul Halim  
Tarikh: 19 Disember 2011

**Gambar 8.9**  
**Tangga Pentas Dimakan Anai-anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah  
Lokasi: Stadium Sultan Abdul Halim  
Tarikh: 19 Disember 2011

**Gambar 8.10**  
**Dinding Serap Bunyi Yang Pecah**



Sumber: Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah  
Lokasi: Stadium Sultan Abdul Halim  
Tarikh: 19 Disember 2011

**8.4.4.5.** Perbadanan bertanggungjawab menyenggara kompleks sukan sekiranya berlaku kerosakan bagi memastikan tahap keselamatannya berada dalam keadaan baik. Lawatan Audit ke Kompleks Akuatik mendapati berlaku mendapan tanah pada struktur luaran bangunan menyebabkan *interlocking tiles* di kawasan hadapan kompleks sukan telah renggang setinggi 9 inci dan berlaku keretakan pada tangga dan koridor seperti di **Gambar 8.11** hingga **Gambar 8.13**. Keadaan ini boleh menjelaskan tahap keselamatan pengguna Kompleks Akuatik. Selain itu, kos pembalik akan meningkat disebabkan tindakan pembalik awal tidak diambil. Penemuan ini telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006, namun tindakan pembalik masih belum dibuat.

**Gambar 8.11**  
**Keretakan Ketara Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2006**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 18 September 2006



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 14 November 2011

**Gambar 8.12**  
**Renggangan Interlocking Tiles Sebanyak 23 cm**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 14 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 3 April 2012

**Gambar 8.13**  
**Tangga Dan Koridor Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 3 April 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Akuatik, Gunung Keriang  
Tarikh: 14 November 2011

**8.4.4.6.** Mengikut maklum balas PSNK bertarikh 4 April 2012, kos penyenggaraan yang masih belum diperbaiki akan dimasukkan ke dalam bajet tahun 2013. Bagi Kompleks Akuatik, pemeriksaan bangunan telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia pada 23 dan 24 November 2011. Sehingga kini, Perbadanan masih menunggu laporan daripada JKR. Selain itu, kerosakan akibat mendapan di Kompleks Akuatik juga akan dimaklumkan kepada Majlis Sukan Negara.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu menyediakan perancangan penyenggaraan yang teratur dan menyedia peruntukan yang mencukupi bagi melakukan kerja-kerja penyenggaraan supaya dapat memastikan kompleks sukan dijaga dengan baik serta menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna kompleks.**

#### **8.4.5. Kawalan Keselamatan Tidak Memuaskan**

**8.4.5.1.** Perbadanan hendaklah mengambil langkah perlindungan yang mencukupi bagi menjamin keselamatan aset dan harta tanah Kerajaan Negeri yang terletak di bawah pengurusan Perbadanan serta mengelakkan ancaman terhadap penggunaan aset itu. Pemeriksaan Audit mendapati kawasan belakang Kompleks Sukan Muadzam Shah tidak berpagar dan dicerobohi oleh penduduk sekitar bagi menempatkan kenderaan mereka yang telah rosak. Selain itu, bangunan terbiar di bahagian belakang kompleks sukan juga telah diceroboh dan menjadi tempat longgokan pakaian terbuang. Pemantauan yang tidak memuaskan dan laluan yang tidak dikawal oleh Perbadanan boleh menyebabkan berlakunya pencerobohan dan vandalisme seperti di **Gambar 8.14** dan **Gambar 8.15**.

**Gambar 8.14**  
**Kawasan Belakang Telah Diceroboh Oleh Penduduk Sekitar Bagi Menempatkan Kenderaan Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Sukan Muadzam Shah  
Tarikh: 14 November 2011

**Gambar 8.15**  
**Bangunan Yang Terbiar Menjadi Tempat Longgokan Barang Terbuang Oleh Orang Awam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Sukan Muadzam Shah  
Tarikh: 14 November 2011

**8.4.5.2.** Mengikut maklum balas PSNK bertarikh 4 April 2012, perbincangan akan dibuat bersama Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah dan Majlis Bandaraya Alor Setar dalam memastikan laluan keluar masuk orang awam di kawasan tersebut tidak terhalang bagi membina pagar di bahagian belakang Kompleks Sukan Muadzam Shah.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah membina pagar di bahagian belakang Kompleks Sukan Muadzam Shah bagi mengelak pencerobohan.**

## 8.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan juga bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan adalah disyorkan supaya Perbadanan mengambil tindakan berikut:

**8.5.1.** Menyelaras program atau aktiviti bersama Persatuan supaya aktiviti sukan berkenaan dapat dipertingkatkan bagi menjana pendapatan Perbadanan.

**8.5.2.** Mengambil tindakan perundangan terhadap penghutang tegar.

**8.5.3.** Membina pagar di bahagian belakang Kompleks Sukan Muadzam Shah bagi mengelak daripada pencerobohan.

## MAJLIS DAERAH KUBANG PASU MAJLIS DAERAH BALING

### 9. PENGURUSAN KEMUDAHAN AWAM

#### 9.1. LATAR BELAKANG

**9.1.1.** Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Majlis Daerah Baling (MDB) ditubuhkan pada 1 April 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berikutan penyusunan semula beberapa Kerajaan Tempatan dengan mencantumkan semua Majlis Tempatan dan Lembaga Bandaran. Operasi perkhidmatan dan kawalan pembangunan bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis) ini meliputi 13 penempatan di Daerah Kubang Pasu dan 5 penempatan di Daerah Baling. Penempatan utama di bawah pentadbiran MDKP ialah Bandar Jitra, Bandar Darulaman, Changloon, Bukit Kayu Hitam, Air Hitam, Kerpan dan beberapa pekan lain. Manakala Pekan Baling, Kupang, Tawar, Kuala Pegang dan Kuala Ketil merupakan pekan utama di bawah pentadbiran MDB.

**9.1.2.** Kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, kawasan, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi oleh masyarakat setempat. Secara umumnya, kemudahan ini dikategorikan kepada 3 iaitu pengurusan kejiranan, rekreasi dan riadah serta prasarana seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Kategori Dan Jenis Kemudahan Awam**

Bil.	Kategori Kemudahan	Jenis	Bilangan Kemudahan	
			MDKP	MDB
1.	Kemudahan Pengurusan Kejiranan	Dewan/Mini Stadium	5	4
2.	Kemudahan Rekreasi Dan Riadah	Taman Awam	2	3
		Kawasan Rekreasi	1	3
3.	Kemudahan Prasarana	Pasar Awam	14	3
		Medan Selera	10	8
		Gerai dan Kedai Majlis	28	33
		Tapak Pasar Malam	2	11
		Tandas Awam	17	22
		Stesen/Perhentian Bas	4	2
		Lampu Jalan *	2,450	1,270

Sumber: MDKP Dan MDB

Nota: \*Dalam Bilangan Unit

**9.1.3.** Peranan utama Majlis ialah menyedia, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan awam yang lengkap di Daerah Kubang Pasu dan Daerah Baling. Majlis bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyenggaraan kemudahan awam. Kemudahan yang lengkap dan sempurna menjadi satu keperluan dalam sesebuah taman atau kawasan penempatan bagi kegunaan masyarakat untuk melakukan

aktiviti sosial khususnya dalam membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera. Sehingga akhir tahun 2011, nilai projek yang telah disiapkan adalah berjumlah RM25.39 juta. Daripada jumlah tersebut, RM17.76 juta atau 69.9% merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM3.14 juta atau 12.4% adalah peruntukan Kerajaan Negeri manakala bakinya RM4.5 juta atau 17.7% menggunakan Kumpulan Wang Majlis. Selain itu, Majlis juga menyediakan peruntukan untuk menyenggara semua kemudahan awam yang ada. Sehingga Disember 2011, sejumlah RM2.48 juta atau 65.8% daripada RM3.77 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan untuk menyenggara kemudahan awam. Kos projek dan penyenggaraan yang dibelanjakan adalah seperti di **Jadual 9.2** dan **Jadual 9.3**.

**Jadual 9.2**

**Kos Projek Kemudahan Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

<b>Majlis</b>	<b>Kos Projek</b>			
	<b>Kerajaan Persekutuan (RM)</b>	<b>Kerajaan Negeri (RM)</b>	<b>Kumpulan Wang Majlis (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
Daerah Kubang Pasu	7,860,377	1,442,097	-	9,302,474
Daerah Baling	9,897,584	1,694,929	4,500,000	16,092,513
<b>Jumlah</b>	<b>17,757,961</b>	<b>3,137,026</b>	<b>4,500,000</b>	<b>25,394,987</b>

Sumber: MDKP Dan MDB

**Jadual 9.3**

**Peruntukan Pengurusan Kemudahan Awam Majlis**

<b>Majlis</b>	<b>Tahun</b>	<b>Budget Majlis (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>
Daerah Kubang Pasu	2009	944,890	646,386
	2010	598,768	571,367
	2011	611,970	604,228
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>2,155,628</b>	<b>1,821,981</b>
Daerah Baling	2009	558,000	159,797
	2010	513,400	250,053
	2011	539,400	246,407
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>1,610,800</b>	<b>656,257</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>3,766,428</b>	<b>2,478,238</b>

Sumber: Belanjawan Dan Penyata Perbelanjaan MDKP Dan MDB

## 9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan awam telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop Pengauditan adalah meliputi perancangan, pembinaan, pengurusan, penyenggaraan dan pemantauan terhadap kemudahan awam bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan yang dijalankan adalah melalui penyemakan dan analisis data, pemeriksaan rekod kewangan dan dokumen pengurusan berkaitan stesen bas, pusat rekreasi, taman awam, dewan, tandas awam dan lain-lain di Majlis Daerah Kubang Pasu serta Majlis Daerah Baling.

Lawatan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga turut dijalankan untuk mendapat maklumat yang lebih jelas.

#### **9.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kemudahan awam Majlis masih boleh dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kemudahan yang siap dibina tidak digunakan.
- Kemudahan awam serta komponennya tidak disenggara dengan sempurna.
- Tuggakan sewa ruang niaga yang tinggi.
- Tiada perlindungan insurans kebakaran ataupun tanggungan awam (*public liability*) terhadap bangunan/tempat tumpuan awam.
- Pengubahsuaian gerai tanpa kebenaran.

##### **9.4.1. Kemudahan Awam Yang Tidak Digunakan**

Penyediaan kemudahan awam merupakan satu daripada tanggungjawab Majlis. Kemudahan yang dibina perlu dirancang dengan baik agar ianya boleh memberi manfaat kepada orang ramai. Faktor-faktor seperti kos, kesesuaian, kebolehgunaan dan lokasi perlu diberi perhatian dalam melaksanakan projek agar kemudahan yang disediakan boleh berfungsi seperti yang dirancang. Semakan Audit berdasarkan sampel yang dipilih mendapati perkara berikut:

###### **9.4.1.1. Medan Ikan Bakar Sejahtera**

- a. Medan Ikan Bakar Sejahtera terletak di tebing terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Alor Changleh, Jitra dibina dengan kos berjumlah RM191,966 dan disiapkan pada 15 Ogos 2009. Pembinaan kemudahan ini melibatkan pembinaan gerai, tandas dan ruang letak kereta. Lawatan Audit ke lokasi mendapati tiada perniagaan dijalankan, peralatan seperti meja makan dan lampu pengindahan kawasan telah rosak dan persekitaran medan telah ditumbuhki semak-samun seperti di **Gambar 9.1** dan **Gambar 9.2**. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2011, MDKP menerima tawaran daripada 6 syarikat yang berminat untuk menyewa keseluruhan kawasan medan selera tersebut. Syarikat berkenaan memohon pihak MDKP membaki kemudahan yang rosak terlebih dahulu sebelum bersetuju untuk menyewa keseluruhan tempat tersebut. **Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun**

2012, MDKP memaklumkan kerosakan yang berlaku tidak dibaiki kerana Medan Ikan Bakar tersebut belum beroperasi semula setelah penyewa sebelumnya menarik diri. Majlis kuatir jika dibaiki, kerosakan akan terus berlaku kerana medan selera berkenaan belum ada penyewa. Bermula Februari 2012, 3 lot gerai di medan berkenaan telah disewakan kepada Persatuan Burung Negeri Kedah dan dalam proses pembaikan.

**Gambar 9.1**  
Persekutuan Gerai Yang Tidak Disewa



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Ikan Bakar Sejahtera, Jitra  
Tarikh: 28 September 2011

**Gambar 9.2**  
Meja Makan Yang Terbiar Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Ikan Bakar Sejahtera, Jitra  
Tarikh: 28 September 2011

- b. Pihak Audit mendapati lokasi pembinaan Medan Ikan Bakar Sejahtera adalah strategik kerana dibina berhampiran dengan terusan. Bagaimanapun, kedudukannya yang terlindung dengan bangunan sedia ada dan kurangnya promosi turut menyumbang kepada kurangnya sambutan orang ramai terhadap lokasi perniagaan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan gerai MDKP tidak dapat disewakan dan tempat berkenaan menjadi projek terbiar yang tidak memberi keuntungan kepada Majlis dan juga orang awam. Mengikut perkiraan Audit, anggaran hasil sewaan yang dapat dipungut sekiranya gerai berkenaan disewa bagi tempoh Jun 2009 hingga Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

**Jadual 9.4**  
Anggaran Hasil Sewaan Bagi Tempoh Jun 2009 Hingga Disember 2011

Tahun	Bulan	Jumlah Bulan	Bil. Petak	Kadar Sewa 1 Petak (RM)	Jumlah Sewa (RM)
2009	Jun hingga Disember	7	4	120	3,360
2010	Januari hingga Disember	12	4	120	5,760
2011	Januari hingga Disember	12	4	120	5,760
<b>Jumlah</b>					<b>14,880</b>

Sumber: Majlis

#### **9.4.1.2. Stesen Bas Dan Teksi Kodiang**

Kompleks baharu Stesen Bas Dan Teksi di Pekan Kodiang dibangunkan pada tahun 2009 dengan kos berjumlah RM225,140 dan diserahkan kepada MDKP pada bulan Disember tahun yang sama. Projek ini dilaksanakan bagi menggantikan stesen bas lama yang telah dibangunkan sebagai arked perniagaan. Pembinaan stesen ini melibatkan kompleks utama stesen, jalan masuk, tempat meletak bas, ruangan pejabat, kiosk dan tempat menunggu. Lawatan Audit ke kompleks berkenaan mendapati ianya belum digunakan tetapi telah mengalami kerosakan pada ruang pejabat dan kiosk kesan daripada pencerobohan. Menurut MDKP, antara sebab stesen belum digunakan adalah kerana jalan masuk yang masih belum siap dan tidak berturap. Temu bual Audit dengan pegawai syarikat bas yang beroperasi mendapati faktor saiz jalan masuk yang tidak sesuai menyebabkan kenderaan tidak dapat masuk ke stesen berkenaan. MDKP menerima peruntukan tambahan berjumlah RM20,000 pada Disember 2011 untuk menaik taraf jalan masuk ke stesen. Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, MDKP memaklumkan stesen bas berkenaan telah digunakan selepas perjumpaan dengan pengusaha bas dan Persatuan Teksi Kodiang pada 23 April 2012. Keadaan stesen adalah seperti di **Gambar 9.3** dan **Gambar 9.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Bas Dan Teksi Pekan Kodiang  
Tarikh: 28 September 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Bas Dan Teksi Pekan Kodiang  
Tarikh: 28 Mac 2012

#### **9.4.1.3. Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban**

Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban terletak di Kampung Charuk Sikin, Mukim Pulai iaitu 3 km dari Pekan Kupang, Baling berkeluasan melebihi 30 ekar telah dibangunkan pada tahun 2000 dengan kos RM278,455. Antara kemudahan yang disediakan ialah medan selera, wakaf, ruang pejalan kaki, taman permainan, tandas dan tanaman hiasan. Lawatan Audit mendapati pusat rekreasi berkenaan berada dalam keadaan terbiar dan tidak disenggara. Kemudahan dan peralatan yang disediakan telah rosak akibat vandalisme. Tasik telah ditumbuhki rumpai dan tumbuhan liar serta ruang pejalan kaki yang mengelilingi tasik juga telah ditumbuhki semak samun seperti di **Gambar 9.5** dan **Gambar 9.6**. Semakan Audit mendapati walaupun kemudahan

infrastruktur telah dibina namun ianya tidak dapat menarik tumpuan penduduk tempatan untuk beriadah di kawasan ini. Keadaan ini menyebabkan peniaga di medan selera berkenaan yang mula beroperasi pada Februari 2002 terpaksa menutup perniagaan mereka. Mengikut maklum balas bertarikh 9 April 2012, MDB memaklumkan usaha sedang diambil bagi membangunkan semula Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban sebagai Taman Bandaran/Taman Herba. Ianya masih lagi di peringkat perancangan antara MDB dan Jabatan Landskap Negara.

**Gambar 9.5  
Kawasan Medan Selera Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban  
Tarikh: 2 Januari 2012

**Gambar 9.6  
Kolam Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Rekreasi Tasik Gua Reban  
Tarikh: 2 Januari 2012

**Pada pendapat Audit, tindakan Majlis mengubah fungsi medan selera dan rancangan menjadikan pusat rekreasi kepada jenis kemudahan lain adalah baik kerana lokasi berkenaan tidak terus terbiar dan tidak digunakan.**

#### 9.4.2. Penyenggaraan Kemudahan Awam Majlis

Penyenggaraan adalah penting bagi memastikan semua kemudahan awam berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Budaya penyenggaraan yang berterusan perlu diamalkan sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan penggunaan kemudahan awam dan juga untuk memastikan keadaan fizikal berada dalam keadaan yang baik. Kemudahan awam hendaklah disenggara apabila rosak, usang dan tidak berfungsi. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menjalankan penyenggaraan secara berkala. Bagaimanapun, penyenggaraan hanya dilaksanakan apabila menerima aduan dan juga mengikut keperluan. Lawatan Audit pada bulan September 2011 di sekitar kawasan pentadbiran MDKP dan pada bulan November 2011 di MDB mendapati tahap penyenggaraan dari segi kebersihan, kebolehgunaan dan keselamatan adalah kurang memuaskan. Sebanyak 34 daripada 75 kemudahan awam atau 45.3% mempunyai tahap penyenggaraan yang tidak memuaskan seperti di **Jadual 9.5**. Analisis Audit mendapati 21 daripada 37 lokasi yang dilawati atau 56.7% di MDKP berada dalam keadaan yang kurang memuaskan seperti peralatan yang rosak tidak dibaiki, sistem perparitan yang rosak dan tersumbat, landskap dan persekitaran tidak dijaga, tahap kebersihan yang rendah dan ketidaaan bekalan air paip. Manakala hanya 13 daripada 38 kemudahan atau 34.2% di MDB berada dalam keadaan kurang memuaskan.

Maklumat lanjut berhubung tahap penyenggaraan kemudahan awam Majlis adalah seperti di **Jadual 9.5**.

**Jadual 9.5**

**Tahap Penyenggaraan Kemudahan Awam MDKP Dan MDB**

Kemudahan Awam	MDKP			MDB		
	Lokasi Dilawati	Tahap Penyenggaraan		Lokasi Dilawati	Tahap Penyenggaraan	
		Memuaskan	Tidak Memuaskan		Memuaskan	Tidak Memuaskan
Taman Awam	2	-	2	3	-	3
Dewan	3	1	2	4	3	1
Tandas Awam	9	4	5	10	6	4
Pasar Awam	7	3	4	5	3	2
Medan Selera/Gerai	11	5	6	6	4	2
Rumah Kedai	-	-	-	4	3	1
Pusat Rekreasi Dan Penginapan	-	-	-	3	3	-
Stesen Bas	4	3	1	2	2	-
Padang Awam	-	-	-	1	1	-
Mini Stadium	1	-	1	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	<b>38</b>	<b>25</b>	<b>13</b>

Sumber: Analisis Audit

#### 9.4.2.1. Taman Awam

Taman awam atau taman permainan merupakan kemudahan yang perlu ada bagi setiap penempatan untuk kemudahan penduduk beriadah. Elemen atau peralatan yang biasa disediakan di taman awam adalah alatan permainan kanak-kanak bersepadu seperti *spring item*, buaian, papan gelongsur, papan jongkang-jongkit, bangku, meja, pondok berteduh dan lain-lain yang sesuai. Lawatan Audit ke Taman Awam Sejahtera dan Taman Awam Jitra di kawasan MDKP mendapati sebahagian kecil peralatan di taman berkenaan rosak seperti pecah, patah dan tertanggal serta keadaan persekitaran yang tidak disenggara dengan memuaskan. Pihak Audit juga telah melakukan lawatan ke 3 taman awam di kawasan MDB iaitu Taman Permainan Tun Razak, Taman Permainan Kanak-Kanak Baling dan Taman Permainan Medan Selera Kuala Ketil mendapati beberapa peralatan permainan yang disediakan di taman permainan berkenaan telah rosak dan tidak boleh digunakan. Selain itu, rumput dan tanaman hiasan juga tidak disenggara dengan sempurna oleh Majlis. Contoh peralatan di taman awam yang rosak dan tidak disenggara seperti di **Gambar 9.7** dan **Gambar 9.8**.

**Gambar 9.7**  
**Rumput Tidak Dipotong Dan Tong Sampah Tidak Terurus**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Awam Sejahtera, Jitra  
Tarikh: 28 September 2011

**Gambar 9.8**  
**Alatan Permainan Yang Rosak Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Medan Selera Kuala Ketil  
Tarikh: 15 November 2011

#### 9.4.2.2. Dewan


Lawatan Audit turut dijalankan terhadap 3 buah dewan di kawasan MDKP dan 4 buah dewan di kawasan MDB. Hasil daripada lawatan yang dijalankan mendapati kabinet dapur di pantri tingkat 1 Dewan Wawasan telah rosak kerana serangan anai-anai seperti di **Gambar 9.9**. Sementara itu, di Dewan Jitra didapati sarang anai-anai di bawah pentas utama dan berlaku pemendapan tanah didapati di belakang dewan. Manakala di Dewan Serbaguna Kupang, terdapat beberapa kerosakan pada peralatan gelanggang sukan di luar dewan seperti tiang gelanggang sepak takraw dipotong seperti di **Gambar 9.10**. Kerosakan yang lebih besar boleh berlaku sekiranya tindakan penyenggaraan yang segera tidak diambil. Kos penyenggaraan juga akan meningkat dan seterusnya dewan berkenaan tidak dapat disewa dan Majlis akan kehilangan hasil sewa.

**Gambar 9.9**  
**Kabinet Dapur Di Tingkat 1, Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Wawasan, Jitra  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 9.10**  
**Tiang Gelanggang Sepak Takraw**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Serbaguna Kupang, Baling  
Tarikh: 16 November 2011

#### 9.4.2.3. Tandas Awam

Lawatan Audit dijalankan di 9 lokasi tandas awam di MDKP dan 10 lokasi di MDB. Hasil lawatan Audit mendapati 5 daripada 9 tandas awam di MDKP dan 4 daripada 10 tandas awam di MDB tidak disenggarakan dengan baik. Ianya berbeza dengan tandas yang disewakan kepada operator swasta di mana tandas adalah lebih bersih berbanding dengan tandas yang disenggarakan sendiri oleh Majlis. Keadaan ini berlaku kerana tiada pemantauan dan penyenggaraan daripada Majlis. Butiran dan keadaan tandas yang dilawati adalah seperti di **Jadual 9.6**.

**Jadual 9.6**  
**Tahap Penyenggaraan Tandas Awam**

Bil.	Lokasi Tandas	Penemuan Audit
<b>MDKP</b>		
1.	Tandas Awam Medan Ikan Bakar Sejahtera	Kerosakan kerana tidak digunakan dan tidak dijaga
2.	Tandas Awam Pasar Batu 17, Tunjang	Rosak dan tidak digunakan, tiada bekalan air, menjadi tempat simpanan barang peniaga
3.	Tandas Awam Bazar MDKP, Bukit Kayu Hitam	Rosak, kotor dan tidak dijaga
4.	Tandas Awam Medan Selera Changloon	Rosak, kotor dan tidak dijaga
5.	Tandas Awam Pasar Changloon	Rosak, kekurangan bekalan air
<b>MDB</b>		
1.	Tandas Medan Selera Kupang	Tandas lelaki rosak teruk dan tidak dicuci, tandas perempuan masih boleh digunakan dan dijaga serta dikunci oleh peniaga wanita
2.	Tandas Awam Bangunan Arked Kuala Ketil	Terdapat tandas yang rosak dan ada yang masih boleh digunakan
3.	Tandas Awam Pasar Baru Kuala Ketil	Rosak dan tidak disenggara
4.	Tandas Awam Pasar Borong Baling	Tidak di senggara dan tidak digunakan

Sumber: Analisis Audit

#### 9.4.2.4. Pasar Awam/Pasar Borong/Pasar Tani

Pembinaan pasar adalah bertujuan untuk menyediakan ruang niaga dan seterusnya memudahkan orang ramai mendapatkan keperluan harian. Bekalan air merupakan kemudahan utama yang perlu disediakan bagi memudahkan kerja pembersihan dilakukan. Lawatan Audit dijalankan terhadap 12 daripada 17 pasar awam di MDKP dan MDB. Hasil lawatan Audit mendapati Pasar Awam Batu 17, Tunjang di MDKP tidak mempunyai bekalan air menyebabkan kerja pembersihan sukar dilakukan dan keadaan pasar menjadi kurang bersih. Peniaga terpaksa mendapatkan bekalan air dari tempat sembelihan ayam yang berhampiran. **Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, Pihak MDKP memaklumkan bahawa bekalan air terpaksa dipotong kerana bilangan peniaga yang beroperasi tidak ramai dan berlaku penyalahgunaan air.** Bagaimanapun, Majlis bersetuju untuk mengatasi masalah penyambungan bekalan air kepada peniaga berkenaan.

#### 9.4.2.5. Medan Selera, Pusat Penjaja, Rumah Kedai dan Gerai

- a. Medan selera, pusat penjaja, rumah kedai dan gerai dibina untuk kemudahan peniaga menjual makanan dan keperluan harian. Lawatan Audit terhadap 11 lokasi di sekitar kawasan pentadbiran MDKP iaitu Bandar Jitra, Changloon, Bukit Kayu Hitam, Kerpan dan Sungai Korok mendapati semua medan selera, pusat penjaja dan gerai menjual makanan beroperasi dengan baik dan menerima kunjungan pelanggan. Bagaimanapun, sistem perparitan di Medan Selera Jitra tidak berfungsi dengan baik dan ruang niaga yang tidak beroperasi juga tidak disenggara seperti di **Gambar 9.11** dan **Gambar 9.12**. Bagi memastikan semua unit gerai Majlis beroperasi, sistem perparitan dan kebersihan perlu dipertingkatkan. Tindakan proaktif dalam mempromosi ruang niaga yang tiada penyewa hendaklah dibuat supaya aktiviti perniagaan menjadi lebih rancak serta memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna.

**Gambar 9.11**  
Parit Tersumbat Dan Bertakung  
Selepas hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Jitra  
Tarikh: 16 Oktober 2011

**Gambar 9.12**  
Ruang Niaga Tidak Beroperasi  
Tidak Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Pekan Jitra II  
Tarikh: 28 September 2011

- b. Pemeriksaan Audit terhadap 10 lokasi kemudahan ruang niaga milik MDB di sekitar Baling, Kupang dan Kuala Ketil mendapati kemudahan berkenaan beroperasi dengan baik dan menerima kunjungan pelanggan. Bagaimanapun, beberapa ruang niaga seperti Medan Selera Kuala Ketil dan Medan Selera Kupang tidak disenggara dengan sempurna. Pemerhatian Audit mendapati lantai ruang niaga berlumut, ruang niaga yang tidak beroperasi kotor dan tidak terjaga seperti di **Gambar 9.13** dan **Gambar 9.14**. Jika keadaan sedemikian berterusan, keselesaan pengunjung dan peniaga akan terjejas. Keadaan ini berlaku kerana kurang pemantauan daripada Majlis dan sikap peniaga yang kurang menjaga kebersihan. Daripada lawatan yang dibuat, pihak Audit mendapati penyenggaraan hanya dilakukan apabila Majlis menerima banyak aduan dari pengguna dan keperluan yang mendesak. Butiran pemeriksaan yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 9.7**.

**Jadual 9.7**

**Medan Selera, Pusat Penjaja, Rumah Kedai dan Gerai**

Bil.	Ruang Niaga	Penemuan Audit
<b>MDKP</b>		
1.	Medan Selera PJ2	Longkang tidak disenggara, ruang niaga kosong
2.	Medan Selera Changloon	Kotoran seperti debu dan sarang labah-labah di bahagian bumbung medan selera tidak disenggara
3.	Medan Selera Jitra	Longkang tidak disenggara
4.	Medan Selera Mahsuri	Dalam keadaan baik. Ruang makan tidak seragam
5.	Medan Penjaja Kemunting	Dalam keadaan baik
6.	Medan Selera Kepala Batas	Longkang dan perangkap sisa tidak disenggara
7.	Tapak Penjaja Statik Kepala Batas	Tiada longkang untuk saliran air basuhan
8.	Gerai Tertutup PPD Sungai Korok	Dalam keadaan baik
9.	Gerai Tertutup/Terbuka Kerpan	Dalam keadaan baik
10.	Gerai Terbuka Bukit Kayu Hitam	Dalam keadaan baik
11.	Medan Selera Ikan Bakar Sejahtera, Jitra	Peralatan rosak. Tidak beroperasi
<b>MDB</b>		
1.	Medan Selera Baling	Baik kecuali longkang tidak disenggara
2.	Bazar Baling	Dalam keadaan baik
3.	Gerai/Kiosk Tepi Padang Dewan Kenangan Tun Abdul Razak	Dalam keadaan baik
4.	Gerai Minangkabau, Baling	Dalam keadaan baik
5.	Medan Selera Kupang	Tidak bersih, terdapat ruang niaga kosong
6.	Medan Selera Kuala Ketil	Tidak bersih, ruang makan berlumut, ruang niaga kosong
7.	Rumah Kedai Baling	Dalam keadaan baik
8.	Arked Kuala Ketil	Ruang niaga kosong
9.	Rumah Kedai Pekan Baru Kuala Ketil	Dalam keadaan baik
10.	Medan Serbaneka Pekan Baru Baling	Dalam keadaan baik

Sumber: Analisis Audit

**Gambar 9.13**  
**Lantai Ruang Niaga Yang Berlumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kuala Ketil  
Tarikh: 16 November 2011

**Gambar 9.14**  
**Ruang Niaga Yang Tidak Beroperasi Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kupang  
Tarikh: 16 November 2011

#### 9.4.2.6. Kemudahan Rekreasi Dan Penginapan

- a. Pekan Baling merupakan satu daripada laluan utama dan menjadi tempat persinggahan sebelum meneruskan perjalanan ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Inisiatif MDB menyediakan kemudahan rekreasi dan tempat penginapan di Pekan Baling adalah merupakan suatu langkah yang bijak. Kemudahan yang disediakan ialah Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong serta kemudahan penginapan Sri Baling Inn dan Rumah Rehat Baling. Kemudahan yang disediakan memudahkan pengunjung luar untuk menginap di pekan ini. Kutipan hasil daripada kemudahan yang disediakan ini merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan MDB. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, MDB telah berjaya membuat kutipan hasil berjumlah RM4.06 juta. Lawatan Audit terhadap 3 kemudahan awam berkenaan mendapati kemudahan yang disediakan telah disenggara dengan baik seperti di **Gambar 9.15** dan **Gambar 9.16**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong  
Tarikh: 21 Disember 2011

**Gambar 9.16**  
Bilik Penginapan Pusat Rekreasi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong  
Tarikh: 21 Disember 2011

- b. Mengikut maklum balas yang diterima daripada MDKP bertarikh 13 Jun 2012, pembaikan, penyenggaraan dan pemantauan secara berkala sedang dilaksanakan bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat digunakan. Bagaimanapun, ianya bergantung kepada keupayaan kewangan Majlis. Peralatan permainan yang rosak akan diperbaiki dari semasa ke semasa. Selain itu, sebut harga bagi kerja kawalan anai-anai sedang dibuat. Manakala, mengikut maklum balas bertarikh 9 April 2012, MDB juga memaklumkan tindakan penyenggaraan telah diambil terhadap kemudahan yang berada di tahap kurang memuaskan. Bagi kerosakan peralatan Taman Awam, Majlis memaklumkan tidak boleh disenggara kerana tiada alat ganti. Ianya perlu diganti dengan peralatan baru dan jika ia dilaksanakan akan melibatkan kos yang tinggi.

Pada pendapat Audit penyenggaraan secara berkala dan terancang perlu dibuat agar semua kemudahan awam berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

### **9.4.3. Tunggakan Sewa Ruang Niaga**

**9.4.3.1.** Majlis hendaklah memastikan hasil sewa ruang niaga dipungut dalam tempoh yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan hasil sewa berkenaan tidak tertunggak kerana boleh menjelaskan perbelanjaan pengurusan Majlis. Semakan Audit mendapati ruang niaga yang dimiliki MDKP sehingga November 2011 adalah sebanyak 1,049 unit dan MDB sebanyak 733 unit. Ianya terdiri daripada bangunan kedai, gerai, medan selera, pasar awam, stesen/perhentian bas, arked, bengkel industri kecil dan sederhana, kompleks/tapak penjaja dan pasar malam. Dianggarkan hasil sewaan ruang niaga MDKP boleh menyumbang pendapatan berjumlah RM72,394 sebulan ataupun RM868,728 setahun. Manakala, MDB dianggarkan berupaya menjana pendapatan berjumlah RM107,537 sebulan atau RM1,290,444 setahun. Kedudukan tunggakan bagi tahun 2009 hingga November 2011 adalah seperti di **Jadual 9.8**.

**Jadual 9.8**  
**Tunggakan Hasil Sewa Ruang Niaga Bagi**  
**Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Tunggakan (RM)	
	MDKP	MDB
2009	582,259	653,176
2010	561,980	732,770
2011 (sehingga November 2011)	404,255	782,460

Sumber: Penyata Kewangan, Laporan Tunggakan dan Penyata Kutipan Sewaan

**9.4.3.2.** Analisis Audit mendapati tunggakan sewa MDKP pada tahun 2010 menurun sejumlah RM20,279 berbanding tahun 2009 iaitu daripada RM582,259 kepada RM561,980. Sehingga November 2011, tunggakan hasil sewa ruang niaga adalah berjumlah RM404,255. Penurunan tunggakan hasil sewa adalah disebabkan tindakan hapus kira berjumlah RM258,077 dan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan. Bagaimanapun, jumlah tunggakan masih tinggi iaitu sebanyak 5 bulan sewaan berbanding sewaan bulanan yang sepatutnya dikutip. Semakan Audit terhadap 75 ruang niaga yang mempunyai tunggakan keseluruhan berjumlah RM135,645 mendapati 48.1% merupakan sewa yang tertunggak melebihi 2 tahun seperti di **Jadual 9.9**. **Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, MDKP menyatakan notis peringatan dan notis penamatan kepada penyewa yang gagal menjelaskan sewa telah dikeluarkan.** Sehingga 31 Disember 2011 sebanyak 400 operasi sitaan gerai telah dilakukan terhadap penyewa yang masih gagal menjelaskan tunggakan sewa.

**Jadual 9.9**  
**Tempoh Tunggakan Sewa MDKP Tahun 2011**

Jangka Masa (Bulan)	Bilangan Ruang Niaga	Tunggakan (RM)	Peratusan Tunggakan
3 hingga 12	26	33,192	24.5
13 hingga 24	24	37,188	27.4
25 hingga 36	14	35,165	25.9
37 hingga 48	09	25,492	18.8
49 hingga 60	02	4,608	3.4
<b>Jumlah</b>	<b>75</b>	<b>135,645</b>	<b>100</b>

Sumber: Penyata Kewangan dan Laporan Tunggakan MDKP

**9.4.3.3.** Manakala tunggakan sewa MDB pada tahun 2010 telah meningkat sejumlah RM79,594 atau 12.2% berbanding tahun 2009. Sehingga November 2011, tunggakan hasil sewa ruang niaga adalah berjumlah RM782,460. Ianya meningkat sejumlah RM49,690 atau 6.8% berbanding tahun 2010. Tunggakan berkenaan adalah sebanyak 7 bulan sewaan bulanan yang sepatutnya dikutip. Tunggakan penyewa yang masih aktif iaitu 630 akaun adalah berjumlah RM479,110 manakala bakinya 103 akaun berjumlah RM291,030 merupakan tunggakan dari penyewa yang tidak aktif selepas proses sitaan seperti di **Jadual 9.10**. Mengikut maklum balas bertarikh 9 April 2012, MDB memaklumkan pelbagai usaha telah diambil untuk mengurangkan tunggakan sewa ruang niaga. Antara tindakan yang diambil adalah seperti dikenakan denda lewat, pelantikan panel peguam bagi menangani kes hutang lapuk, tindakan sitaan dan cadangan mengubah suai van sedia ada menjadi kaunter bergerak. Sehingga 31 Disember 2011 sebanyak 79 operasi sitaan gerai telah dilakukan terhadap penyewa yang masih gagal menjelaskan tunggakan sewa.

**Jadual 9.10**  
**Tempoh Tunggakan Sewa MDB Tahun 2011**

Jangka Masa (Bulan)	Bilangan Ruang Niaga	Tunggakan (RM)	Peratusan Tunggakan
1 hingga 3	307	121,160	25.3
4 hingga 6	154	130,115	27.2
7 hingga 9	84	89,045	18.6
10 hingga 12	38	50,370	10.5
13 hingga 18	24	46,390	9.7
19 hingga 24	14	15,350	3.2
>24	9	26,680	5.5
<b>Jumlah</b>	<b>630</b>	<b>479,110</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan Bulanan Sewaan Ruang Niaga MDB November 2011

Pada pendapat Audit, tindakan mengutip tunggakan sewa hendaklah terus dipergiatkan bagi mengelakkan hutang lapuk.

#### **9.4.4. Perlindungan Insurans Terhadap Bangunan/Tempat Tumpuan Awam**

**9.4.4.1.** Majlis hendaklah memastikan keselamatan pengguna kemudahan awam adalah terjamin daripada sebarang kemalangan yang mungkin berlaku. Semakan Audit mendapati MDKP mengambil perlindungan insurans kebakaran terhadap 46 premis bangunan kedai/gerai miliknya walaupun tiada peraturan yang mewajibkannya.

Bagaimanapun, MDKP tidak mengambil perlindungan insurans kebakaran terhadap 3 buah dewan iaitu Dewan Wawasan, Dewan Jitra dan Dewan Padang Sera. Dewan berkenaan kerap digunakan orang awam dan peniaga untuk mengadakan pelbagai majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, jualan murah dan lain-lain. MDB juga tidak mengambil sebarang perlindungan insurans sama ada kebakaran ataupun tanggungan awam (*public liability*) terhadap semua premis dan kemudahan awam miliknya. Tiga kemudahan awam iaitu Rumah Rehat Baling, Seri Baling Inn dan Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong sentiasa menerima kunjungan orang awam bagi tujuan penginapan dan rekreasi. Kemudahan awam yang dilindungi dan tidak dilindungi insurans adalah seperti di **Jadual 9.11**.

**Jadual 9.11**  
**Langganan Perlindungan Insurans Oleh MDKP Dan MDB**

Kemudahan Awam	Insurans Kebakaran		Insurans Tanggungan Awam	
	Langganan Ya (/) / Tidak (x)		Langganan Ya (/) / Tidak (x)	
	MDKP	MDB	MDKP	MDB
Gerai	√	x	√	x
Perhentian/Stesen Bas/Teksi	√	x	√	x
Mini Stadium	√	x	√	x
Pasar	√	x	√	x
Tandas Awam	√	x	√	x
Gerai Terbuka	√	x	√	x
Medan Selera	√	x	√	x
Arked Dan Gerai	√	x	√	x
Dewan	x	x	√	x

Sumber: MDKP dan MDB

**9.4.4.2.** Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, MDKP menyatakan perlindungan insurans terhadap 3 dewan masih belum dibuat. Manakala, menurut maklum balas bertarikh 9 April 2012, MDB memaklumkan pihaknya akan mendapatkan sebut harga daripada syarikat insurans. Pihak MDB menyatakan perlindungan insurans akan dipertimbangkan terhadap kemudahan yang menjadi tempat tumpuan awam. Bagaimanapun, ianya bergantung kepada keupayaan kewangan Majlis.

**Pada pendapat Audit, perlindungan insurans adalah perlu bagi melindungi Majlis daripada membayar pampasan kepada orang awam sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini.**

#### **9.4.5. Pengubahsuaian Gerai Majlis**

Sebarang pengubahsuaian rumah kedai/gerai Majlis oleh penyewa adalah tidak boleh dilaksanakan tanpa kebenaran Majlis. Pemeriksaan Audit mendapati bahagian belakang Gerai Tertutup Pusat Pertubuhan Desa (PPD) Sungai Korok telah diubah suai menjadi tempat kediaman seperti di **Gambar 9.17** dan **Gambar 9.18**. Bagaimanapun, pihak MDKP

tidak mengambil sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap pengubahaian gerai berkenaan sebaliknya hanya menaikkan kadar sewaan sahaja. Kesan daripada kelulusan yang diberikan Majlis berkemungkinan akan berhadapan dengan kos pampasan yang perlu dibayar sekiranya perjanjian tidak disambung ataupun kawasan berkenaan terlibat di dalam pengambilan tanah pada masa hadapan. Mengikut maklum balas bertarikh 13 Jun 2012, MDKP memaklumkan pihaknya akan mengeluarkan notis terhadap penyewa jika binaan tambahan tanpa kebenaran dikesan di premis yang terlibat. Seterusnya, tindakan susulan akan diambil sekiranya penyewa masih ingkar dengan peraturan Majlis.

**Gambar 9.17**  
Gerai Diubah Suai  
Menjadi Tempat Kediaman



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Tertutup PPD Sungai Korok  
Tarikh: 19 Oktober 2011

**Gambar 9.18**  
Penambahan Yang Dibuat  
Di Belakang Gerai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Tertutup PPD Sungai Korok  
Tarikh: 19 Oktober 2011

**Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan terhadap pengubahaian tanpa kebenaran adalah perlu kerana ianya boleh dijadikan rujukan kes kepada peniaga lain yang merancang untuk membuat pengubahaian.**

## 9.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan kemudahan awam di MDKP dan MDB boleh dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih baik. Beberapa perkara perlu diberi perhatian bagi memastikan ianya dapat digunakan dengan selamat dan selesa oleh orang awam. Sehubungan itu, syor berikut boleh dipertimbangkan oleh pihak Majlis:

**9.5.1.** Membuat perancangan yang lebih berkesan bagi mempromosikan tempat perniagaan sedia ada yang kurang mendapat sambutan dan juga mempelbagaikan penggunaan ke atas kemudahan yang telah disediakan. Majlis juga perlu membuat kajian kemungkinan sebelum membina sesebuah kemudahan awam agar ianya mampu memberi manfaat kepada orang awam.

**9.5.2.** Menyediakan rancangan penyenggaraan kemudahan awam untuk tujuan kerja penyenggaraan secara berkala dan terancang.

**9.5.3.** Mempergiatkan usaha memungut tunggakan sewa gerai Majlis agar tunggakan tidak terus meningkat.

**9.5.4.** Mengambil perlindungan insurans terhadap bangunan/tempat tumpuan awam bagi melindungi Majlis daripada membayar sebarang tuntutan daripada orang awam sekiranya berlaku bencana yang tidak dijangka.

**9.5.5.** Peraturan terhadap pengubahsuaian bangunan Majlis hendaklah dikuatkuasakan bagi menjaga kepentingan Majlis.



---

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**  
**NEGERI**



## **BAHAGIAN II**

## **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **10. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit Kedah Corporation Berhad, Kedah Agro Industries & Marketing Berhad, Permodalan Kedah Berhad dan Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd.. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH**

### **11. KEDAH CORPORATION BERHAD**

#### **11.1. LATAR BELAKANG**

**11.1.1.** Kedah Corporation Berhad (KCB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed). KCB telah di tubuh dan didaftarkan pada 15 Mei 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayar RM1 juta. Objektif utama penubuhan syarikat adalah untuk memajukan aktiviti perlombongan dan pertanian di peringkat antarabangsa.

**11.1.2** Pada tahun 2008 hingga 2010, KCB terlibat dalam aktiviti pembalakan dan perladangan di Papua New Guinea. KCB juga menceburi bidang pembangunan harta tanah dengan syarikat usaha sama Terra Monda Pte. Ltd. (Singapura) dengan penubuhan syarikat usaha sama 99 East Langkawi Sdn. Bhd. untuk membangunkan harta tanah bertaraf antarabangsa di Langkawi. Selain itu, KCB turut menjalankan usaha sama dengan Kumpulan Perangsang Selangor (KPS) dalam bidang perlombongan batu dolomit di Langkawi. Bagaimanapun, projek berkenaan tidak dapat diteruskan kerana KCB gagal mendapatkan *mining lease* bagi pihak KPS.

**11.1.3.** Sehingga Disember 2011, KCB mempunyai 4 Ahli Lembaga Pengarah (ALP) iaitu 2 wakil dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah dan 2 wakil dari PMBKed iaitu Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurus KCB. Pada tahun 2011, pegawai dan kakitangan KCB telah

meletak jawatan atau dipindahkan kepada badan induk berikutan masalah pengurusan syarikat. Pengurusan syarikat kini dikendalikan oleh seorang kakitangan yang bertanggungjawab terus kepada PMBKed.

## **11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan merangkumi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Ianya dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan pengurusan syarikat KCB yang telah diaudit bagi tahun 2008 hingga 2011. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu daripada tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan serta lawatan Audit ke kawasan projek 99 East dibuat bagi meninjau pelaksanaan aktivitinya.

## **11.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati kedudukan kewangan KCB adalah lemah kerana mencatatkan kerugian pada tahun 2008 hingga 2010. Pengurusan aktiviti bagi projek pembalakan dan perladangan di Papua New Guinea menunjukkan beberapa kelemahan seperti pelaburan yang dibuat tanpa kajian menyeluruh menyebabkan kerugian kepada syarikat, pinjaman dilakukan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan bayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Manakala bagi projek 99 East di Langkawi didapati terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan perancangan dan penguatkuasaan perjanjian. Selain itu, KCB juga didapati tidak mengamalkan tadbir urus korporat yang baik di mana terdapat ketidakpatuhan terhadap Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan serta pengurusan pelaburan yang lemah. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti KCB serta ulasan daripada KCB, PMBKed dan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

### **11.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **11.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Prestasi kewangan KCB bagi tahun 2008 hingga tahun 2010 secara keseluruhannya adalah lemah kerana mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. KCB mengalami kerugian berjumlah RM1.51 juta pada tahun 2008 dan kemudiannya terus mencatatkan penyusutan kerugian pada tahun 2009 dan 2010

masing-masing berjumlah RM0.97 juta dan RM0.31 juta dan seterusnya menyebabkan kerugian terkumpul KCB meningkat kepada RM2.85 juta pada tahun 2010. Kerugian yang dialami adalah disebabkan ketidakmampuan menjana sebarang pendapatan daripada projek yang dirancang terutamanya projek pembalakan dan perladangan di Papua New Guinea.


- b. KCB tidak memperolehi pendapatan operasi sepanjang tahun 2008 hingga 2010 sebaliknya hanya memperolehi pendapatan sewa dan penjualan aset yang masing-masing berjumlah RM3,600 dan RM62,541. Keadaan ini disebabkan projek pembalakan dan perladangan di Papua New Guinea serta projek 99 East adalah projek jangka panjang dan sukar bagi KCB untuk menjana pendapatan dalam tempoh tersebut.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan KCB mendapati wujudnya trend penurunan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 iaitu masing-masing berjumlah RM1.52 juta, RM0.97 juta dan RM0.37 juta. Ini disebabkan pengurangan perbelanjaan penggajian, ganjaran pengarah serta kos perjalanan dan penginapan. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi KCB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.1, Carta 11.1 dan Carta 11.2**.

**Jadual 11.1  
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	-	-	-
Perbelanjaan Operasi	-	-	-
Lain-lain Pendapatan	0.004	-	0.06
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	-1.52	-0.97	-0.37
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>-1.51</b>	<b>-0.97</b>	<b>-0.31</b>
Pelarasian Cukai	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Selepas Cukai</b>	<b>-1.51</b>	<b>-0.97</b>	<b>-0.31</b>
<b>Untung/(Rugi) Terkumpul</b>	<b>-1.81</b>	<b>-2.54</b>	<b>-2.85</b>


Sumber: Penyata Kewangan KCB

**Carta 11.1**  
**Trend Kerugian Sebelum Cukai KCB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KCB

**Carta 11.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan KCB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KCB

#### 11.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KCB, beberapa analisis nisbah kewangan dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan KCB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 11.2**.

**Jadual 11.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.57 : 1	0.06 : 1	0.05 : 1
Margin Untung Bersih	-37,750%	-	-516.7%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-37.5%	-16.4%	-3.8%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-83.4%	-38.2%	-10.9%

Sumber: Penyata Kewangan KCB

- Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan jadual di atas, Nisbah Semasa menunjukkan syarikat tidak berupaya membayar balik nilai liabiliti semasanya kerana liabiliti semasa melebihi aset semasanya. Keadaan ini menunjukkan KCB mengalami masalah kewangan dan perlu bergantung kepada PMBKed untuk meneruskan operasi.
- Margin Untung Bersih** ini merupakan pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperolehi daripada setiap ringgit pendapatan yang dipungut. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai

tambah (*value-added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Semakan Audit mendapati Margin Untung Bersih KCB adalah lemah kerana mengalami kerugian yang besar dari tahun 2008 hingga 2010. KCB juga tidak dapat menjana sebarang pendapatan operasi sepanjang tahun tersebut dan hanya memperolehi pendapatan daripada sewaan dan penjualan aset. Margin Untung Bersih pada tahun 2009 pula tidak dapat dikira kerana KCB tidak memperolehi apa-apa pendapatan.

- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** ini mengukur pulangan pelaburan aset iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan pengiraan Audit, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset KCB adalah negatif sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Keadaan ini menunjukkan pengurusan KCB tidak produktif dalam penggunaan aset untuk menjana keuntungan syarikat walaupun aset yang dimiliki keseluruhannya berjumlah RM8.10 juta pada tahun 2010.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** ini mengukur pulangan terhadap jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal dikeluarkan. Semakin tinggi pulangan yang diperolehi daripada setiap ringgit modal, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan pengiraan Audit, Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti KCB adalah negatif sepanjang tahun 2008 hingga 2010 kerana kerugian yang dialami pada tahun tersebut. Kerugian ini menyebabkan ekuiti pemegang saham KCB telah menyusut kepada defisit RM2.85 juta pada tahun 2010 daripada RM1 juta modal yang dilaburkan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KCB adalah lemah kerana mencatatkan kerugian setiap tahun mulai 2008 hingga 2010. KCB perlu melakukan kajian yang terperinci sebelum terlibat dalam pelaburan yang berisiko tinggi dan berskala besar kerana ianya boleh menjelaskan kewangan syarikat dan PMBKed.**

#### **11.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan perjalanan syarikat adalah lancar dan seterusnya objektif penubuhan syarikat akan tercapai. Aktiviti utama KCB sepanjang tahun 2008 hingga 2010 adalah menjalankan projek pembalakan dan pertanian di Papua New Guinea dan projek pembangunan tanah bertaraf antarabangsa di Langkawi. Pengauditan yang dijalankan terhadap 2 aktiviti utama syarikat tersebut mendapati perkara berikut:

##### **11.4.2.1. Projek Pembalakan Dan Perladangan Di Papua New Guinea**

Pada 12 Oktober 2008, KCB telah menandatangani Perjanjian Penjualan Saham Dan Kerjasama Perniagaan dengan MAS Incorporated (PNG) Ltd. (MAS) bagi membeli 70% kepentingan di dalam syarikat tersebut. MAS merupakan syarikat yang didaftarkan di Papua New Guinea yang telah ditawarkan untuk membangunkan 2 kawasan seluas

114,429 hektar di Papua New Guinea. KCB melantik salah seorang bekas pemilik MAS sebagai *vendor* untuk menjalankan perniagaan di Papua New Guinea. Bagaimanapun, pada 1 Mac 2011 mesyuarat Lembaga Pengarah memutuskan untuk menghentikan perlaksanaan projek ini kerana menghadapi pelbagai masalah yang membebankan KCB. KCB mengalami kerugian dan perlu menanggung liabiliti pinjaman dan caj pinjaman yang dikenakan bagi membiayai projek tersebut. Butiran lanjut mengenai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 11.3**. Semakan Audit terhadap dokumen KCB mendapati beberapa perkara berikut:

**Jadual 11.3**  
**Projek Pembalakan dan Perladangan di Papua New Guinea**

Projek	Lokasi	Syarikat Mewakili Tuan Tanah	Tarikh MOA	Tempoh Pajakan (Tahun)	Luas Kawasan Kasar (Hektar)
Baina	Goilala District Central Province, Papua New Guinea	Baina Agro Forest Limited	5.9.2007	99	42,186
Bonua Magarida	South Eastern Portion, Papua New Guinea	Magarida Resources Development Limited	6.7.2008	99	72,243
<b>Jumlah</b>					<b>114,429</b>

Sumber: Perjanjian Penjualan Saham dan Kerjasama Perniagaan KCB dan MAS

#### a. Pelaburan Yang Berisiko Tinggi

Pelaburan yang dilakukan sepatutnya menjamin pendapatan kepada syarikat dan Kerajaan. KCB tidak mendapat sebarang hasil daripada operasi projek walaupun perbelanjaan bagi bayaran *goodwill* dan *mobilization* berjumlah RM4.21 juta telah dibayar kepada vendor. Merujuk kepada Perjanjian Penjualan Saham Dan Kerjasama Perniagaan di antara KCB dan MAS, terdapat beberapa terma perjanjian yang tidak memihak kepada KCB seperti berikut:

- i. Klausula 6.2 perjanjian menetapkan KCB perlu membayar sejumlah RM1.21 juta kepada *vendor* sebagai *goodwill payment* bagi pindah milik saham sebanyak 70% kepada KCB yang akan dipindahkan secara keseluruhannya pada 21 April 2010. Semakan Audit mendapati pembayaran *goodwill* tidak berdasarkan justifikasi yang jelas kerana tiada siasatan awal dilakukan sebelum proses pembelian dimuktamadkan. Pembayaran *goodwill* tersebut telah dijelaskan kepada *vendor* melalui 2 peringkat dalam tahun 2008.
- ii. Klausula 6.3 perjanjian menghendaki KCB membayar sejumlah RM3 juta kepada MAS sebagai *mobilization expenses* dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian. Butiran pembayaran tersebut tidak dinyatakan dengan lebih terperinci di dalam perjanjian. KCB telah membayar sejumlah RM3 juta kepada MAS sepanjang

tahun 2008 hingga 2010. Bayaran tersebut termasuk perbelanjaan bukan perniagaan seperti pinjaman kepada tuan tanah, yuran sekolah dan keraian.

- iii. Klausula 6.1 perjanjian menyatakan KCB bersetuju membeli 70% saham MAS dengan harga berjumlah RM31.21 juta. Manakala klausula 7.1 menjelaskan nilai balasan pembelian kepentingan akan dibayar secara berperingkat menurut kemajuan penghantaran kayu balak keluar dari Papua New Guinea. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM14.57 juta akan dijelaskan melalui projek Bainia manakala bakinya berjumlah RM16.64 juta dibayar melalui projek Bonua Magarida. Nilai balasan ini telah ditetapkan oleh vendor.
- iv. Pihak Audit mendapati KCB hanya menerima terma perjanjian yang dicadangkan oleh Vendor. Keadaan ini berlaku kerana ketiadaan *Due Diligence* atau Kajian *Feasibility* dilakukan sebelum pengambilan MAS. Projek tidak dapat diteruskan kerana menghadapi kesukaran seperti faktor kos yang tinggi, bentuk muka bumi, hubungan vendor dengan syarikat tuan tanah serta tanah milik suku puak. Kandungan perjanjian juga tidak dikaji dengan teliti atau dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum ianya ditandatangani. Perjanjian pengambilalihan telah ditandatangani pada 12 Oktober 2008. Manakala kertas cadangan projek hanya dibentangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 24 November 2009. Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, pembayaran *goodwill* kepada vendor adalah bayaran ke atas kerja-kerja yang dilakukan oleh vendor di Papua New Guinea seperti meneroka tanah, bayaran melobi menteri, tuan tanah dan sebagainya. Manakala *mobilization expenses* merupakan bayaran pendahuluan kepada tuan tanah dan bayaran proses iaitu bayaran sewa pejabat, gaji pekerja, kaji selidik pokok dan sebagainya. Mengikut maklum balas bertarikh 26 Julai 2012, bagi menuntut kembali segala perbelanjaan yang telah dikeluarkan berjumlah RM1.36 juta dalam projek pembalakan tersebut, KCB telah menghantar notis tuntutan kepada MAS pada 24 Ogos 2011.

#### b. Pinjaman Tanpa Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah

- i. Perenggan 4(12), Memorandum Syarikat menyatakan KCB boleh membuat atau memberi pinjaman. Perenggan 31 Artikel Syarikat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk meminjam atau memberi pinjaman bagi kepentingan syarikat. Pinjaman pesisir pantai berjumlah USD44 juta untuk membiayai projek di Papua New Guinea telah dibuat oleh Pengarah Urusan dan Pengurus Besar tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Pinjaman tersebut diperolehi melalui Capital Investment Agency (CIA) iaitu sebuah syarikat perunding kewangan yang berpejabat di London. Semakan Audit mendapati RM1.6 juta daripada RM4.67 juta telah dibayar kepada syarikat perunding pada Januari 2009 hingga Oktober 2010 secara ansuran sebagai komisen dan yuran guaman walaupun pinjaman tersebut dibatalkan pada Januari 2010. Pinjaman terbabit dibatalkan setelah

mendapati syarat pinjaman projek tidak memihak kepada syarikat dan ketidakmampuan membayar balik pinjaman. Selain itu, pinjaman berjumlah RM3.01 juta daripada 5 syarikat lain untuk menampung kos perbelanjaan di Papua New Guinea dibuat oleh Pengarah Urusan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah di mana pinjaman tersebut dilakukan tanpa perjanjian pinjaman. Kesannya, KCB terpaksa menanggung pinjaman serta kos berkaitan yang berjumlah RM7.68 juta. Pinjaman yang terbabit ialah seperti di **Jadual 11.4**.

**Jadual 11.4**  
**Pinjaman KCB Daripada Syarikat Lain Bagi Membayai Projek Di Papua New Guinea**

Bil.	Butiran	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Bayaran Balik Pinjaman (RM Juta)	Tunggakan Sehingga 2011 (RM Juta)
1.	99 East Langkawi Sdn. Bhd.	0.55	-	0.55
2.	Metro Sunview Sdn. Bhd.	1.58	0.10	1.48
3.	Prudential Deal Sdn. Bhd.	0.25	0.20	0.05
4.	JD Merawan	0.25	0.20	0.05
5.	Zhun Ling Enterprise Sdn. Bhd.	0.38	0.12	0.26
<b>Jumlah</b>		<b>3.01</b>	<b>0.62</b>	<b>2.39</b>

Sumber: Rekod Kewangan KCB

- ii. Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, KCB mengakui kedua-dua pinjaman tersebut dilakukan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Bagi menyelesaikan kos pinjaman pesisir pantai, sejumlah RM1.6 juta telah dibayar kepada CIA mulai 5 Januari 2009 hingga 29 Oktober 2010 untuk menutup kes setelah rundingan di antara KCB dan CIA mencapai persetujuan secara lisan. Bagi pinjaman daripada 5 syarikat lain pula, KCB pada ketika ini masih dalam proses perbicaraan mahkamah yang melibatkan Zhun Ling Enterprise Sdn. Bhd. Manakala mengikut maklum balas bertarikh 26 Julai 2012, KCB telah melakukan rundingan dengan syarikat Metro Sunview Sdn. Bhd., Prudential Deal Sdn. Bhd. dan JD Merawan dan berdasarkan rundingan tersebut KCB tidak perlu membayar sebarang amaun kepada syarikat berkenaan. Ini kerana wang berkenaan diserahkan kepada KCB sebagai pelaburan mereka bagi projek pembalakan dan projek lain di Papua New Guinea. Ianya tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah dan tiada perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Syarikat 99 East Langkawi Sdn. Bhd pula merupakan syarikat usaha sama bagi projek pembangunan harta tanah di Langkawi. Pinjaman tersebut merupakan pendahuluan yang akan ditolak selepas syer dan dividen dikeluarkan.

### c. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap

Seksyen 167 (1) Akta Syarikat 1965 menyatakan setiap pengarah dan pengurus perlu menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod berkaitan supaya ianya dapat diaudit. Semakan Audit mendapati syarikat telah membuat bayaran berjumlah RM579,838 tanpa dokumen sokongan yang lengkap dan jelas bagi pengurusan

projek pembalakan di Papua New Guinea untuk tujuan tuntutan perjalanan, bayaran kaji selidik tanah, pembelian kereta dan pendahuluan kepada pemilik tanah. Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, dokumen sokongan bagi perbelanjaan tersebut telah hilang dalam simpanan KCB, berkemungkinan semasa berlaku pindahan pejabat dari Wisma Bina Darulaman Berhad kepada Wisma Darulaman pada tahun 2010. Hampir keseluruhan pengurusan atasan KCB terdahulu telah meletak jawatan dan sukar bagi pengurusan sekarang mengesan dokumen tersebut. Senarai pembayaran adalah seperti di **Jadual 11.5**.

**Jadual 11.5**  
**Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap**

Bil.	Tarikh Pembayaran	Butiran	Penerima	Jumlah (RM)
1.	25.08.2008	Tuntutan Perjalanan Ke Papua New Guinea dan Australia	Pengurus Besar	39,240
2.	13.10.2008	Tuntutan Perjalanan Ke Papua New Guinea dan Australia	Pengarah Urusan	24,778
3.	22.10.2008	Tuntutan Untuk Survey Tanah Di Bain Agro Forest & Magarida	Aman Timber (PNG) Ltd.	87,900
4.	12.11.2008	Pembelian Kereta (Pendahuluan Kepada Tuan Tanah)	MAS	145,443
5.	02.12.2008	Kiriman Wang	Aman Timber (PNG) Ltd.	17,950
6.	15.12.2008	Kiriman Wang	MAS	171,930
7.	16.12.2008	Tuntutan Bayaran Ke Indonesia	Pengarah Urusan	4,000
8.	23.12.2008	Kiriman Wang	MAS	50,110
9.	22.12.2008	Tuntutan Perjalanan Daripada Vendor	Vendor	32,987
10.	19.01.2010	Tuntutan Pembayaran	Pengurus Besar	2,000
11.	10.02.2010	Tuntutan Pembayaran	Pengarah Urusan dan Pengurus Besar	3,500
<b>Jumlah</b>				<b>579,838</b>

Sumber: Rekod Kewangan KCB

Pada pendapat Audit, projek usaha sama pembalakan dan perladangan tidak memberi pulangan kepada KCB sebaliknya KCB menanggung perbelanjaan berjumlah RM4.21 juta bagi pembayaran *goodwill* dan *mobilization*, RM1.6 juta bagi pembayaran kos pengurusan pinjaman pesisir pantai dan RM0.62 juta pinjaman daripada syarikat lain.

#### **11.4.2.2. Projek Pembangunan 99 East di Langkawi**

Projek pembangunan 99 East adalah projek kerjasama antara KCB dan Terra Monda Development Pte. Ltd., Singapura (TMD). Melalui usaha sama ini, KCB dan TMD telah menubuhkan syarikat usaha sama iaitu 99 East Langkawi Sdn. Bhd. (99ELSB) untuk

menjalankan projek pembangunan padang golf bertaraf dunia dan kawasan perumahan elit di Bukit Malut, Langkawi. Perjanjian Usaha sama dan Perjanjian Pegangan Saham telah ditandatangani pada 7 Februari 2007. Mengikut perjanjian tersebut KCB perlu menyerahkan tanah seluas 782.39 hektar kepada syarikat usaha sama untuk dibangunkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**a. Prestasi Projek Tidak Mengikut Perancangan**

Projek pembangunan Fasa 1 bagi pembinaan Istana DiRaja dan pembangunan padang golf (termasuk *club house* dan infrastrukturnya) hendaklah disiapkan dalam tempoh 4 tahun selepas syarat di bawah klausa 3(a) perjanjian usaha sama dipatuhi antaranya ialah TMD perlu menyediakan dana kewangan kepada KCB dan mendapat kelulusan *Foreign Investment Committee* bagi syarikat usaha sama. Selain itu kedua-dua pihak perlu mematuhi terma dan syarat-syarat lain yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut. Lawatan Audit pada 11 Januari 2012 mendapati projek tersebut masih dalam peringkat pembinaan. Keadaan ini disebabkan KCB gagal menyediakan tanah untuk pembangunan projek tersebut kerana tanah yang dijanjikan bukan hak milik KCB tetapi sebaliknya milik Kerajaan Negeri, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Permodalan Kedah Berhad. Bagaimanapun pada tahun 2010 KCB telah diluluskan pemilikan tanah Kerajaan Negeri dengan dikenakan bayaran premium berjumlah RM36.20 juta. Berdasarkan kepada prestasi kewangan tahun 2010, KCB didapati tidak mampu melunaskan bayaran premium tanah berkenaan kerana tidak mempunyai dana yang mencukupi. Kesannya, projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dan berhadapan dengan risiko tindakan undang-undang. **Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, KCB menyedari tanah-tanah yang dijanjikan kepada TMD seperti dalam perjanjian adalah tidak munasabah kerana tanah-tanah tersebut bukan miliknya tetapi milik Kerajaan Negeri, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Permodalan Kedah Berhad.**

**b. Pelanggaran Syarat Perjanjian**

Menurut klausa 13.1(b) perjanjian, KCB dikehendaki menukar hak milik tanah bagi Fasa 1 hingga Fasa 4 kepada 99ELSB di mana kos perolehan tanah dan premium yang perlu dibayar adalah ditanggung oleh KCB. Manakala, klausa 11.10 perjanjian menyatakan saham TMD di dalam 99ELSB berjumlah RM60 juta akan dibayar secara tunai. Sejumlah RM2 juta akan dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perjanjian dan bakinya berjumlah RM58 juta akan dijelaskan dalam tempoh 60 hari selepas kelulusan *Foreign Investment Committee (FIC)*, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Semakan Audit mendapati kedua-dua pihak telah melanggar syarat perjanjian di mana KCB tidak dapat menukar hak milik tanah kepada syarikat usaha sama, manakala TMD pula tidak menjelaskan pembayaran saham berkenaan. Pelanggaran syarat berkenaan adalah disebabkan pihak KCB masih dalam perbincangan dengan tuan tanah bagi pengambilan tanah di samping tidak bersetuju dengan pengagihan keuntungan sebelum ini. Manakala TMD pula tidak akan

melakukan pelaburan sekiranya belum diberikan *power of attorney* bagi tanah-tanah berkenaan. Kesannya projek tersebut telah tertangguh berikutan kegagalan mendapat tanah yang dijanjikan dan ketiadaan dana yang mencukupi. **Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, memandangkan kedua-dua pihak telah melanggar syarat perjanjian, KCB telah menawarkan kepada TMD bagi menyelesaikan masalah secara baik bagi kedua-dua pihak.**

**Pada pendapat Audit, projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan kerana urusan berkaitan tanah tidak dapat diselesaikan disebabkan KCB tidak mempunyai dana mencukupi.**

#### **11.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat bagi memastikan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang baik. Kod tadbir urus korporat yang telah disemak semula pada tahun 2007 menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa tertentu dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KCB adalah seperti berikut:

##### **11.4.3.1. Jawatankuasa Audit**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan; mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan serta etika perniagaan syarikat; dan menentukan sumber Kerajaan diurus seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Semakan Audit mendapati KCB tidak mempunyai Jawatankuasa Audit. Audit dalaman syarikat dijalankan oleh kakitangan audit dalam PMBKed. Bagaimanapun, pengauditan dalaman tidak dilakukan sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Mulai tahun 2011, operasi KCB telah dihentikan sementara dan diletakkan terus di bawah pengawasan Ketua Pegawai Eksekutif PMBKed.

##### **11.4.3.2. Pendahuluan Daripada PMBKed Belum Dijelaskan**

KCB perlu berusaha untuk berdiri sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan untuk beroperasi. Semakan Audit mendapati jumlah hutang KCB kepada PMBKed sehingga akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM10.33 juta. PMBKed menetapkan KCB perlu menjelaskan pendahuluan berjumlah RM5.50 juta secara ansuran iaitu RM1.38 juta bermula September 2011 hingga Disember 2011. Selain itu, KCB juga dikenakan tambahan bayaran dividen keuntungan ke atas jumlah pinjaman sebanyak 5% yang

berjumlah RM1.15 juta. Manakala baki berjumlah RM4.83 juta hendaklah dibayar secara ansuran sebanyak RM0.27 juta bermula Januari 2012 hingga Jun 2013. Sehingga akhir tahun 2011, KCB belum membayar hutang berkenaan mengikut jadual yang ditetapkan oleh PMBKed. Keadaan ini disebabkan KCB tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan syarikat juga terikat dengan komitmen perjanjian serta menanggung liabiliti yang tinggi.

#### **11.4.3.3. Kelemahan Dalam Pengurusan Pelaburan**

- a. Pengurusan pelaburan yang berkesan adalah penting supaya kepentingan pelabur sentiasa terpelihara. Semakan Audit mendapati selain pelaburan di Papua New Guinea, KCB juga terlibat dalam pelaburan projek penternakan lembu di Australia. Pelaburan ini telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KCB. Bagi tujuan tersebut, KCB telah menandatangani Perjanjian Usaha Sama Dan Kerjasama Perniagaan dengan sebuah syarikat yang berpangkalan di Australia pada 20 Oktober 2008. Melalui kerjasama perniagaan ini, KCB dan rakan perniagaan akan terlibat dalam penternakan dan pengimportan lembu berskala besar. Berdasarkan perjanjian tersebut KCB dikehendaki:
  - i. Membayar kepada rakan perniagaan berjumlah RM1 juta sebagai bayaran *goodwill* selepas perjanjian ditandatangani.
  - ii. Membayar sejumlah USD5 juta kepada rakan perniagaan bagi tujuan mengkaji peluang pelaburan perniagaan untuk KCB di Australia.
  - iii. Menyediakan dana berjumlah USD20 juta kepada rakan perniagaan bagi tujuan pembelian aset.
- b. Semakan Audit mendapati KCB telah pun menjelaskan bayaran *goodwill* berjumlah RM1 juta kepada rakan perniagaan. Bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan kerana KCB gagal menyediakan dana yang mencukupi. **Mengikut maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, pelaburan tersebut ditamatkan lebih awal setelah KCB mendapati ianya adalah di luar kemampuan kewangan KCB dan bagi mengelak KCB menanggung liabiliti yang lebih besar. Mengikut maklum balas bertarikh 26 Julai 2012, KCB memaklumkan penarikan diri daripada projek berkenaan tidak mendatangkan kesan undang-undang kepada KCB kerana perjanjian hanya menghendaki rakan kongsi mengkaji peluang perniagaan dan tiada klausa liabiliti yang harus ditanggung oleh KCB sekiranya perjanjian dibatalkan. Tambahan pula ianya dibatalkan lebih awal sebelum rakan kongsi menjalankan tugasnya.**

## **11.5. SYOR AUDIT**

Bagi membolehkan objektif penubuhan KCB dicapai seperti mana yang telah ditetapkan, KCB perlu menangani kelemahan yang telah dibangkitkan. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, KCB disyorkan melaksanakan perkara berikut:

**11.5.1.** Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

**11.5.2.** Melakukan *due diligence* dan kajian *feasibility* sebelum melakukan pelaburan yang bernilai tinggi.

**11.5.3.** Mengambil langkah-langkah pencegahan dan membuat tindakan pembetulan berdasarkan kaedah dan tatacara kerajaan dan undang-undang sedia ada ke atas perkara-perkara yang dibuat teguran.

## PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

### **12. KEDAH AGRO INDUSTRIES & MARKETING BERHAD**

#### **12.1. LATAR BELAKANG**

**12.1.1.** Kedah Agro Industries & Marketing Berhad (KAIMB) telah ditubuhkan pada 8 Ogos 2006 dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar RM0.5 juta. KAIMB merupakan syarikat milik penuh Kedah Agro Holding Berhad (KAHB) iaitu sebuah syarikat di bawah Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed).

**12.1.2.** KAIMB menfokuskan aktiviti perniagaannya kepada bidang pertanian. Aktiviti ini merupakan pelengkap kepada aktiviti pertanian yang diusahakan oleh syarikat lain dalam kumpulan KAHB. Antara perniagaan yang dijalankan sepanjang tahun 2008 hingga 2010 ialah ternakan lembu, ikan dalam sangkar, ternakan udang dan sebagai agen PMBKed bagi projek tanaman getah dan kelapa sawit bersama FELCRA Berhad (FELCRA). Bagaimanapun operasi utama seperti ternakan lembu, ikan dalam sangkar dan ternakan udang terpaksa dihentikan pada tahun 2008 kerana terdapat beberapa masalah dengan syarikat usahasama. Manakala, perniagaan lain masih di peringkat perancangan dan belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Mulai tahun 2009, penyusunan semula kumpulan syarikat telah dilakukan di mana sebahagian projek KAIMB akan dikendalikan oleh KAHB atau anak syarikat yang lain di bawah KAHB.

**12.1.3.** KAIMB mempunyai 5 Ahli Lembaga Pengarah dan diselia oleh seorang pengurus daripada syarikat induk. Hampir keseluruhan kakitangan KAIMB telah dipindahkan kepada KAHB dan anak syarikat yang lain berikutkan operasi utama ditamatkan pada pertengahan tahun 2008. Pada Julai 2011, KAIMB telah memulakan projek baru iaitu kilang memproses rambutan di Sungai Petani, KAIMB telah melantik 39 kakitangan yang terdiri daripada 10 kakitangan pengurusan dan 29 kakitangan operasi untuk menguruskan kilang tersebut.

#### **12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan merangkumi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan

rekod berkaitan dengan pengurusan syarikat KAIMB bagi tahun 2008 hingga 2011. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan KAIMB bagi tempoh 3 tahun iaitu daripada tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset juga dijalankan.

## **12.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Oktober 2011 mendapati pada umumnya, prestasi KAIMB adalah tidak memuaskan. KAIMB hanya memperolehi keuntungan pada tahun 2008 dan kemudiannya mengalami kerugian pada 2 tahun berikutnya. Keuntungan terkumpul KAIMB juga telah menyusut daripada RM2 juta pada tahun 2008 kepada RM1.67 juta pada tahun 2010. Pengurusan aktiviti KAIMB seperti projek ternakan udang di Kerpan dan projek tanaman getah dan kelapa sawit juga terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan perjanjian dan pemantauan. Manakala dalam aspek tadbir urus korporat KAIMB didapati tidak membuat pembayaran dividen kepada syarikat induk dan tidak mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti KAIMB serta ulasan daripada KAIMB, PMBKed dan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

### **12.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **12.4.1.1. Analisis Trend**

- a.** Prestasi kewangan KAIMB bagi tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan trend yang tidak konsisten di mana ianya mencatatkan keuntungan berjumlah RM1.55 juta pada tahun 2008 dan kemudian mencatatkan kerugian pada 2 tahun berikutnya iaitu masing-masing berjumlah RM0.06 juta dan RM0.27 juta. Keuntungan pada tahun 2008 adalah disebabkan KAIMB telah memperoleh pendapatan yang keseluruhannya berjumlah RM4.88 juta yang kebanyakannya diperoleh daripada geran Kerajaan Negeri, keuntungan projek tanaman getah dan kelapa sawit PMBKed bersama FELCRA serta penjualan ikan dalam sangkar. Bagaimanapun, pada tahun 2009 KAIMB tidak memperolehi sebarang pendapatan daripada operasi utama apabila projek ternakan ikan dihentikan. Selain itu, mulai tahun 2009 KAIMB juga tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan Negeri dan tidak mendapat imbuhan keuntungan daripada FELCRA. Keadaan ini menyebabkan KAIMB mengalami kerugian pada tahun 2009 dan 2010 kerana hasilnya tidak mampu untuk membayar perbelanjaan yang masing-masing berjumlah RM0.78 juta dan RM0.60 juta. Kerugian pada tahun 2009 dan 2010 menyebabkan keuntungan terkumpul KAIMB menyusut daripada RM2 juta pada tahun 2008 kepada RM1.67 pada tahun 2010.
- b.** Pendapatan utama KAIMB sepanjang tahun 2008 hingga 2010 adalah terdiri daripada penjualan ikan daripada projek ternakan ikan dalam sangkar di Pulau Langkawi dan penyewaan infrastruktur fidlot lembu di Pendang. Bagaimanapun,

kedua-dua projek tersebut terpaksa dihentikan pertengahan tahun 2008 kerana terdapat beberapa masalah dengan syarikat usahasama. Lain-lain pendapatan diperolehi daripada pemberian geran oleh Kerajaan Negeri, keuntungan daripada usahasama tanaman getah dan kelapa sawit serta faedah simpanan tetap dan pendapatan bukan kewangan iaitu pelarasan pelunasan pendapatan tertunda daripada geran pembangunan Kerajaan Negeri yang diterima bagi projek ternakan lembu dan ternakan ikan dalam sangkar yang keseluruhannya berjumlah RM7 juta. Pada tahun 2008, KAIMB telah memperolehi pendapatan berjumlah RM4.88 juta. Bagaimanapun, ianya merosot kepada RM0.72 juta dan RM0.33 juta pada tahun 2009 dan 2010. Analisis Audit mendapati pendapatan berkurangan adalah disebabkan KAIMB telah menamatkan operasi projek ternakan ikan, ketiadaan penerimaan geran Kerajaan serta tidak mendapat imbuhan daripada usahasama tanaman getah dan kelapa sawit bersama FELCRA di mana sebelum ini ketiga-tiga pendapatan tersebut telah menyumbang sejumlah RM4.55 juta atau 93.2% daripada keseluruhan pendapatan tahun 2008. Perbelanjaan KAIMB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah di antara RM0.60 juta hingga RM3.33 juta. Perbelanjaan utama perbelanjaan terdiri daripada kos langsung projek ikan dalam sangkar, susutnilai dan hapuskira aset. Bagaimanapun projek ternakan ikan dalam sangkar telah dihentikan pada tahun 2008 menyebabkan penyusutan dalam perbelanjaan pada tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM0.78 juta dan RM0.60 juta iaitu berkurang sebanyak 81.6% berbanding tahun 2008. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi projek ternakan ikan dalam sangkar berjumlah RM3.50 juta, manakala bagi projek ternakan lembu fidlot berjumlah RM3.48 juta. Jumlah ini termasuk perbelanjaan operasi dan pembinaan infrastruktur.


- c. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi KAIMB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1, Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

**Jadual 12.1**  
**Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	1.20	-	-
Perbelanjaan Operasi	-2.10	-	-
<b>Untung/Rugi Kasar</b>	<b>-0.90</b>	-	-
Lain-lain Pendapatan	3.68	0.72	0.33
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	-0.88	-0.75	-0.60
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>1.90</b>	<b>-0.03</b>	<b>-0.27</b>
Pelarasan Cukai	-0.35	-0.03	-0.003
<b>Untung/(Rugi) Selepas Cukai</b>	<b>1.55</b>	<b>-0.06</b>	<b>-0.27</b>
<b>Untung/(Rugi) Terkumpul</b>	<b>2.00</b>	<b>1.94</b>	<b>1.67</b>


Sumber: Penyata Kewangan KAIMB

**Carta 12.1**  
**Trend Keuntungan Selepas Cukai KAIMB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KAIMB

**Carta 12.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan KAIMB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KAIMB

#### 12.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KAIMB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan KAIMB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

**Jadual 12.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	3.63:1	41.3:1	34.8:1
Margin Untung Bersih	129.2%	-8.3%	-81.8%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	20.2%	-0.9%	-4.7%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	62.0%	-2.5%	-12.4%

Sumber: Penyata Kewangan KAIMB

- Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan pengiraan Audit, Nisbah Semasa KAIMB menunjukkan syarikat berupaya membayar balik nilai liabiliti semasa kerana nilai aset semasa adalah jauh melebihi nilai liabiliti semasa. Pada tahun 2010, aset semasa KAIMB berjumlah RM1.39 juta yang majoritinya terdiri daripada simpanan tetap, tunai dan hutang daripada syarikat induk. Manakala, liabiliti semasa hanyalah berjumlah RM0.04 juta.
- Margin Untung Bersih** merupakan pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperolehi daripada setiap ringgit pendapatan yang di hasil. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah

(value-added) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2009 dan 2010, KAIMB telah mencatatkan kerugian berjumlah 8.3% dan 81.8% masing-masing bagi setiap ringgit pendapatan yang dihasilkan. Keadaan ini adalah disebabkan syarikat telah mengalami kerugian berjumlah RM0.06 juta dan RM0.27 juta susulan daripada pemberhentian operasi utamanya pada pertengahan tahun 2008.

- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan pelaburan aset iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan pengiraan Audit, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset KAIMB adalah positif pada tahun 2008 iaitu 20.2% keuntungan daripada aset dimiliki. Bagaimanapun, KAIMB tidak dapat mengekalkan nisbah ini pada tahun 2009 dan 2010 apabila masing-masing mencatatkan kerugian berjumlah 0.9% dan 4.7% daripada aset. Keadaan ini menunjukkan pengurusan KAIMB tidak produktif dalam penggunaan aset untuk menjana keuntungan kepada syarikat walaupun aset yang dimiliki keseluruhannya berjumlah RM5.71 juta pada tahun 2010.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan terhadap jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh daripada setiap ringgit modal, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan pengiraan Audit, Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti KAIMB menunjukkan trend penurunan sepanjang tahun 2008 hingga 2010 dengan nisbah 62.0% kepada -12.4%. Kerugian ini menyebabkan ekuiti pemegang saham KAIMB telah menyusut daripada RM2.50 juta pada tahun 2008 kepada RM2.17 juta pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, KAIMB telah mengalami kerugian yang berterusan pada tahun 2009 dan 2010 disebabkan kelemahan perancangan dan pelaksanaan operasi projeknya terutamanya projek ternakan ikan dalam sangkar, udang dan lembu. KAIMB perlu menjalankan kajian terperinci sebelum memulakan projek baharu dan mengamal tadbir urus korporat terbaik bagi mengelak kerugian pada masa depan.

#### 12.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama KAIMB adalah menjalankan projek ternakan ikan dalam sangkar di Pulau Langkawi, projek ternakan lembu di Pendang, projek ternakan udang di Kerpan dan sebagai pengurus projek bagi projek usahasama tanah PMBKed bersama FELCRA. Pengauditan yang dijalankan terhadap dua aktiviti utama syarikat iaitu projek ternakan udang di Kerpan dan projek usahasama tanah bersama FELCRA mendapati perkara seperti berikut:

#### **12.4.2.1. Projek Ternakan Udang Di Kerpan**

Projek ternakan udang merupakan projek usahasama yang dijalankan oleh KAIMB dengan Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (KASB) di Kerpan, Kedah. KASB merupakan syarikat milikan Perbadanan Menteri Kewangan (PMK) dan PMBKed di mana PMK adalah pemilik majoriti saham. Sehubungan itu, satu perjanjian pengurusan telah dibuat di mana KAIMB secara kontrak telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan ternakan udang bermula 5 Ogos hingga 31 Disember 2007. Melalui usahasama ini, KASB berharap KAIMB dapat membantu mengatasi masalah dalam pengurusan ternakan udang yang dihadapi sebelum ini seperti serangan penyakit dan pemasaran udang. Bagaimanapun sepanjang tempoh pengurusan, KAIMB telah berkerjasama dengan rakan kongsi dan kemudiannya menubuhkan syarikat usahasama iaitu Agro Shrimps Sdn. Bhd. (ASSB) untuk menguruskan projek ini. Projek usahasama telah ditamatkan oleh KASB pada penghujung tahun 2007 dan pengurusan projek berkenaan diserahkan semula kepada KASB. Semakan Audit terhadap dokumen KAIMB mendapati prestasi projek tidak dapat ditentukan kerana beberapa perkara berbangkit yang masih belum diselesaikan sehingga kini seperti berikut:

##### **a. Prestasi Projek Tidak Dapat Ditentukan**

Mengikut Klausus 2.3 Perjanjian Pengurusan yang ditandatangani di antara KAIMB dan KASB menghendaki KAIMB menyediakan semua rekod yang diperlukan untuk tujuan pemeriksaan ejen Perbadanan Menteri Kewangan (PMK) pada bila-bila masa. Rekod yang dikehendaki ini termasuklah kuantiti udang yang telah dituai, harga dan kuantiti udang dijual, identiti pembeli dan jumlah jualan serta kos yang terlibat. Manakala mengikut Klausus 8.1 Perjanjian Pengurusan KAIMB hendaklah memastikan jualan yang diterima dikreditkan dalam akaun khas dan pada masa yang sama menyediakan salinan slip bank sebagai bukti transaksi kepada KASB. Semakan Audit mendapati KAIMB tidak menyediakan laporan berkenaan dan tidak mengkreditkan hasil jualan ke akaun khas. Kesannya prestasi projek tidak dapat ditentukan sama ada memperolehi keuntungan atau kerugian bagi tempoh projek beroperasi. **Mengikut maklum balas bertarikh 17 Mei 2012, hasil jualan udang yang diperolehi berjumlah RM6.10 juta bagi jualan 47.27 metrik tan udang telah dimasukkan ke dalam akaun ASSB.**

##### **b. Bayaran Keuntungan Kepada KASB**

Mengikut Klausus 9.1 Perjanjian Pengurusan, KAIMB dan KASB bersetuju pembahagian keuntungan adalah berdasarkan keuntungan bersih setelah hasil jualan ditolak kos berdasarkan Jadual I perjanjian. Kos projek tersebut akan dibayar semula daripada hasil jualan yang dikreditkan ke akaun khas. Nisbah pembahagian untung rugi adalah 60% bagi KASB dan 40% kepada KAIMB. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pembahagian keuntungan di antara KAIMB dan KASB kerana tiada dokumen yang diserahkan untuk pengauditan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati

pihak KASB telah mengemukakan tuntutan saman berjumlah RM2.16 juta kepada KAIMB pada 14 Ogos 2009 iaitu merupakan bayaran balik wang perbelanjaan berkaitan projek berjumlah RM1.57 juta dan pengagihan keuntungan berjumlah RM0.59 juta. Mengikut maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, PMBKed selaku pemegang saham utama KAIMB telah mengadakan perbincangan pada 1 Jun 2012 dengan Perbadanan Menteri Kewangan (PMK) untuk mendapatkan potongan 50% dan ansuran terhadap tuntutan bayaran RM2.16 juta. PMK tidak dapat mempertimbangkan cadangan PMBKed dan menyerahkan kepada mahkamah untuk menentukan kedudukan kes tersebut. Keputusan mahkamah pada 5 Jun 2012 telah memihak kepada tuntutan KASB dan PMK.

#### c. Perjanjian Tidak Disediakan

Perjanjian bertulis mengikut undang-undang merupakan aspek penting dalam perniagaan bagi melindungi kepentingan entiti, mensahihkan terma persetujuan dan mengikat pihak yang terlibat di sisi undang-undang. Semakan Audit mendapati Usaha Fadilat Sdn. Bhd. telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya mengendalikan projek ternakan udang melalui penubuhan syarikat ASSB. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Akibatnya, KAIMB tidak dapat menguatkuaskan persetujuan yang telah dibuat dan tindakan undang-undang sukar diambil terhadap pelanggaran syarat yang dipersetujui. Mengikut maklum balas bertarikh 9 April 2012, KAIMB/PMBKed telah melantik peguam bagi mengkaji penyelesaian dengan rakan kongsi. Manakala mengikut maklum balas bertarikh 5 Mei 2012, rakan kongsi perniagaan memaklumkan syarikatnya tidak mempunyai projek usahasama dengan KAIMB.

**Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti ternakan udang di Kerpan tidak dapat ditentukan kerana telah diberhentikan separuh jalan dan syarat perjanjian dengan KASB tidak dipatuhi serta perjanjian dengan syarikat rakan kongsi tidak disediakan.**

#### 12.4.2.2. Projek Usahasama Tanah Bersama FELCRA Berhad

- a. Pada 9 Disember 2007, Kerajaan Negeri, PMBKed dan FELCRA telah menandatangani Perjanjian Pengurusan Tanah yang bertujuan mengagihkan 21 buah projek ladang getah dan kelapa sawit yang tidak mempunyai peserta seluas 3,838.7 hektar. Projek yang tiada peserta ini terletak di 6 daerah iaitu Daerah Padang Terap (5 kawasan), Pendang (1 kawasan), Sik (7 kawasan), Langkawi (2 kawasan), Baling (4 kawasan) dan Kulim (2 kawasan). Kerajaan Negeri bersetuju memberi hakmilik tanah dalam kawasan projek tersebut kepada PMBKed dan FELCRA mengikut pembahagian jumlah keluasan projek dalam nisbah 60% kepada PMBKed dan 40% kepada FELCRA seperti di Jadual 12.3.

**Jadual 12.3**  
**Pembahagian 21 Projek Yang Tiada Peserta**

Butiran	Keseluruhan	PMBKed (Projek MBI)	FELCRA (Projek FELCRA)
Bilangan Projek (Buah)	21	13	8
Keluasan (Hektar)	3,838.7	2,287.1	1,551.6
Nisbah (%)	100	60	40

Sumber: Dokumen Perjanjian Pemilikan Tanah Antara Kerajaan Negeri, PMBKed dan FELCRA

- b. FELCRA diberi hak untuk menguruskan projek pemilikannya iaitu 8 projek yang telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri yang kemudiannya dinamakan “Projek FELCRA”. Manakala 13 projek yang diserahkan kepada PMBKed dinamakan “Projek MBI”. Kerajaan Negeri atau PMBKed bersetuju menyerahkan hak pengurusan Projek MBI kepada anak syarikat PMBKed, iaitu KAIMB sebagai ejen pengurusan melalui Perjanjian Pengurusan yang ditandatangani di antara KAIMB dan FELCRA pada 9 Disember 2007.
- c. Semakan Audit terhadap projek usahasama mendapati perkara-perkara berikut:

i. **Laporan Kemajuan Tidak Disediakan**

Merujuk kepada Klausula 3.13 Perjanjian Pengurusan antara KAIMB dan FELCRA, laporan kemajuan Projek MBI merangkumi penyata hasil bulanan, keluasan dan akaun bulanan yang hendaklah dikemukakan kepada KAIMB setiap 3 bulan. Anggaran perbelanjaan Projek MBI yang hendaklah disediakan dan diserahkan kepada KAIMB sebelum 15 Disember setiap tahun. Manakala Klausula 8.2 dan 8.3, Perjanjian Pengurusan FELCRA dikehendaki menyediakan penyata kewangan dan menyerahkan laporan kemajuan pelaksanaan Projek MBI secara fizikal dan kewangan kepada KAIMB. Semakan Audit mendapati FELCRA tidak menyediakan laporan tersebut menyebabkan prestasi projek tidak dapat ditentukan dengan tepat. **Mengikut maklum balas bertarikh 29 Februari 2012, FELCRA bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan hanya bagi tempoh perjanjian berkuatkuasa.** Sepanjang tempoh perjanjian berkuatkuasa sehingga tahun 2010 FELCRA telah membentangkan laporan kewangan projek-projek yang diuruskan oleh FELCRA kepada Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Namun demikian sejak tahun 2011, telah berlaku pertikaian terhadap perjanjian berkenaan apabila Kerajaan Negeri tidak melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengeluarkan hak milik kepada FELCRA menyebabkan penangguhan sementara penghantaran laporan kewangan projek berkenaan. **Manakala mengikut maklum balas bertarikh 17 Mei 2012, KAIMB/PMBKed pula memaklumkan FELCRA telah melanggar syarat perjanjian dalam penyerahan laporan projek tersebut dan hanya mengemukakan ringkasan akaun pengurusan tanpa maklumat yang terperinci dan penyata beraudit.** **Bagaimanapun, menurut maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, setelah mendapat pandangan Penasihat Undang-Undang pada 13 Jun 2012, perjanjian tersebut adalah sah dan Kerajaan Negeri atau PMBKed terikat**

untuk melaksanakan tanggungjawab penyerahan hak milik tanah kepada FELCRA. Sehubungan itu, PMBked akan mengadakan perundingan dengan FELCRA bagi penyelesaian secara baik dan menguntungkan kedua-dua pihak.

**Pada pendapat Audit, perjanjian pengurusan bagi aktiviti usahasama tanah bersama FELCRA tidak diberi perhatian menyebabkan beberapa terma dalam perjanjian tidak dipatuhi dan prestasi projek tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana laporan kemajuan tidak dikemukakan oleh FELCRA.**

#### **12.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Akta Syarikat 1965, Pekeliling Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi bagi memastikan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang terbaik. Kod tadbir urus korporat pada tahun 2007 (semakan semula) menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa tertentu dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program serta kebijakan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KAIMB adalah seperti berikut:

##### **12.4.3.1. Bayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Badan Induk dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Semakan Audit mendapati KAIMB tidak membayar dividen berjumlah RM50,000 kepada KAHB walaupun mendapat keuntungan pada tahun 2008. Mengikut maklum balas yang diterima, KAIMB akan membuat pelarasian pembayaran dividen berjumlah RM50,000 kepada KAHB sekiranya diperlukan.

##### **12.4.3.2. Ketiadaan Jawatankuasa Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan; mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan serta etika perniagaan syarikat; dan menentukan sumber kerajaan diurus seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Semakan Audit mendapati KAIMB tidak mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam. Manakala audit dalam syarikat dijalankan oleh kakitangan Unit Audit Dalam PMBKed. Pengauditan audit

dalam yang terkini dijalankan terhadap kumpulan syarikat KAHB adalah pada bulan November 2010. Mengikut maklum balas yang diterima, KAIMB akan bergantung sepenuhnya kepada Badan Induk iaitu PMBKed dalam pelaksanaan audit dalam syarikat.

## **12.5. SYOR AUDIT**

Bagi membolehkan objektif penubuhan KAIMB tercapai, pengurusan syarikat perlu menangani kelemahan yang telah dibangkitkan dalam laporan ini. KAIMB disyorkan melaksanakan perkara berikut:

- 12.5.1.** Perjanjian yang ditandatangani hendaklah menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan sebolehnya dirujuk kepada Penasihat Undang - Undang Negeri terlebih dahulu sebelum ianya dimeterai.
- 12.5.2.** Berunding dengan KASB untuk penyelesaian tunggakan hutang projek ternakan udang.
- 12.5.3.** Perundingan dengan FELCRA hendaklah dijalankan dengan segera untuk menyemak kandungan perjanjian supaya ianya lebih adil untuk kedua-dua pihak.
- 12.5.4.** Melaksanakan pemantauan lebih berkesan terhadap projek kendalian KAIMB.
- 12.5.5.** Mematuhi Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling berkaitan Syarikat Kerajaan.

## PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

### 13. PERMODALAN KEDAH BERHAD

#### 13.1. LATAR BELAKANG

**13.1.1.** Permodalan Kedah Berhad (PKB) telah diperbadankan pada 20 Januari 1994 dan merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed). PKB ditubuhkan dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.50 juta. Falsafah korporat PKB adalah untuk menjana pembangunan negeri Kedah Darul Aman. Misi korporat PKB pula adalah untuk melaksanakan pengurusan secara profesional dan beretika ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan korporat. Aktiviti perniagaan utama PKB adalah di dalam bidang pelaburan, pembangunan harta tanah dan perlombongan. Aktiviti awal PKB bermula dengan pelancaran tabung Amanah Saham Kedah pada tahun 1995 yang kini diuruskan oleh Amanah Saham Kedah Berhad. PKB juga mempunyai lesen Kontraktor Kelas 'A' melalui anak syarikatnya iaitu Pembinaan Sintok Sdn. Bhd.. Dalam usaha memastikan operasi syarikat berjalan lancar, PKB telah menubuhkan 5 buah syarikat subsidiari yang mana masing-masing mempunyai fungsi yang khusus. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 13.1**.

**Jadual 13.1**  
**Senarai Syarikat Subsidiari PKB**

Bil.	Syarikat Subsidiari	Modal Berbayar (RM Juta)	Aktiviti Utama
1.	Amanah Saham Kedah Berhad	10.00	Pengurus Skim Amanah Saham Kedah
2.	PKB Development Sdn. Bhd.	0.50	Perlombongan
3.	PKB-Capital Sdn. Bhd.	0.50	Pembangunan Hartanah
4.	Pembinaan Sintok Sdn. Bhd.	1.50	Pembinaan
5.	PKB Dana Sdn. Bhd.	0.10	Pelaburan

Sumber: PKB

**13.1.2.** Struktur organisasi PKB diketuai oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 9 orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Operasi harian pentadbiran PKB dikawal selia oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh 22 anggota pekerja yang terdiri daripada 14 eksekutif serta 8 bukan eksekutif. Bagaimanapun, sebanyak 4 jawatan eksekutif dan seorang bukan eksekutif belum diisi.

#### 13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan merangkumi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Kaedah pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat ALP dan rekod berkaitan dengan pengurusan syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang terlibat. Di samping itu, lawatan Audit ke tapak perlombongan tanah liat di Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi, projek *Kuala Kedah Business Centre*, rumah kedai Jalan Putra dan rumah kedai Taman Wira Mergong dijalankan bagi meninjau pelaksanaannya.

### **13.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati pengurusan aktiviti PKB adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Prestasi kewangan PKB secara keseluruhannya adalah memuaskan. PKB mengalami kerugian pada tahun 2008 sejumlah RM0.55 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2009 dan 2010 PKB mendapat keuntungan masing-masing berjumlah RM0.71 juta dan RM0.70 juta. Pengurusan aktiviti secara keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan. Di antara penemuan Audit adalah tunggakan sewa yang tinggi dan hak milik rumah kedai yang dibeli masih belum dipindah milik kepada PKB. Bagi aktiviti perlombongan tanah liat, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti projek usahasama PKB tidak memberikan pulangan setimpal, tempoh perjanjian tidak ditentukan, dan bayaran royalti kepada Kerajaan masih belum dijelaskan. Pengurusan aktiviti pembangunan harta tanah juga mempunyai beberapa kelemahan seperti syarat perjanjian usahasama tidak dipatuhi, jaminan keuntungan yang rendah berbanding nilai semasa harta tanah dan pulangan bagi projek usahasama Kuala Kedah *Business Centre* masih belum diperolehi. Tadbir urus korporat secara keseluruhannya adalah memuaskan.

#### **13.4.1. Prestasi Kewangan PKB**

##### **13.4.1.1. Analisis Trend**

- a. PKB mengalami kerugian pada tahun 2008 sejumlah RM0.55 juta disebabkan kegagalan PKB untuk mengawal perbelanjaan operasi dan pentadbiran syarikat sehingga menyebabkan untung kasar yang diperolehi tidak mampu membiayai kos perbelanjaan pentadbiran dan operasi syarikat. Bagaimanapun, pada tahun 2009 dan 2010 PKB mendapat keuntungan masing-masing berjumlah RM0.71 juta dan RM0.70 juta. Keuntungan ini adalah disebabkan peningkatan pendapatan PKB sejumlah RM0.62 juta pada tahun 2009 dan RM0.40 juta tahun 2010 berbanding dengan pendapatan tahun 2008. Di samping itu, pengurusan PKB berjaya mengurangkan kos operasi syarikat kepada RM1.52 juta pada tahun 2009 dan RM1.57 juta pada tahun 2010 berbanding RM2.46 juta pada tahun 2008.


- b. Pendapatan utama PKB adalah terdiri daripada sewa, jualan tanah liat dan keuntungan pembangunan harta tanah. Pendapatan PKB menunjukkan trend yang baik di mana ia hanya telah meningkat pada tahun 2009 berbanding 2008. Pendapatan PKB pada tahun 2008 adalah berjumlah RM2.02 juta meningkat kepada RM2.64 juta pada tahun 2009. Namun pada tahun 2010 trend pendapatan menunjukkan penurunan iaitu RM0.22 juta atau 8.3% menjadi RM2.42 juta.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan operasi dan pentadbiran PKB pada tahun 2009 mendapati trend perbelanjaan mencatatkan penurunan berbanding tahun 2008. Pada tahun 2008, perbelanjaan operasi dan pentadbiran adalah berjumlah RM2.57 juta dan menurun kepada RM1.93 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, perbelanjaan operasi dan pentadbiran PKB menyusut kepada RM1.72 juta. Pihak Audit mendapati penurunan kos perbelanjaan operasi dan pentadbiran pada tahun 2009 adalah disebabkan PKB telah mengurangkan kos sumbangan kerja amal, pengiklanan, gaji dan perjalanan ALP.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PKB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 13.2**, **Carta 13.1** dan **Carta 13.2**.

**Jadual 13.2**  
**Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi PKB**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	1.45	1.88	1.53
Perbelanjaan Operasi	-0.11	-0.41	-0.15
<b>Untung Kasar</b>	<b>1.34</b>	<b>1.47</b>	<b>1.38</b>
Lain-lain Pendapatan	0.57	0.76	0.89
Perbelanjaan Pentadbiran	-2.46	-1.52	-1.57
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>-0.55</b>	<b>0.71</b>	<b>0.70</b>
Pelarasian Cukai	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Bersih Semasa</b>	<b>-0.55</b>	<b>0.71</b>	<b>0.70</b>
<b>Untung/(Rugi) Terkumpul</b>	<b>5.67</b>	<b>6.35</b>	<b>7.02</b>


Sumber: Penyata Kewangan PKB

**Carta 13.1**  
**Trend Keuntungan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan PKB

**Carta 13.2**  
**Trend Pendapatan dan Perbelanjaan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan PKB

#### 13.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap lembaran imbangan dan penyata pendapatan bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.3**.

**Jadual 13.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.13 :1	0.83 :1	0.85 :1
Margin Untung Bersih	-37.9 %	37.8 %	45.8 %
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.9%	1.2%	1.2%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-6.7%	8%	7.4%

Sumber: Penyata Kewangan PKB

- Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan pengiraan Audit, PKB tidak mempunyai keupayaan untuk membayar balik liabiliti semasanya pada tahun 2008 sehingga 2010. Bagaimanapun, Nisbah Semasa PKB telah menunjukkan trend peningkatan setiap tahun.
- Margin Untung Bersih** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Margin Untung Bersih PKB adalah negatif pada tahun 2008 di mana PKB mengalami kerugian pada tahun

tersebut. Ini adalah kerana pendapatan yang diterima tidak mampu untuk menanggung kos operasi yang tinggi. Bagaimanapun, keadaan mulai berubah pada tahun 2009 apabila PKB mencatatkan Margin Untung Bersih pada kadar 37.9% dan tahun 2010 pada kadar 45.8%.

- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi. Pada umumnya, semakin tinggi nisbahnya menunjukkan semakin cekap dan produktif sesebuah syarikat. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset PKB adalah negatif pada tahun 2008. PKB mencatatkan pulangan yang sangat kecil pada tahun 2009 dan 2010 berbanding dengan setiap ringgit yang dibelanjakan. Keadaan ini menunjukkan PKB tidak menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** menilai peratusan pulangan ke atas setiap ringgit nilai ekuiti pemegang saham. Pada umumnya semakin tinggi nisbah menunjukkan pulangan ekuiti kepada pemegang saham semakin baik. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti PKB adalah negatif pada tahun 2008. Ini bermakna PKB tidak dapat memberikan pulangan kepada pemilik syarikat iaitu PMBKed. Bagaimanapun, trend mulai berubah pada tahun 2009 dan 2010 yang menunjukkan syarikat berjaya memberikan pulangan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PKB adalah memuaskan kerana syarikat telah berjaya mengurangkan kos pentadbiran syarikat sehingga memperoleh keuntungan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, PKB perlu meningkatkan keuntungan syarikat supaya PKB mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam mengimbangi liabiliti semasanya.**

#### **13.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti perniagaan utama PKB adalah di dalam bidang pelaburan, pembangunan harta tanah, perlombongan dan pembinaan. Di samping itu, PKB juga terlibat di dalam perniagaan yang berteraskan penyewaan premis perniagaan dan bangunan. Pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan pembangunan harta tanah dan penyewaan rumah kedai serta perlombongan tanah liat beraluminia tinggi di kawasan Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi.

##### **13.4.2.1. Pengurusan Penyewaan Premis Perniagaan Taman Wira Mergong**

PKB telah membeli 25 unit rumah kedai 2 tingkat dan 12 unit rumah kedai 3 tingkat di Taman Wira Mergong dengan harga RM2.49 juta daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSI) pada tahun 1996. Pada masa kini, 7 unit rumah kedai telah dijual manakala 18 unit rumah kedai telah disewakan dengan kadar sewaan di antara RM300 hingga RM1,000 sebulan. Penemuan Audit berkaitan pengurusan penyewaan rumah kedai adalah seperti berikut:

### a. Status Hak Milik Rumah Kedai

Mengikut keputusan MMK bertarikh 17 Mei 1995, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memindah milik rumah kedai kepada PKB selepas bayaran ansuran pertama dijelaskan. Semakan Audit mendapati 18 unit rumah kedai yang telah dibeli belum dipindah milik kepada PKB walaupun bayaran ansuran telah dijelaskan pada 6 Februari 2008. Pertukaran hak milik adalah penting bagi melindungi kepentingan syarikat serta memudahkan urusan pindah milik jika PKB ingin menjualnya. Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, pada peringkat awal syarikat bercadang untuk menjual kesemua unit yang dibeli dan hak milik akan dipindah terus kepada pembeli oleh SSI. Selain itu kos pindah milik yang tinggi juga merupakan faktor PKB tidak memindah milik bangunan yang dibeli. Bagaimanapun PKB akan mengambil tindakan untuk pindah milik aset tersebut.

### b. Tunggakan Sewa

Hasil yang tertunggak mestilah dipungut sama ada melalui proses pentadbiran biasa atau melalui proses perundangan. Semakan Audit mendapati 28 penyewa mempunyai tunggakan di antara RM63 hingga RM71,142. Analisis Audit mendapati PKB telah mengeluarkan notis tuntutan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap 21 penyewa manakala 7 penyewa masih belum diambil sebarang tindakan. Sebanyak 11 daripada 21 penyewa tidak dapat diambil tindakan undang-undang kerana salinan perjanjian sewa tidak dapat dikesan. Kesannya PKB tidak dapat membuat tuntutan terhadap penyewa walaupun notis tuntutan telah dikeluarkan dan tindakan secara perundangan tidak dapat diambil. Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, PKB memaklumkan tindakan hapuskira akan diambil setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Butiran terperinci berkenaan tunggakan sewa adalah seperti di **Jadual 13.4**.

**Jadual 13.4**  
**Jumlah Tunggakan Sewa**

Bil.	No. Akaun	Jumlah Tunggakan (RM)	Perjanjian Sewa (✓ / X)	Tindakan PKB
1.	5000/002	15,950	x	TM
2.	5000/004	15,135	✓	Tindakan undang-undang
3.	5000/006	9000	✓	Tindakan undang-undang
4.	5000/008	16,588	✓	Saman ditarik balik oleh PKB pada 19.2.2000
5.	5000/009	45,448	x	Notis tuntutan kedua oleh peguam
6.	5000/011	43,852	✓	Tindakan undang-undang
7.	5000/013	71,142	x	Tindakan undang-undang
8.	5000/014	15,803	x	Tindakan undang-undang
9.	5000/021	962	✓	Notis tuntutan
10.	5000/023	3,016	x	Notis tuntutan
11.	5000/028	20,350	✓	Notis tuntutan
12.	5000/029	2,401	x	Notis tuntutan
13.	5000/031	2,252	✓	Notis tuntutan
14.	5000/051	6,050	✓	Notis tuntutan
15.	5000/052	1,000	✓	Notis tuntutan

Bil.	No. Akaun	Jumlah Tunggakan (RM)	Perjanjian Sewa (✓ / X)	Tindakan PKB
16.	5000/053	12,100	✓	TM
17.	5000/054	22,043	x	Notis tuntutan
18.	5000/061	9,950	x	Notis tuntutan
19.	5000/062	45,500	✓	Saman
20.	5000/066	12,100	x	Notis tuntutan
21.	5000/067	2,750	x	TM
22.	5000/068	820	x	TM
23.	5000/072	550	✓	TM
24.	5000/076	4,675	✓	TM
25.	5000/078	23,100	✓	Notis tuntutan
26.	5000/080	27,297	✓	Notis tuntutan
27.	5000/082	16,913	✓	Tindakan undang-undang
28.	5000/083	63	✓	TM
		<b>446,810</b>		

Sumber: PKB

Nota: TM - Tiada maklumat

✓ - Ada

x - Tiada

**Pada pendapat Audit, PKB hendaklah mengambil tindakan segera memindah hak milik rumah kedai yang telah dibeli dengan kadar segera bagi melindungi kepentingan syarikat.**

#### **13.4.2.2. Perlombongan Tanah Liat Beraluminia Tinggi Di Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi**

- a. Permohonan PKB untuk mengeluarkan tanah liat beraluminia tinggi di Hutan Simpan Selat Panchor telah diluluskan oleh MMK yang mana membenarkan Pengarah Perhutanan Negeri Kedah mengeluarkan Lesen Kecil di bawah Seksyen 28 Akta Perhutanan Negara 1984 kepada PKB. Kawasan perlombongan yang terlibat adalah seluas 15 hektar. Tanah liat beraluminia tinggi ini merupakan sumber galian yang digunakan sebagai bahan campuran dalam pembuatan salah satu produk simen. Gambar kawasan lombong adalah seperti di **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**.

**Gambar 13.1**  
**Lombong Tanah Liat Milik PKB**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi  
Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 13.2**  
**Lombong Tanah Liat Milik PKB**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi  
Tarikh: 1 November 2011

- b. Penemuan Audit bagi aktiviti perlombongan tanah liat beralumia tinggi adalah seperti berikut:

i. **Perjanjian Usahasama Tidak Memberi Keuntungan Yang Maksimum**

- PKB telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Mega Mandate Sdn. Bhd. (MMSB) pada 3 April 2002 untuk menubuhkan syarikat PKB-Mega JV Sdn. Bhd. bagi menguruskan pengeluaran tanah liat beraluminia tinggi di kawasan Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi. Nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui adalah sebanyak 50:50 daripada jumlah hasil jualan. Syarikat usahasama ini telah menandatangani perjanjian jual beli dengan syarikat Malayan Cement Industries Sdn. Bhd. pada 1 Julai 2002. Berdasarkan perjanjian tersebut, proses pengeluaran tanah liat daripada tapak lombong sehingga ke kilang akan dilakukan sendiri oleh pihak Malayan Cement Industries Sdn. Bhd.. Pihak Audit mendapati MMSB tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran kerana keseluruhan operasi pengeluaran tanah liat dilakukan sendiri oleh Malayan Cement Industries Sdn. Bhd.. Setelah perjanjian jual beli di antara PKB-Mega JV Sdn. Bhd. dan Malayan Cement Industries Sdn. Bhd. tamat, pihak PKB telah menandatangani perjanjian baru dengan La Farge Cement Industries Sdn. Bhd. pada tahun 2008 bagi tempoh 5 tahun iaitu bermula tahun 2008 hingga 2013. Semakan Audit mendapati walaupun perjanjian baru ini tidak melibatkan MMSB, syarikat tersebut masih dibayar perkongsian keuntungan sebanyak 50% daripada hasil jualan. Sehingga 31 Disember 2011, PKB dan MMSB telah memperolehi pendapatan masing-masing berjumlah RM1.78 juta. Kesannya PKB terlepas peluang untuk memaksimumkan keseluruhan keuntungan daripada aktiviti tersebut. Butiran terperinci pengeluaran dan pendapatan yang diterima oleh PKB dan MMSB adalah seperti di **Jadual 13.5**.

**Jadual 13.5**  
**Pengeluaran dan Pendapatan Aktiviti Perlombongan Tanah Liat Beraluminia Tinggi Bagi Tempoh 2002 Hingga 2011**

Tahun	Pengeluaran (Tan)	Pendapatan (RM)	Pembahagian Keuntungan	
			PKB 50% (RM)	MMSB 50% (RM)
2002	50,219.18	69,366	34,683	34,683
2003	46,968.02	64,874	32,437	32,437
2004	87,765.03	121,224	60,612	60,612
2005	73,132.09	101,012	50,506	50,506
2006	84,726.67	117,028	58,514	58,514
2007	27,121.71	37,462	18,731	18,731
2008	81,474.00	760,000	380,000	380,000
2009	267,669.20	760,000	380,000	380,000
2010	88,135.53	760,000	380,000	380,000
2011	TM	760,000	380,000	380,000
<b>Jumlah</b>	<b>807,311.43</b>	<b>3,550,966</b>	<b>1,775,483</b>	<b>1,775,483</b>

Sumber: PKB

Nota: TM – Tiada Maklumat

- Analisis selanjutnya mendapati perjanjian usahasama dengan MMSB yang ditandatangani pada 3 April 2002 hanya akan tamat apabila **tanah liat luput dari kawasan Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi**. MMSB akan berterusan mendapat pembahagian keuntungan walaupun tidak terlibat secara langsung dalam operasi pengeluaran tanah liat beraluminia tinggi. Mengikut perkiraan Audit, MMSB akan memperolehi pembahagian keuntungan berjumlah RM1.52 juta bagi tempoh 2008 hingga 2011 walaupun perjanjian jual beli tidak melibatkannya. **Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012**, walaupun perjanjian usahasama akan tamat apabila tanah liat luput dari kawasan Hutan Simpan Selat Panchor, Langkawi, namun ianya masih tertakluk kepada tempoh Pajakan Melombong yang diluluskan MMK.

## ii. Royalti Pengeluaran Tanah Liat

Berdasarkan keputusan MMK pada 11 April 2007, Kerajaan Negeri telah mengenakan royalti sebanyak 5% daripada hasil pengeluaran tanah liat di Hutan Simpan Selat Panchor. Mengikut perkiraan Audit, jumlah royalti yang perlu dijelaskan kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM83,083. **Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, PKB bersedia untuk membayar royalti kepada Kerajaan Negeri**, namun PTG tidak mempunyai mekanisme untuk menerima bayaran tersebut. Butiran terperinci pengiraan royalti mengikut pengiraan Audit adalah seperti di **Jadual 13.6**.

**Jadual 13.6**  
**Pengiraan Royalti Pengeluaran Tanah Liat Oleh PKB**  
**Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010**

Tahun	Pengeluaran (Tan)	Royalti (Pengeluaran x RM3.80 x 5%) (RM)
2008	81,474	15,480
2009	267,669	50,857
2010	88,136	16,746
<b>Jumlah</b>	<b>437,279</b>	<b>83,083</b>

Sumber: PKB

### **iii. Bayaran Tambahan Pengeluaran Tidak Dijelaskan Oleh Operator**

Pada tahun 2008, PKB telah menandatangani perjanjian baru dengan La Farge Cement Industries Sdn. Bhd. bagi tempoh 2008 hingga 2013. Di dalam perjanjian tersebut, La Farge Cement Industries Sdn. Bhd. telah bersetuju bahawa bayaran minimum hasil jualan tanah liat adalah berjumlah RM0.76 juta dan had maksimum pengeluaran yang dibenarkan untuk tempoh setahun adalah 200,000 tan. Sekiranya pengeluaran dilakukan melebihi had tersebut, bayaran tambahan akan dikenakan bagi setiap tan tambahan adalah RM3.80. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009, La Farge Cement Industries Sdn. Bhd. telah mengeluarkan tanah liat melebihi had yang dibenarkan iaitu sebanyak 67,669.20 tan dan bayaran tambahan tidak dijelaskan berjumlah RM0.26 juta. **Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, PKB telah bersetuju bayaran lebihan tersebut diselaraskan untuk menampung kekurangan pengeluaran tanah liat tahun 2008.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti perlombongan tanah liat beraluminia tinggi di Hutan Simpan Selat Panchor masih boleh dipertingkatkan. Pada masa hadapan PKB hendaklah memastikan tempoh tamat perjanjian dikaji dengan sewajarnya.**

#### **13.4.2.3. Projek Rumah Kedai Jalan Putra, Alor Setar**

PKB telah mengadakan usahasama dengan Semarak Daya Sdn. Bhd. (SDSB) untuk memajukan kawasan komersial seluas 81,385.85 kaki persegi yang terdiri daripada 17 unit rumah kedai 3 tingkat dan 24 unit rumah kedai 2 tingkat di Jalan Putra, Alor Setar. Nilai jualan keseluruhan projek ini dianggarkan berjumlah RM10 juta. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2012 dan pada masa kini kemajuan projek mencapai tahap 95%. Projek tersebut adalah seperti di **Gambar 13.3** dan **Gambar 13.4**.

**Gambar 13.3**  
**Projek Rumah Kedai Jalan Putra**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Kedai Jalan Putra  
Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 13.4**  
**Projek Rumah Kedai Jalan Putra**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Kedai Jalan Putra  
Tarikh: 1 November 2011

- a. PKB telah menandatangani perjanjian usahasama dengan SDSB pada 6 Mei 2003 di mana kedua-dua pihak bersetuju menujukan syarikat usahasama yang dikenali sebagai PKB-Semarak Daya Sdn. Bhd.. Perjanjian usahasama ini adalah bertujuan membangunkan projek rumah kedai di Jalan Putra. Penemuan Audit berkaitan dengan perjanjian usahasama di antara PKB dengan SDSB adalah seperti berikut:
- i. Berdasarkan Klausus 2.3, PKB berhak untuk memperolehi sejumlah 11,000 unit saham biasa dengan setiap unit bernilai RM1.00. Ini menjadikan PKB mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 22%. Semakan Audit mendapati PKB tidak mempunyai sebarang pegangan ekuiti di dalam syarikat PKB-Semarak Daya Sdn. Bhd.. Pegangan ekuiti adalah penting bagi memastikan kepentingan syarikat dalam projek usahasama ini terjamin.
  - ii. Berdasarkan Klausus 3.2 perjanjian usahasama yang ditandatangani, PKB berhak melantik 2 orang wakil sebagai Lembaga Pengarah PKB-Semarak Daya Sdn. Bhd.. Klausus 8 turut menyatakan PKB boleh menamakan wakil untuk dilantik sebagai Pengurus Syarikat. Semakan Audit mendapati PKB langsung tidak mempunyai wakil sebagai Lembaga Pengarah PKB-Semarak Daya Sdn. Bhd..
  - iii. Berdasarkan perjanjian usahasama yang ditandatangani di antara PKB dan SDSB, PKB dikehendaki menyediakan tapak tanah bagi projek berkenaan dan sebagai pulangan PKB akan memperolehi jaminan keuntungan minimum berjumlah RM1 juta. Berdasarkan nilai tanah yang telah dibuat pada 16 Mac 2001, nilai tanah yang terlibat bagi projek ini adalah berjumlah RM2.06 juta. Pihak Audit mendapati jaminan keuntungan minimum yang diberikan kepada PKB adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan nilai tanah yang digunakan untuk projek ini. Penjualan terus tanah kepada pemaju adalah lebih menguntungkan berbanding mendapat jaminan keuntungan minimum.

- b. Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, PKB memaklumkan pihak pengurusan telah membuat keputusan untuk tidak memiliki saham dan wakil dalam keanggotaan Lembaga Pengarah PKB-Semarak Daya Sdn. Bhd. seperti yang diperuntukkan didalam perjanjian usahasama yang telah ditandatangani. Bagi memastikan kepentingan syarikat terjamin, PKB telah menetapkan sejumlah bayaran yang perlu dibayar sebelum borang pindah milik tanah ditandatangani.

Pada pendapat Audit, persetujuan PKB untuk menerima jaminan keuntungan minimum RM1 juta adalah merugikan kerana hanya mendapat 50% daripada nilai tanah yang dipindahmilik untuk projek berkenaan.

#### 13.4.2.4. Projek Kuala Kedah *Business Centre*

PKB telah mengadakan perjanjian usahasama dengan Magnitude Ridge Sdn. Bhd. pada 28 April 2002 untuk membangunkan sebidang tanah berkeluasan 1.13 ekar sebagai pusat komersial yang dikenali sebagai Kuala Kedah *Business Centre*. Sebanyak 10 unit rumah kedai yang terdiri daripada 8 unit kedai 2 tingkat dan 2 unit kedai 4 tingkat siap dibina pada tahun 2008. Sehingga 31 Januari 2012, masih terdapat 2 unit kedai 4 tingkat yang bernilai RM5 juta belum dijual. Semakan Audit mendapati PKB masih belum menerima sebarang pulangan daripada pelaburan usahasama walaupun 10 tahun telah berlalu. Keadaan ini adalah disebabkan keuntungan hanya akan dibayar setelah akaun muktamad projek disediakan. Lawatan Audit mendapati rumah kedai yang belum dijual itu dalam keadaan terbiar dan rosak. Selain itu, berlaku keretakan pada dinding bangunan, tiang dan tebing kaki lima rumah kedai berkenaan. Pintu besi kedai tersebut hilang dan rumah kedai itu dalam keadaan kotor, berbau busuk dan penuh dengan sampah sarap. Kesemua siling bertaburan di atas lantai dan tandas tersumbat. Keadaan rumah kedai yang belum dijual tetapi terbiar adalah seperti di **Gambar 13.5** hingga **Gambar 13.8**.

**Gambar 13.5**  
Unit Rumah Kedai 4 Tingkat  
Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Kedah  
Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 13.6**  
Pandangan Belakang Unit Yang  
Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Kedah  
Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 13.7**  
**Keadaan Dalam Rumah Kedai Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Kedah  
Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 13.8**  
**Keadaan Dalam Rumah Kedai Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Kedah  
Tarikh: 1 November 2011

**Pada pendapat Audit, PKB hendaklah memastikan setiap projek usahasama yang dijalankan memberikan pulangan yang setimpal kepada syarikat.**

#### **13.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Amalan tadbir urus korporat yang baik dan berterusan amat penting kerana ia membantu mengukuhkan jenama syarikat, di samping meningkatkan budaya tanggungjawab korporat yang baik. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 yang dikemas kini pada tahun 2007. Kod ini telah menetapkan beberapa prinsip dan amalan terbaik, termasuk penstrukturran, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah, komunikasi di antara syarikat dengan pemegang saham, aspek pelaporan dalaman dan luaran serta aspek akauntabiliti syarikat. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut:

##### **13.4.3.1. Pembayaran Dividen**

Kerajaan melalui pelbagai agensinya menubuhkan syarikat atau entiti perniagaan sendiri bertujuan menjana pendapatan untuk digunakan dalam melaksanakan pembangunan atau program yang dirancang. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan hendaklah memberi pulangan berbentuk dividen sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan kepada Kerajaan. Sekiranya syarikat tidak boleh membayar dividen sepertimana yang dikehendaki, permohonan pengecualian perlu diperolehi daripada Badan Induk. Semakan Audit mendapati PKB belum pernah membuat pembayaran dividen kepada Badan Induk iaitu PMBKed. Bagaimanapun pada tahun 2009 PKB telah membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM0.15 juta. PKB memaklumkan pembayaran dividen kepada Badan Induk ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan juga tertakluk kepada kedudukan kewangan PKB.

### **13.4.3.2. Pelaksanaan Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Di antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalam syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan serta mengawasi semua fungsi audit dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati PKB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit dan tidak mempunyai Unit Audit Dalam. **Berdasarkan maklum balas PKB bertarikh 11 Mac 2012, PKB memaklumkan fungsi Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam diserahkan kepada Badan Induk iaitu PMBKed.** Pengauditan dalam telah dilakukan oleh PMBKed namun pihak Audit tidak dikemukakan laporan audit dalam untuk semakan.

### **13.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan terhadap pengurusan syarikat bagi mencapai objektif utamanya. Amalan terbaik tadbir urus korporat menggalakkan supaya Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan setiap suku tahun atau bersamaan 4 kali setahun. Ini adalah untuk memastikan perkembangan terkini urusan syarikat dapat dibincangkan dengan teratur dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil tepat pada masanya. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan 3 kali pada tahun 2008, 3 kali pada tahun 2009, dan 2 kali pada tahun 2010. Mesyuarat Lembaga Pengarah PKB telah membincangkan laporan kemajuan syarikat, hal ehwal pentadbiran, prestasi kewangan, perancangan aktiviti syarikat dan kebijakan kakitangan.

**Pada pendapat Audit, tahap pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan kerana PKB telah berjaya membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri.**

## **13.5. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan adalah disyorkan PKB mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

**13.5.1.** Memastikan permohonan pindah milik rumah kedai di Taman Wira Mergong dilakukan dengan kadar segera.

**13.5.2.** Memastikan perjanjian usahasama yang ditandatangani pada masa hadapan mempunyai tarikh tamat yang spesifik dan memberikan pulangan yang maksimum.

## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

### **14. KEDAH BIORESOURCES CORPORATION SDN. BHD.**

#### **14.1. LATAR BELAKANG**

**14.1.1.** Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd. (KBioCorp) ditubuhkan pada 5 Oktober 1997 dengan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta dan modal dibenarkan RM1 juta. Dahulunya KBioCorp dikenali sebagai KTPC Environmental Services Sdn. Bhd.. KBioCorp dimiliki sepenuhnya oleh Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. (KTPC) yang merupakan subsidiari KHTP Holdings Sdn. Bhd.. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) memiliki sepenuhnya KHTP Holdings Sdn. Bhd.. Aktiviti utama KBioCorp adalah memberikan perkhidmatan ujian analitikal makmal, pemprosesan herba, pengeluaran tisu kultur dan pengendalian latihan. Ianya terletak di *Kulim Hi-Tech Park* dan mampu menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengusaha berdasarkan bioteknologi di kawasan utara.

**14.1.2.** KBioCorp memulakan operasi pada tahun 2006 dengan matlamat membangunkan bidang penyelidikan dan pembangunan berdasarkan bioteknologi. Kemudahan makmal terkini yang disediakan membolehkan pengusaha meningkatkan pengeluaran produk, kawalan kualiti serta pembangunan perniagaan mengikut garis panduan industri.

**14.1.3.** Struktur organisasi KBioCorp diketuai oleh Lembaga Pengarah terdiri daripada 4 orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang bertanggungjawab menyelia kegiatan syarikat. Operasi harian pentadbiran KBioCorp adalah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 4 orang Penolong Pengurus serta 16 anggota sokongan.

#### **14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan merangkumi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Kaedah pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat ALP dan rekod berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis kewangan juga dilakukan terhadap Penyata Kewangan bagi tahun 2008 hingga 2010. Temu bual dan perbincangan dengan

pegawai yang berkenaan juga dijalankan selain membuat lawatan bagi meninjau pelaksanaan aktiviti perniagaan.

#### **14.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Disember 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan aktiviti KBioCorp adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Prestasi kewangan KBioCorp secara keseluruhan adalah memuaskan. KBioCorp berjaya mengatasi kerugian yang dialami pada tahun 2008 dan 2009 dengan mencatatkan keuntungan pada tahun 2010 berjumlah RM0.14 juta. Kerugian pada tahun 2008 dan 2009 adalah masing-masing berjumlah RM0.19 juta dan RM0.11 juta. Pengurusan aktiviti secara keseluruhan masih boleh dipertingkatkan. Antara penemuan Audit dalam pengurusan penganjuran latihan adalah unit latihan belum ditubuhkan, perancangan latihan disediakan setelah mendapat Geran Kerajaan Persekutuan dan garis panduan pengendalian latihan belum disediakan. Bagi perkhidmatan ujian makmal dan pemprosesan herba terdapat beberapa penemuan yang perlu diberi perhatian, antaranya adalah pengiktirafan ujian makmal oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), penerimaan sampel yang masih di bawah keupayaan sebenar, sampel dianalisis melebihi masa yang ditetapkan serta peralatan makmal bernilai jutaan ringgit tidak digunakan. Penemuan Audit bagi tadbir urus korporat mendapati pembayaran dividen kepada Kerajaan masih belum dijelaskan dan penemuan Audit dalam telah diambil tindakan dengan baik.

##### **14.4.1. Prestasi Kewangan**

###### **14.4.1.1. Analisis Trend**

- a.** KBioCorp mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2009 berjumlah RM0.19 juta dan RM0.11 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2010 KBioCorp mendapat keuntungan berjumlah RM0.14 juta. Keuntungan ini adalah disebabkan peningkatan pendapatan berjumlah RM0.68 juta melalui aktiviti penganjuran latihan. Kerugian yang dicatatkan adalah disebabkan KBioCorp tidak mampu menarik lebih banyak pelanggan menggunakan perkhidmatannya yang seterusnya mengakibatkan pendapatan tidak dapat menampung perbelanjaan operasi dan pentadbiran.
- b.** Pendapatan utama KBioCorp adalah terdiri daripada perkhidmatan ujian analitikal makmal, pemprosesan herba dan penganjuran latihan. Pendapatan pada tahun 2009 menunjukkan penurunan sebanyak 18.2% menjadi RM0.08 juta berbanding pendapatan tahun 2008. Bagaimanapun, tren pendapatan KBioCorp mula menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 sebanyak 152.7% berbanding tahun 2009. Faktor utama kejayaan ini disumbangkan oleh aktiviti penganjuran latihan yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM0.68 juta.
- c.** Analisis Audit terhadap perbelanjaan operasi dan pentadbiran KBioCorp mendapati trend mulai berubah pada tahun 2009 ke arah positif apabila perbelanjaan operasi

dan pentadbiran mencatatkan penurunan berbanding tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2010 perbelanjaan operasi dan pentadbiran kembali meningkat sejumlah RM0.20 juta iaitu 51.3% kepada RM0.59 juta berbanding dengan tahun 2009. Peningkatan kos operasi dan pentadbiran adalah disebabkan pengstruktur semula pengurusan syarikat dengan menambah bilangan kakitangan dalam usaha meningkatkan pendapatan syarikat.


- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) KBioCorp bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.1**, **Carta 14.1** dan **Carta 14.2**.

**Jadual 14.1**  
**Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi KBioCorp**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	0.44	0.36	0.91
Perbelanjaan Operasi	-0.07	-0.07	-0.18
<b>Untung Kasar</b>	<b>0.37</b>	<b>0.29</b>	<b>0.73</b>
Lain-lain Pendapatan	-	-	-
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	-0.56	-0.40	-0.59
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>-0.19</b>	<b>-0.11</b>	<b>0.14</b>
Pelarasan Cukai	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Bersih Semasa</b>	<b>-0.19</b>	<b>-0.11</b>	<b>0.14</b>
<b>Untung/Rugi Terkumpul</b>	<b>-0.73</b>	<b>-0.84</b>	<b>-0.70</b>


Sumber: Penyata Kewangan KBioCorp

**Carta 14.1**  
**Trend Keuntungan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KBioCorp

**Carta 14.2**  
**Trend Pendapatan dan Perbelanjaan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan KBioCorp

#### 14.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap lembaran imbangan dan penyata pendapatan bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 14.2**.

**Jadual 14.2**

**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.39 :1	0.33 :1	0.48 :1
Margin Untung Bersih	-42.2 %	-29.7%	15.2 %
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-82.6%	-47.8%	60.9%
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-79.2%	-32.4%	66.7%

Sumber: Penyata Kewangan KBioCorp

- a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, KBioCorp tidak mempunyai keupayaan untuk membayar balik liabiliti semasanya pada tahun 2008 sehingga 2010. Bagaimanapun, Nisbah Semasa KBioCorp telah menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2010.
- b. **Margin Untung Bersih** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan ianya memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Margin Untung Bersih KBioCorp bagi tahun 2008 dan 2009 adalah negatif di mana KBioCorp mengalami kerugian pada tahun tersebut. Ini adalah kerana pendapatan yang diterima tidak mampu untuk menanggung kos operasi yang tinggi. Bagaimanapun, keadaan mulai berubah pada tahun 2010 apabila KBioCorp mencatatkan Margin Untung Bersih pada kadar 15.2%.
- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi. Pada umumnya, semakin tinggi nisbahnya menunjukkan semakin cekap dan produktif sesebuah syarikat. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset adalah negatif pada tahun 2008 dan 2009. KBioCorp mencatatkan pulangan yang sangat kecil pada tahun 2010 berbanding dengan setiap ringgit yang dibelanjakan. Keadaan ini menunjukkan KBioCorp tidak menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** menilai peratusan pulangan ke atas setiap ringgit nilai ekuiti pemegang saham. Pada umumnya semakin tinggi nisbah menunjukkan

semakin baik. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah negatif bagi tahun 2008 dan 2009. Ini bermakna KBioCorp gagal memberikan pulangan kepada pemilik syarikat iaitu KTPC. Bagaimanapun, trend mulai berubah pada tahun 2010 yang menunjukkan syarikat berjaya memberikan pulangan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KBioCorp adalah memuaskan kerana syarikat berjaya mengatasi kerugian yang dicatatkan pada tahun 2008 dan 2009 dengan merekodkan keuntungan pada tahun 2010. Bagaimanapun, KBioCorp perlu meningkatkan keuntungan syarikat supaya mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam mengimbangi liabiliti semasanya.**

#### **14.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama KBioCorp terdiri daripada perkhidmatan makmal, pemprosesan herba dan penganjuran latihan yang berteraskan bioteknologi. KBioCorp dilengkapi dengan kemudahan makmal dan *Pilot Plant* pemprosesan herba terkini benilai RM20.58 juta. Keseluruhan peralatan berkenaan merupakan aset milik KTPC yang dibeli melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan. KBioCorp menawarkan 15 jenis ujian analitikal makmal kepada pengusaha industri sebagai usaha membantu meningkatkan pengeluaran produk, kawalan kualiti serta pembangunan perniagaan. Selain itu, KBioCorp juga menawarkan kemudahan mengekstrak herba dalam bentuk ekstrak *Spray Dried*, ekstrak cecair dan minyak pati serta perkhidmatan pembungkusan mengikut piawaian industri. Dalam usaha mengoptimumkan penggunaan peralatan sedia ada, program latihan berdasarkan bioteknologi turut diadakan kepada pengusaha industri. KBioCorp melalui KTPC telah menerima Geran Kerajaan Persekutuan setiap tahun untuk menganjurkan latihan bagi membantu pengusaha meningkatkan ilmu dan pengalaman. Yuran penyertaan yang dikenakan adalah RM100 seorang bagi setiap kursus.

##### **14.4.2.1. Pendapatan Berbanding Sasaran**

Bagi tempoh 2009 hingga 2011, aktiviti penganjuran latihan merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan dengan mencatatkan RM1.04 juta diikuti oleh perkhidmatan makmal berjumlah RM0.24 juta dan seterusnya pemprosesan herba berjumlah RM0.21 juta. Secara keseluruhannya, KBioCorp telah mencatatkan peningkatan pendapatan yang drastik iaitu sebanyak 240% atau bersamaan RM0.49 juta. Ini merupakan peningkatan daripada RM0.35 juta pada tahun 2009 kepada RM0.84 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan KBioCorp berjaya meningkatkan pendapatan melalui aktiviti penganjuran latihan. Bagaimanapun, pada tahun 2011 pendapatan KBioCorp menurun sebanyak 64.3% kepada RM0.30 juta. Analisis Audit mendapati pendapatan aktiviti ujian makmal bagi tempoh 2009 hingga 2011 masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh syarikat iaitu hanya mencatatkan pencapaian di antara 17.1% hingga 30.3%. Pendapatan KBioCorp melalui aktiviti pemprosesan herba menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2010 dan konsisten pada tahun 2011. Bagaimanapun, pendapatan yang dijana melalui pemprosesan herba masih jauh daripada sasaran yang

telah ditetapkan iaitu di antara 14.3% hingga 45%. Aktiviti penganjuran latihan menunjukkan trend penurunan pendapatan yang drastik iaitu hanya mencatatkan perolehan berjumlah RM0.11 juta pada tahun 2011 iaitu jauh lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2010 iaitu RM0.68 juta. Ini disebabkan pada tahun 2011, KBioCorp tidak menerima sebarang geran Kerajaan. Butiran pencapaian aktiviti utama KBioCorp adalah seperti di **Jadual 14.3**.

**Jadual 14.3**

Pencapaian Aktiviti Utama Berbanding Sasaran Tahun 2009 Hingga 2011

Aktiviti Utama	2009			2010			2011			Jumlah (RM Juta)
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	
Perkhidmatan Makmal	0.41	0.07	17.1	0.40	0.07	17.5	0.33	0.10	30.3	0.24
Pemprosesan Herba-Pilot Plant	0.21	0.03	14.3	0.20	0.09	45	0.20	0.09	45	0.21
Latihan	0.28	0.25	89.3	0.20	0.68	340	0.24	0.11	45.8	1.04
<b>Jumlah</b>	<b>0.90</b>	<b>0.35</b>	<b>38.9</b>	<b>0.80</b>	<b>0.84</b>	<b>105</b>	<b>0.77</b>	<b>0.30*</b>	<b>39</b>	

Sumber: KBioCorp

Nota: \* Belum diaudit

#### 14.4.2.2. Penganjuran Latihan

- a. KBioCorp memainkan peranan penting dalam usaha membimbing usahawan industri sederhana dan kecil di peringkat Negeri Kedah. Latihan yang dianjurkan bertujuan memberi maklumat tepat serta pendedahan kepada usahawan tentang penggunaan bioteknologi dalam menghasilkan produk yang bermutu. Seterusnya ia juga dapat membentuk usahawan bioteknologi yang berdaya saing melalui usaha penyelidikan, pengujian dan pembangunan. Penganjuran latihan secara tidak langsung juga dapat mempromosikan perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh KBioCorp iaitu perkhidmatan ujian analitikal makmal dan pemprosesan herba. KBioCorp telah menjalankan 44 kursus yang berkaitan bidang bioteknologi bagi tempoh 2008 hingga 2010 yang melibatkan 1,441 peserta. Pada tahun 2008, hanya 2 kursus sahaja ditawarkan yang melibatkan 345 peserta. Bagaimanapun, pada tahun 2010 sebanyak 33 kursus telah dijalankan dengan kehadiran sebanyak 811 peserta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14.4**.

**Jadual 14.4**  
Penganjuran Latihan Oleh KBioCorp  
Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010

Tahun	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta
2008	2	345
2009	9	285
2010	33	811
	<b>44</b>	<b>1,441</b>

Sumber: KBioCorp

- b. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti penganjuran latihan adalah seperti berikut:

i. **Unit Pengurusan Latihan**

Unit latihan hendaklah ditubuhkan bagi memastikan penganjuran latihan secara komersil diuruskan dengan cekap dan teratur. Pihak Audit mendapati KBioCorp tidak mempunyai unit latihan atau pegawai yang khusus bagi mengendalikan urusan latihan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Latihan diwujudkan apabila geran Kerajaan berkaitan kursus diterima. Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada kakitangan dari pelbagai Unit. Ianya dikoordinasi oleh Penolong Pengurus Pemasaran dan dibantu oleh seorang sekretariat. Tiga unit diwujudkan dalam Jawatankuasa Latihan bagi memastikan semua urusan berjalan lancar. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Latihan tidak mempunyai terma dan rujukan yang boleh dijadikan panduan kepada ahli yang dilantik. Selain itu, minit mesyuarat Jawatankuasa Latihan juga tidak disediakan. Keadaan ini menyukarkan pihak pengurusan dan ahli jawatankuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya. **Berdasarkan maklum balas KBioCorp bertarikh 14 Jun 2012, pegawai pemasaran telah dilantik untuk menguruskan hal berkaitan latihan.** Selain itu, KBioCorp bersetuju mempertimbangkan cadangan Audit untuk menubuhkan Unit Latihan.

ii. **Perancangan Latihan**

Perancangan latihan yang komprehensif hendaklah disediakan pada tahun semasa bagi memastikan Bahagian Pemasaran dapat mempromosikan latihan yang akan diadakan dengan lebih awal. Semakan Audit mendapati perancangan latihan hanya disediakan apabila KTPC memaklumkan peruntukan geran Kerajaan berkaitan latihan akan diterima. Pada tahun 2010, KBioCorp telah melaksanakan 33 kursus pada bulan September 2010 hingga Disember 2010. Kesannya, latihan diadakan dalam tempoh yang terhad, aktiviti promosi tidak dapat dilaksanakan secara meluas dan urusetia latihan terpaksa meninggalkan tugas hakiki bagi memastikan latihan dapat dijalankan dengan lancar. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012, KBioCorp memaklumkan jadual latihan tahunan telah disediakan mulai tahun 2012.**

iii. **Maklum Balas Peserta Kursus**

KBioCorp telah menyediakan borang maklum balas kepada peserta kursus dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan. Borang tersebut hendaklah dianalisis dan hasilnya dibentangkan kepada pihak pengurusan sekiranya wujud ketidakpuasan hati bagi tindakan penambahbaikan. Semakan Audit mendapati peserta telah mengisi borang maklum balas tetapi pihak pengurusan KBioCorp tidak pernah membuat analisis terhadap maklum balas tersebut. Oleh itu, KBioCorp tidak dapat menilai mutu perkhidmatan yang ditawarkannya

daripada perspektif peserta kursus. Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012, KBioCorp bersetuju mempertimbangkan cadangan Audit untuk membuat analisis terhadap maklumbalas peserta kursus.

#### iv. Garis Panduan Pengendalian Latihan

Garis panduan pengendalian latihan perlu disediakan bagi memudahkan kakitangan melaksanakan tugas dengan cekap dan mematuhi semua peraturan sedia ada. Perkara berhubung penetapan kadar bayaran saguhati kepada urusetia dan penceramah hendaklah dinyatakan dengan jelas. Selain itu, garis panduan berhubung analisis maklumbalas pelanggan hendaklah disediakan bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Semakan Audit mendapati KBioCorp tidak mempunyai garis panduan yang digunakan dalam mengendalikan latihan dan semua urusan dilakukan mengikut amalan iaitu mengikut keputusan pihak pengurusan dari semasa ke semasa. Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012, KBioCorp bersetuju untuk menyediakan garis panduan pengendalian latihan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan penganjuran latihan oleh KBioCorp masih boleh dipertingkatkan. Jadual perancangan latihan perlu disediakan lebih awal supaya aktiviti promosi dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan sasaran pendapatan syarikat dapat dicapai.**

##### 14.4.2.3. Perkhidmatan Ujian Analitikal Makmal

KBioCorp juga menawarkan perkhidmatan ujian analitikal makmal kepada pengusaha industri makanan, kosmetik, *fertilizer* dan perkilangan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, KBioCorp telah menerima sebanyak 1,314 sampel bagi ujian analitikal makmal. Sampel tertinggi adalah untuk ujian *Nutrition Fact* iaitu sebanyak 525 sampel manakala sampel terendah adalah bagi ujian *Thin Layer Chromatography* sebanyak 24 sampel. Kebanyakan sampel yang diterima bagi ujian analitikal makmal adalah produk berasaskan makanan dan kosmetik. Hanya sebahagian kecil sahaja sampel yang diperolehi daripada sumber lain seperti baja dan *waste water*. Perbandingan terhadap jumlah penerimaan sampel dengan sasaran tidak dapat dilakukan kerana KBioCorp tidak menetapkan sebarang sasaran untuk dicapai. Selain itu, KBioCorp tidak pernah melakukan penilaian terhadap keupayaannya dalam menjalankan ujian makmal. Butiran terperinci penerimaan sampel adalah seperti di **Jadual 14.5**.

**Jadual 14.5**
**Bilangan Penerimaan Sampel Perkhidmatan Ujian Analitikal Makmal  
Bagi Tempoh 2008 Hingga 2011**

Jenis Ujian	Tahun				Jumlah
	2008	2009	2010	2011	
<i>Nutrition Fact (NF)</i>	40	61	209	215	525
<i>Atomic Absorption (AA)</i>	107	65	67	93	332
<i>Microbiology (MIC)</i>	68	66	48	98	280
<i>High Performance Liquid Chromatography (HPLC)</i>	26	38	22	37	123
<i>Gas Chromatography (GCTOFMS)</i>	4	14	10	2	30
<i>Thin Layer Chromatography (TLC)</i>	9	12	2	1	24
<b>Jumlah</b>	<b>254</b>	<b>256</b>	<b>358</b>	<b>446</b>	<b>1314</b>

Sumber: KBioCorp

**a. Pengiktirafan Makmal Oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia**

Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) diperkenalkan pada tahun 1990 oleh Jabatan Standard Malaysia. Pengiktirafan ini membolehkan laporan ujian dan sijil penentukan yang dikeluarkan oleh makmal dapat diterima di peringkat antarabangsa. Ianya penting dalam usaha meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap hasil ujian yang dijalankan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan syarikat. Semakan Audit mendapati daripada 15 ujian yang ditawarkan hanya ujian *Heavy Metal* telah mendapat pengiktirafan SAMM seperti di **Jadual 14.6**. Oleh itu, KBioCorp tidak dapat memberikan kepastian bahawa setiap keputusan ujian adalah tepat mengikut kaedah dan spesifikasi yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012, KBioCorp telah menyediakan perancangan untuk mendapatkan pengiktirafan SAMM bagi beberapa ujian lagi. Selain itu, KBioCorp juga turut mengambil bahagian dalam *Proficiency Testing* yang dianjurkan oleh Jabatan Kimia Malaysia.

**Jadual 14.6**
**Senarai Ujian Analitikal Makmal Yang Ditawarkan Oleh KBioCorp**

Bil.	Ujian	Tujuan	Industri
1.	<i>Food Analysis</i>	Kandungan nutrisi	Makanan
2.	<i>Mikrobial</i>	Kandungan mikro	Farmaseutikal, Herba, Makanan, Kosmetik
3.	<i>Heavy Metal</i>	Kandungan toksik	Farmaseutikal, Makanan, Kosmetik, Kejuruteraan
4.	<i>Adulterant</i>	Kandungan dadah terlarang	Herba Tradisional
5.	<i>Chemical in Cosmetics</i>	Kandungan dadah terlarang	Kosmetik, Herba Tradisional
6.	<i>Chemical Profiling</i>	Kandungan kimia aktif	Universiti, Penyelidikan
7.	<i>Active Ingredient</i>	Kandungan bahan aktif	Herba
8.	<i>Pharma</i>	Ciri ubatan	Farmaseutikal
9.	Halal	Pengesahan status halal/haram produk	Farmaseutikal, Herba, Makanan, Kosmetik
10.	<i>Hydroquinone</i>	Menguji bahan kimia terlarang	Kosmetik
11.	<i>Preservative</i>	Menguji kehadiran bahan pengawet	Makanan
12.	<i>Fertilizer (NPK)</i>	Mengkaji kandungan mineral	Pertanian
13.	<i>Waste Water</i>	Tahap pencemaran air	Perkilangan
14.	<i>Air Monitoring</i>	Menguji kehadiran bakteria dalam udara	Perkilangan
15.	<i>Surface Monitoring</i>	Menguji kehadiran bakteria	Perkilangan

Sumber: KBioCorp

## b. Prestasi Ujian Analitikal Makmal

KBioCorp telah menetapkan masa untuk menyiapkan ujian terhadap sampel yang diterima seperti di **Jadual 14.7**. Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap pematuhan kepada masa yang telah ditetapkan untuk menyiapkan ujian terhadap sampel yang diterima. Audit menetapkan had masa selama 14 hari sebagai tempoh masa maksimum untuk setiap ujian disiapkan. Hasil analisis mendapati bagi tempoh 2008 hingga 2011, terdapat sebanyak 107 sampel tidak mematuhi masa yang telah ditetapkan. Kelewatan adalah di antara 16 hingga 180 hari. Kesannya pelanggan hilang kepercayaan terhadap perkhidmatan yang diberikan syarikat. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012**, KBioCorp memaklumkan semua kelewatan telah dimaklumkan kepada pelanggan secara lisan. Sebagai langkah penambahbaikan satu borang rekod kelewatan ujian akan dilaksanakan. Kelewatan adalah disebabkan oleh kerosakan mesin, kuantiti sampel tidak mencukupi, sampel mempunyai kontaminasi, dan ahli kimia berhenti kerja. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14.8**.

**Jadual 14.7**

**Tempoh Ujian Analitikal Makmal Yang Ditawarkan KBioCorp**

Bil.	Ujian	Tujuan	Industri	Tempoh Ujian (Hari)
1.	<i>Food Analysis</i>	Kandungan nutrisi	Makanan	7-10
2.	<i>Mikrobial</i>	Kandungan mikro	Farmaseutikal, Herba, Makanan, Kosmetik	7-10
3.	<i>Heavy Metal</i>	Kandungan toksik	Farmaseutikal, Makanan, Kosmetik, Kejuruteraan	7-10
4.	<i>Adulterant</i>	Kandungan dadah terlarang	Herba Tradisional	10
5.	<i>Chemical in Cosmetics</i>	Kandungan dadah terlarang	Kosmetik, Herba Tradisional	10
6.	<i>Chemical Profiling</i>	Kandungan kimia aktif	Universiti, Penyelidikan	14-28
7.	<i>Active Ingredient</i>	Kandungan bahan aktif	Herba	10-14
8.	<i>Pharma</i>	Ciri ubatan	Farmaseutikal	5
9.	<i>Halal</i>	Pengesahan status halal/haram produk	Farmaseutikal, Herba, Makanan, Kosmetik	14
10.	<i>Hydroquinone</i>	Menguji bahan kimia terlarang	Kosmetik	5-7
11.	<i>Preservative</i>	Menguji kehadiran bahan pengawet	Makanan	5-7
12.	<i>Fertilizer (NPK)</i>	Mengkaji kandungan mineral	Pertanian	10
13.	<i>Waste Water</i>	Tahap pencemaran air	Perkilangan	5-7
14.	<i>Air Monitoring</i>	Menguji kehadiran bakteria dalam udara	Perkilangan	5-7
15.	<i>Surface Monitoring</i>	Menguji kehadiran bakteria	Perkilangan	5-7

Sumber: KBioCorp

**Jadual 14.8**  
**Sampel Tidak Mematuhi Masa Yang Telah Ditetapkan**

Tahun	Jumlah Sampel	Jumlah Sampel Melebihi Masa	Kelewatan (Hari)
2008	254	19	16 hingga 70
2009	256	38	20 hingga 46
2010	358	16	22 hingga 180
2011	446	34	18 hingga 25
<b>Jumlah</b>	<b>1,314</b>	<b>107</b>	

Sumber: KBioCorp

### c. Pengurusan Aset Operasi

#### i. Penggunaan Peralatan Makmal

Setiap aset operasi yang dimiliki hendaklah digunakan secara optimum bagi memastikan syarikat dapat menjana keuntungan yang baik. Penemuan Audit terhadap penggunaan peralatan makmal adalah seperti berikut:

- Sebanyak 12 buah mesin yang bernilai RM8.36 juta tidak digunakan bagi tempoh 2008 hingga 2011 kerana tiada permintaan daripada pelanggan dan mesin rosak. Daripada jumlah berkenaan, 5 buah mesin masih dalam keadaan baik dan 7 buah mesin mengalami kerosakan. Bagaimanapun, pengesahan terhadap tarikh kerosakan tidak dapat dilakukan berikutan tiada laporan kerosakan disediakan dan didokumenkan. KBioCorp memaklumkan syarikat memerlukan peruntukan berjumlah RM0.23 juta bagi membaiki kerosakan mesin dan menyenggara peralatan yang lain. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14.9** dan **Gambar 14.1** hingga **Gambar 14.3**.

**Jadual 14.9**  
**Peralatan Makmal Tidak Digunakan**

Bil.	Nama Mesin	Lokasi	Kos (RM Juta)	Keadaan Peralatan
1.	Z-Nose	Analytical Lab	0.18	Baik
2.	Pharmatest i) Semi Automated Dissolution Test Instrument ii) Tap Density Test iii) Tablet Disintegration Tester iv) Tablet Testing Instrument v) Auto-Friability Tester	Preparation Lab	1.71	Baik
3.	Polymearase Chain Reaction i) 7500 Real Time PCR System ii) UPS	Molecular Lab	2.20	Baik
4.	Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer (GCTOF-MS) i) GC Separation System ii) Time Of Flight Mass Spectrometer iii) Gc Injector iv) Auto Sampler v) Stabilizer vi) UPS vii) Edward Pump	Analytical Lab	1.04	Rosak

Bil.	Nama Mesin	Lokasi	Kos (RM Juta)	Keadaan Peralatan
5.	<i>Ultra Performance Liquid Chromatography Mass Spectrometer UPLC-TOFMs</i> i) TOFMS Spectrometer ii) Edward Pump 35 iii) Edward Pump 10 iv) Nitrogen Generator v) UPS	Analytical Lab	2.20	Rosak
6.	<i>Fourier Transform Infra Red (FTIR)</i> i) FTIR Spectrometer ii) FTIR Imaging System iii) FTIR Stage Controller	Analytical Lab	1.03	Baik
7.	<i>UV- vs Spectrometer</i>	Analytical Lab	TM	Baik
8.	<i>BOD Incubator</i>	Preparation Lab	TM	Rosak
9.	<i>Seven Multi pH Meter</i>	Preparation Lab	TM	Rosak
10.	<i>Revco Freezer</i>	Preparation Lab	TM	Rosak
11.	<i>Chiller Protech</i>	Preparation Lab	TM	Rosak
12.	<i>Chiller PQS 201</i>	Preparation Lab	TM	Rosak
<b>Jumlah</b>			<b>8.36</b>	

Sumber: KBioCorp

Petunjuk: TM - Tiada Maklumat

**Gambar 14.1**  
*Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer*



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Makmal KBioCorp

Tarikh: 1 Disember 2011

**Gambar 14.2**  
*Ultra Performance Liquid Chromatograph Time of Flight Spectrometer*



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Makmal KBioCorp

Tarikh: 1 Disember 2011



**Gambar 14.3  
FTIR Imaging System**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Makmal KBioCorp  
Tarikh: 1 Disember 2011

- Berdasarkan laporan penggunaan mesin yang telah dibuat oleh KBioCorp pada tahun 2011 didapati sebanyak 5 buah mesin mempunyai penggunaan yang kurang daripada 40%. Masalah ini adalah disebabkan kurang permintaan daripada pelanggan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14.10**.

**Jadual 14.10  
Mesin Mempunyai Kadar Penggunaan Bawah 40%**

Bil.	Nama Mesin	Peratus Penggunaan				Kos (RM Juta)	Keadaan Mesin
		2008	2009	2010	2011		
1.	High Performance Thin Layer Chromatography (HPTLC) i) TLC Autosampler ii) TLC Scanner iii) CAMAG ADC 2 iv) CAMAG Reprostar 3	20	20	20	20	0.87	Baik
2.	Leica Microscope Image Analyzer	35	35	30	40	0.13	Baik
3.	Incubator	35	35	30	40	0.014	Baik
4.	Colony Counter	35	35	30	40	TM	Baik
5.	BOD Incubator	35	35	30	40	TM	Baik
6.	Autocalve	35	35	30	40	TM	Baik
7.	Rotary Evaporator	50	20	10	0	TM	Baik
8.	Laboratory Centrifuge	50	20	10	10	0.20	Baik
9.	Shaker Incubator	50	20	10	10	0.18	Baik
10.	Differential Scanning Calorimetry i) DSC Q200 ii) DSC Refrigerated Cooling System	0	0	0	10	2.20	Baik
<b>Jumlah</b>						<b>3.59</b>	

Sumber: KBioCorp

Nota: TM - Tiada Maklumat

## ii. Kalibrasi Peralatan

Kalibrasi peralatan makmal adalah penting bagi memastikan setiap peralatan dapat memberikan keputusan yang tepat dan mengikut standard yang ditetapkan. Setiap peralatan makmal perlu dikalibrasi mengikut tempoh masa tertentu. Pihak

Audit mendapati sebanyak 19 peralatan tidak dikalibrasi mengikut masa yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana proses berkenaan memerlukan kos yang tinggi dan KBioCorp tidak mempunyai kepakaran untuk melakukannya sendiri. Sekiranya kalibrasi tidak dilakukan mengikut tempoh yang telah ditetapkan berkemungkinan keputusan ujian yang dijalankan adalah tidak tepat. Berdasarkan maklum balas KBioCorp bertarikh 14 Jun 2012, kos kalibrasi adalah tinggi. Oleh itu, syarikat telah menjalankan *internal calibration* menggunakan *Quality Control Standard* untuk menentukan kejituhan peralatan yang digunakan. Butiran terperinci mesin yang tidak dikalibrasi mengikut tempoh yang ditetapkan adalah seperti **Jadual 14.11**.

**Jadual 14.11**  
**Mesin Tidak Dikalibrasi Mengikut Jadual**

Bil.	Nama Mesin	Kekerapan Kalibrasi	Kali Terakhir Dikalibrasi
1.	<i>Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer (GCTOF-MS)</i>	Setiap Tahun	27 Sept. 2007
2.	<i>High Performance Liquid Chromatography Mass Spectrometer (HPLC-MS)</i>	Setiap Tahun	6 Dis. 2007
3.	<i>High Performance Liquid Chromatography (HPLC)</i>	Setiap Tahun	6 Dis. 2007
4.	<i>High Performance Thin Layer Chromatography (HPTLC)</i>	Setiap Tahun	30 Nov. 2007
5.	<i>Class II Biohazard Safety Cabinet</i>	Setiap 2 Tahun	1 Ogos 2007
6.	<i>Heraeus Incubator</i>	Setiap 2 Tahun	-
7.	<i>Autoclave</i>	Setiap 2 Tahun	-
8.	<i>Micro Pipette 1000uL</i>	Setiap 6 bulan	14 Mac 2011
9.	<i>Multipipette</i>	Setiap 6 bulan	14 Mac 2011
10.	<i>Micro Pipette 100uL</i>	Setiap 6 bulan	14 Mac 2011
11.	<i>Micro Pipette 100uL</i>	Setiap 6 bulan	14 Mac 2011
12.	<i>Micro Pipette 100uL</i>	Setiap 6 bulan	14 Mac 2011
13.	<i>Carbolite Furnace</i>	Setiap 3 Tahun	22 Ogos 2008
14.	<i>WTB Oven Binder</i>	Setiap Tahun	16 April 2010
15.	<i>GFAAS Autosampler</i>	Setiap 6 bulan	3 Jan. 2011
16.	<i>Ultra Performance Liquid Chromatography Time of Flight Spectrometer UPLC-TOFMs</i>	Setiap Tahun	29 Mei 2007
17.	<i>Polymearase Chain Reaction 1.7500 Real</i>	Setiap Tahun	27 Jun 2008
18.	<i>Shaker Incubator</i>	Setiap Tahun	15 Ogos 2007
19.	<i>Pharmatest</i>	Setiap Tahun	19 Julai 2007

Sumber: KBioCorp

#### 14.4.2.4. Pemprosesan Herba

Bagi tempoh 2009 hingga 2011, KBioCorp telah menerima sebanyak 444 sampel untuk diproses. Sampel yang diterima meningkat setiap tahun iaitu daripada 135 sampel pada 2009 kepada 172 sampel pada tahun 2011. Berdasarkan temu bual dengan pegawai KBioCorp, jumlah sampel yang diterima pada masa kini masih kurang berbanding dengan keupayaan sebenar. Selain itu, perbandingan di antara sasaran penerimaan sampel dengan pencapaian sebenar tidak dapat dilaksanakan kerana sasaran yang ditetapkan oleh KBioCorp hanyalah berdasarkan kepada jumlah pendapatan sahaja. Butiran terperinci prestasi aktiviti pemprosesan herba adalah seperti di **Jadual 14.12**.

**Jadual 14.12**  
**Prestasi Aktiviti Pemprosesan Herba**  
**Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Jenis Proses	Tahun		
	2009	2010	2011
Grinding	9	8	3
Extraction	38	44	53
Spray Dryer	88	85	116
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>137</b>	<b>172</b>

Sumber: KBioCorp

#### a. Prestasi Pemprosesan Herba

Bagi memenuhi kepuasan hati pelanggan pihak pengurusan KBioCorp telah menetapkan masa antara 5 hingga 10 hari bagi setiap sampel yang diterima untuk diproses. Pihak Audit telah menjalankan analisis pematuhan masa bagi menilai prestasi pemprosesan herba. Hasil analisis Audit mendapati bagi tempoh 2009 hingga 2011 sebanyak 76 sampel tidak mematuhi masa yang ditetapkan. Kelewatan berlaku adalah di antara 15 hingga 78 hari. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Jun 2012, KBioCorp memaklumkan antara sebab kelewatan adalah mesin rosak dan kuantiti sampel yang diterima adalah banyak.** Semua kelewatan telah dimaklumkan kepada pelanggan secara lisan. Sebagai langkah penambahbaikan satu borang rekod kelewatan pemprosesan akan dilaksanakan bagi tujuan makluman kepada pelanggan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14.13**.

**Jadual 14.13**  
**Sampel Tidak Mematuhi Masa Yang Telah Ditetapkan**

Tahun	Jumlah Sampel	Jumlah Sampel Melebihi Masa	Kelewatan (Hari)
2009	90	14	15 hingga 54
2010	104	25	15 hingga 78
2011	135	37	15 hingga 57
<b>Jumlah</b>	<b>329</b>	<b>76</b>	

Sumber: KBioCorp

Pada pendapat Audit, pembelian peralatan yang tidak digunakan merupakan suatu pembaziran. Sehubungan itu, KBioCorp perlu meningkatkan penggunaan peralatan makmal dan pemprosesan herba bagi memastikan syarikat mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat. Selain itu, KBioCorp perlu mendapatkan pengiktirafan SAMM bagi setiap ujian yang dijalankan untuk meningkatkan keyakinan pelanggan.

#### 14.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik dan berterusan amat penting kerana ia membantu mengukuhkan jenama syarikat, di samping meningkatkan budaya tanggungjawab korporat yang baik. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menetapkan prinsip dan amalan terbaik seperti penstrukturran, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah,

komunikasi antara syarikat dan pemegang saham, aspek pelaporan dalaman dan luaran serta aspek akauntabiliti syarikat. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut:

#### **14.4.3.1. Pembayaran Dividen**

Tujuan Kerajaan menubuhkan syarikat atau entiti perniagaan adalah untuk menjana pendapatan bagi digunakan dalam melaksanakan pembangunan atau program yang dirancang. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 telah menetapkan setiap syarikat Kerajaan hendaklah memberi pulangan berbentuk dividen sebanyak 10% daripada keuntungan tahunan kepada Kerajaan. Sekiranya syarikat tidak boleh membayar dividen sepertimana yang dikehendaki, permohonan pengecualian hendaklah diperolehi daripada Badan Induk. Semakan Audit mendapati KBioCorp tidak membuat pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri walaupun syarikat mencatatkan keuntungan pada tahun 2010.

#### **14.4.3.2. Pelaksanaan Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, mengesan kelemahan pengurusan dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan serta mengawasi semua fungsi audit dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati KBioCorp belum menubuhkan Jawatankuasa Audit serta tidak mempunyai Unit Audit Dalam. Fungsi Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam diserahkan kepada KTPC. Pengauditan dalaman telah dijalankan oleh Badan Induk KBioCorp iaitu PKNK pada tahun 2010. Antara penemuan Audit adalah berkaitan pengurusan panjar wang runcit, tuntutan perjalanan, pendahuluan syarikat, dan pengurusan fail. Pihak Audit mendapati perkara yang telah dibangkitkan telah diambil tindakan dan penambahbaikan.

#### **14.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam proses pemantauan terhadap pengurusan syarikat bagi mencapai objektif utamanya. Amalan terbaik tadbir urus korporat menggalakkan supaya Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan setiap suku tahun atau bersamaan 4 kali setahun. Ini adalah untuk memastikan perkembangan terkini urusan syarikat dapat dibincangkan dengan teratur dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil tepat pada masanya. Semakan Audit mendapati KBioCorp tidak mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2008. Manakala Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan 2 kali pada tahun 2009 dan 2010. Impaknya, Lembaga Pengarah syarikat tidak dapat membuat penilaian terhadap operasi semasa syarikat.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat KBioCorp adalah memuaskan. Bagaimanapun, KBioCorp perlu meningkatkan prestasi untuk menjana lebih pendapatan supaya dapat memberikan pulangan kepada Kerajaan dalam bentuk dividen.

#### **14.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan aktiviti penganjuran latihan, perkhidmatan ujian analitikal makmal dan pemprosesan herba diuruskan dengan cekap dan teratur, KBioCorp disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 14.5.1.** Mewujudkan unit latihan secara tetap bagi memastikan pengurusan latihan lebih teratur dan pendapatan daripada latihan dapat ditingkatkan menerusi penganjuran latihan yang lebih kerap.
- 14.5.2.** Meningkatkan aktiviti promosi terhadap perkhidmatan yang ditawarkan supaya permintaan meningkat dan mesin digunakan sepenuhnya.
- 14.5.3.** Menguruskan aset dengan teratur bagi memastikan penggunaan peralatan makmal secara optimum dan dapat memberi pulangan kepada syarikat.



---

## BAHAGIAN III PERKARA AM



## **BAHAGIAN III**

### **PERKARA AM**

#### **15. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu, dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

**15.1.** Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

**15.2.** Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

**15.3.** Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.

**15.4.** Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007.

**15.5.** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2010.

**15.6.** Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kedah.

#### **16. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010**

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010, sejumlah 47 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 1 April 2012, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 25 syor bagi tahun 2010. Bagi 22 lagi syor, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai. Pihak berkenaan perlulah mengambil tindakan susulan secara serius bagi menyelesaikan perkara yang dilaporkan itu. Perkara yang belum selesai adalah seperti berikut:

## 16.1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

- Rancangan Tebatan Banjir

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Pengurusan Kolam Takungan Dan Kolam Perangkap Kelodak</b>  <b>Kolam Takungan Tebatan Banjir Tidak Disenggara</b> Kerja penyenggaraan bagi 5 kolam takungan tebatan banjir di kawasan UUM yang dipenuhi dengan mendapan tanah dan pasir.	Peruntukan diperolehi melalui UUM Sintok. Kontrak menaiktaraf 3 buah kolam di dalam Kampus UUM dan kerja menstabil tebing Sungai Sintok dan Sg.Badak sudah dimulakan pada 19 Mac 2012. Maklumbalas JPS kemajuan kini adalah 6% mengikut jadual.
	<b>Kolam Perangkap Kelodak Tidak Disenggara</b> Kerja penyenggaraan bagi 2 kolam perangkap kelodak di luar kawasan UUM tidak dilaksana menyebabkan kelodak mengalir terus ke Sungai Sintok dan sungai menjadi cetek serta tercemar.	Peruntukan diperolehi melalui UUM Sintok dan kerja-kerja dalam pembinaan. Hanya 1 kolam di Sg.Padang Pelanduk dalam peringkat pemulihan. Kemajuan sebenar adalah 68% berbanding jadual 100%. Lanjutan masa pertama adalah sehingga 16 Jun 2012.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 16.2. JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Pengeluaran Kawasan Hutan Simpan Kekal Tidak Diwartakan</b>  Seluas 999 hektar kawasan Hutan Paya Laut (HPL) iaitu 909 hektar dari Hutan Simpan Merbok dan 90 hektar dari Hutan Simpan Kisap telah dikeluarkan dari hutan simpanan kekal tidak diwartakan walaupun telah diluluskan oleh MMK.	Urusan mewarta keluar keluasan HPL seluas 999 hektar melibatkan penyediaan pelan warta bersama JUPEM sebelum pengistiharan dalam warta dibuat. Kelewatan mewartakan keluasan HPL disebabkan kelewatan penyediaan pelan warta. Bagaimanapun untuk pengurusan HPL (penentuan catuan usahasil dan aktiviti pemulihan HPL dan pembangunan) keluasan yang digunakan adalah tidak termasuk keluasan yang telah dikeluarkan.
2.	<b>Kawasan HSK Yang Dikeluarkan Masih Belum Diganti</b>  Seluas 999 hektar tanah HPL dikeluarkan sejak 1987 hingga 1991 masih belum diganti sebab keluasan hutan simpan adalah terhad.	Tindakan untuk menggantikan kawasan HPL yang telah diluluskan untuk pembangunan telah pun dibuat di mana beberapa kawasan telah dicadangkan untuk diwartakan sebagai HSK iaitu kawasan Kuala Muda (berdekatan dengan Jeti Semeling dan sekitar Pulau Tiga) seluas 80 hektar, memandangkan Tanah Kerajaan yang dicadangkan untuk menggantikan keluasan hutan simpan adalah terhad.
3.	<b>Pengukuran Dan Penandaan Sempadan</b>  Kerja pengukuran dan penandaan sempadan di HSK Merbok dan 11 kawasan HSK di Pulau Langkawi akan dilaksanakan secara berperingkat. Tiada tanda sempadan diletakkan bagi kawasan HSK yang bersempadan tanah bermilik dan kawasan penempatan di HSK Merbok dan HSK Pulau Dayang Bunting.	Pihak Jabatan telah melaksanakan kerja pengukuran sempadan HPL secara berperingkat mengikut peruntukan kewangan yang ada. Pada masa sekarang pengukuran dan penandaan sedang dibuat bagi HSK Merbok. Penandaan sempadan hutan simpan tersebut dibuat dengan meletakkan papan tanda hutan simpan di tempat strategik dan berisiko tinggi dari ancaman pencerobohan hutan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **16.3. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH**

#### **- Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</b>
1.	<b>Bayaran Pampasan - Caj Bayaran Lewat</b>  Pentadbir Tanah telah menjelaskan caj bayaran lewat sejumlah RM60,991.37 kepada pemilik tanah. Bagaimanapun, caj lewat bayar yang sepatutnya dibayar adalah berjumlah RM99,372.21. Terdapat perbezaan sejumlah RM38,450.84 di antara pengiraan bayaran yang dibuat oleh PTG dan Audit.	PTG telah mengeluarkan surat arahan kepada agensi pemohon pengambilan supaya membuat bayaran tambahan 8% seperitimana pengiraan pihak Audit.
	<b>Bayaran Pampasan Terlebih Bayar</b>  <b>Lot 7689 GM 3035 Bandar Alor Setar, Kedah</b>  Pentadbir Tanah telah memutuskan award pampasan di dalam Borang H berjumlah RM107,269.13 bertarikh 25 Februari 2007 diberikan kepada pemilik tanah. Pada 5 April 2007, bayaran kepada Amanah Raya Berhad Cawangan Alor Setar dan Mahkamah Tinggi Alor Setar telah dibuat dengan masing-masing berjumlah RM262,809.00 dan RM112,633.00. PTG telah mengemukakan permohonan pengeluaran wang pampasan yang disimpan di Mahkamah Tinggi Alor Setar bernilai RM112,633.00. Maka, jumlah pampasan yang terlebih bayar kepada waris pemilik tanah adalah RM155,539.87.	Waris pemilik tanah telah menjelaskan bayaran sebanyak RM20,000 pada 10.10.2011 sebagai sebahagian daripada penyelesaian bayaran yang terlebih dibayar. Para waris juga telah menawarkan 2 keping tanah milik mereka dengan nilai yang sama sebagai tukar ganti. Perkara ini masih lagi dalam perbincangan.
2.	<b>Hak Milik Yang Masih Belum Dilikeluarkan</b>  Hak milik belum dikeluarkan disebabkan Notis 5A belum dikeluarkan (5 kes), premium tanah berjumlah RM0.92 juta belum dibayar oleh pelanggan (5 kes) dan pengeluaran hak milik oleh Pejabat Tanah Daerah masih di dalam proses (18 kes).	Hak milik belum dikeluarkan disebabkan Notis 5A belum dikeluarkan (1 kes), premium tanah berjumlah RM0.92 juta belum dibayar oleh pelanggan (5 kes) dan pengeluaran hak milik oleh Pejabat Tanah Daerah masih di dalam proses (6 kes).
3.	<b>Tunggakan Premium Tanah</b>  Premium tanah berjumlah RM0.92 juta masih belum dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Majlis Amanah Rakyat bagi 5 tapak yang diluluskan pengambilan.	Empat tapak yang diluluskan pengambilan masih belum menjelaskan premium tanah berjumlah RM0.88 juta. PTG telah mengarahkan Pentadbir Daerah mengeluarkan surat peringatan kepada agensi-agensi berkenaan untuk menjelaskan bayaran premium yang tertunggak.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **16.4. PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI**

#### **- Pengurusan Pertukaran Syarat Tanah**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</b>
1.	Sebanyak 92 permohonan tukar syarat yang terdiri daripada 45 permohonan daripada pertanian kepada pertanian dan 47 permohonan daripada pertanian kepada	Proses bagi permohonan tersebut masih berterusan dari semasa ke semasa dan dijangka selesai pada akhir tahun ini.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	bangunan masih belum selesai sehingga akhir tahun 2010. Piagam Pelanggan perlulah disemak semula untuk disesuaikan dengan norma kerja semasa.	
2.	26 pemegang hak milik telah melanggar jenis kegunaan dan syarat nyata kegunaan tanah dan kadar cukai tanah tidak dikutip mengikut kegunaan sebenar tanah tersebut. Pejabat perlulah mengutip cukai tanah mengikut kegunaan sebenar sebagaimana diluluskan oleh MMK bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.	Notis Langgar Syarat telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah pada 2.6.2011 dan 23.11.2011 kepada 26 pemegang hak milik ini. Daripada jumlah ini, 7 pemilik sahaja yang memberi maklum balas terhadap notis tersebut.
3.	Lawatan Audit ke mukim Kelibang mendapati sebuah bangunan yang menempatkan pejabat serta makmal penyelidikan dan pembangunan herba seluas 9,200 meter persegi telah dijalankan di atas tanah Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Tindakan denda hendaklah diambil oleh Pentadbir Tanah ke atas pemilik kerana membina bangunan kekal di atas tanah kerajaan tanpa kelulusan.	Pihak yang terlibat telah memohon untuk menukar syarat tanah tersebut daripada pertanian ke tapak rekreasi dan kolam. Perkara ini dalam tindakan Penolong Pegawai Tanah untuk penyediaan Laporan Tanah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 16.5. PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADANG TERAP

### - Kutipan Hasil Tanah Berkomputer

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Sebanyak 2,559 hak milik yang didaftarkan di SPTB tidak direkodkan di SUKHAT melibatkan kadar cukai tahunan berjumlah RM0.11 juta manakala 15 hak milik yang direkodkan dalam SUKHAT tidak didaftarkan di SPTB.	11 hak milik yang direkodkan dalam SUKHAT masih belum didaftarkan di SPTB. Pejabat Tanah dalam proses merekodkan hak milik tersebut ke dalam SPTB.
2.	Semakan ke atas Laporan Akaun Belum Terima (ABT) mendapati tunggakan cukai tanah sehingga 31 Disember 2010 adalah RM4.29 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM0.40 juta sahaja yang dapat dikutip setakat akhir tahun 2010.	Sehingga kini jumlah tunggakan cukai tanah adalah RM4.31 juta dan sejumlah RM0.77 juta telah dapat dikutip.
3.	Pada tahun 2010, Pejabat telah mengeluarkan 10 Notis 6A dan 4 pemilik telah dikenakan tindakan manakala 6 pemilik lain belum diambil tindakan.	Daripada 6 pemilik, 2 pemilik telah selesai membuat bayaran, 1 pemilik telah dirampas hak milik manakala 3 lagi pemilik akan dikeluarkan Notis 8A.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 16.6. MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

### - Pengurusan Tempat Meletak Kenderaan

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Perjanjian penyewaan antara Majlis dan Starpark Urus Sdn. Bhd. (SUSB) tidak disediakan. Tunggakan sewa yang perlu dijelaskan oleh SUSB berjumlah RM704,533.	Majlis masih dalam proses mencari bukti untuk membuat penyelarasan ke atas tunggakan sewa SUSB.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 16.7. SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.

- Pengurusan Pengebilan Bekalan Air

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai															
1.	<p><b>Deposit Air Tidak Dituntut Dan Tidak Diwartakan</b>            Deposit melebihi tempoh setahun berjumlah RM0.84 juta bagi 328 akaun pengguna berstatus <i>disconnection on request</i> masih tidak dituntut.</p> <p><b>Deposit Yang Tidak Dituntut Melebihi Tempoh Setahun</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Daerah</th> <th>Bil. Akaun</th> <th>Jumlah (RM juta)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kota Setar</td> <td>156</td> <td>0.30</td> </tr> <tr> <td>Kulim</td> <td>98</td> <td>0.29</td> </tr> <tr> <td>Langkawi</td> <td>74</td> <td>0.25</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>328</b></td> <td><b>0.84</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Sumber: ACL Jabatan Audit Negara</p>	Daerah	Bil. Akaun	Jumlah (RM juta)	Kota Setar	156	0.30	Kulim	98	0.29	Langkawi	74	0.25	<b>Jumlah</b>	<b>328</b>	<b>0.84</b>	<p>SADA memaklumkan deposit air yang tidak dituntut adalah bagi tahun 2009 semasa pengurusan Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah dan sehubungan itu Deposit air yang tidak dituntut tersebut adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Kewangan Negeri Kedah.</p>
Daerah	Bil. Akaun	Jumlah (RM juta)															
Kota Setar	156	0.30															
Kulim	98	0.29															
Langkawi	74	0.25															
<b>Jumlah</b>	<b>328</b>	<b>0.84</b>															

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 16.8. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

- Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p><b>Rumah Perumahan Kulim Perdana Fasa II Mengalami Kerosakan</b>            Sebanyak 5 unit rumah teres dua tingkat telah mengalami keretakan yang teruk di beberapa bahagian utama rumah walaupun sudah beberapa kali dibaiki.</p>	<p>KTPC telah memanggil konsultan projek Kulim Perdana Fasa II pada 20.03.2012 bagi membincangkan rektifikasi yang perlu dibuat. Keputusan telah dibuat bagi membaikpulih kerosakan lot 189. Manakala lot 217, 218, 219 yang merupakan lot-lot sebaris memerlukan sedikit masa kerana lot 218 merupakan lot hakmilik sebuah syarikat di bawah status muflis. Pembelian balik lot 218 perlu mendapat kelulusan dari jabatan insolvensi. Selepas pengambilalihan, maka barulah kerja membaikpulih akan dijalankan. KTPC masih berurus dengan pihak Jabatan Insolvensi bagi mendapat harga kos bagi pembelian balik unit tersebut.</p>
2.	<p><b>Pendahuluan Dan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari</b>            KTPC telah memberi pendahuluan kepada syarikat subsidiari dengan baki terutang pada 31 Disember 2009 berjumlah RM44.66 juta. Tiada perjanjian dibuat dan tiada bayaran balik oleh subsidiari.</p>	<p>Kesemua anak syarikat KTPC yang diberi pendahuluan dan pinjaman telah diberi surat perjanjian untuk ditandatangani sebagai obligasi untuk membayar balik perjanjian yang diberikan oleh KTPC. Bagaimanapun, pembayaran balik dari anak syarikat tidak konsisten disebabkan keadaan kewangan anak-anak syarikat yang tidak mengizinkan.</p>
3.	<p><b>Pembayaran Dividen</b>            KTPC hanya membayar dividen berjumlah RM0.75 juta kepada PKNK dalam tahun kewangan 2009, manakala peruntukan dividen berjumlah RM2.16 juta yang masih tertunggak masih belum dijelaskan oleh KTPC.</p>	<p>Bayaran dividen telah dibayar oleh KTPC pada tahun berakhir 2011 sejumlah RM0.75 juta. Dividen ini adalah untuk tahun 2011. Bagaimanapun, dividen tertunggak masih belum lagi dilangsahkan.</p>

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	<b>Pinjaman Kerajaan Tidak Dijelaskan</b> KTPC belum menjelaskan baki pinjaman termasuk faedah adalah berjumlah RM112.60 juta kepada PKNK dan KHTPH walaupun tempoh pembayaran balik telah tamat.	KTPC telah mula membayar pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Pada Disember 2011, KTPC telah membayar sejumlah RM7.51 juta (termasuk faedah) kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 16.9. YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

- Yiked Bina Sdn. Bhd.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Papan Tanda Tidak Disediakan</b>  Menara telekomunikasi yang dimiliki oleh YBSB tidak mempunyai papan tanda amaran dan papan tanda maklumat. Ini menyukarkan maklumat disalurkan sekiranya berlaku kecemasan atau perkara yang tidak diingini.	Papan tanda masih belum disediakan.
2.	<b>Jawatankuasa Audit Dalam</b>  YBSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam dan Unit Audit Dalam. Selain itu, YBSB tidak pernah diaudit oleh syarikat induk.	Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman dijalankan oleh Yayasan Islam Negeri Kedah. Pengauditan dalaman telah dijalankan oleh pihak Yayasan Islam Negeri Kedah pada 10 Julai 2011.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 16.10. PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

- Amanah Saham Kedah Berhad

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) Tidak Disediakan</b>  Sebagai sebuah syarikat yang bergantung kepada pasaran turun naik saham, ASKB perlu menyediakan BCP yang didokumentasikan dengan lengkap seperti arahan ketika kecemasan, penurunan kuasa yang diberikan kepada kakitangan dan tempat operasi alternative sekiranya berlaku kecemasan. ASKB didapati tidak menyediakan BCP.	Pihak pengurusan ASKB memutuskan supaya BCP dikaji semula dan dibuat dengan lebih terperinci serta mengikut piawaian BCP seperti diamalkan oleh syarikat-syarikat dan badan berkanun lain di Malaysia.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**17. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009**

**17.1. MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**  
- Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Loji rawatan air larut resap tidak berfungsi untuk merawat air larut resap sejak tahun 2007. Lawatan Audit pada 4 November 2009 mendapati kolam takungan air telah dipenuhi air larut resap dan air hujan, manakala rumah pam yang dibina juga telah ditakungi air. Loji berkenaan tidak boleh digunakan kerana sistem yang dibangunkan bagi pengoperasian loji berkenaan tidak memenuhi standard A (pelepasan affluent standard A) seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.	Sistem yang dicadangkan oleh pihak perunding adalah gagal dan sehingga kini sistem tersebut tidak beroperasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**17.2. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**  
- Kedah Resort Sdn. Bhd.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Kedah Resort Sdn. Bhd. telah beroperasi mulai awal bulan Disember 2008 di bangunan tambahan SP Inn walaupun CFO belum diperoleh sehingga kini.	Sokongan daripada JKR belum diterima.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**17.3. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**  
- Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Projek Pembangunan Taman Tuanku Haminah, Sungai Petani</b>  Satu perjanjian di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Seri Temin Development Corporation Sdn.Bhd. (STDC) telah ditandatangani pada 4 Mei 2005 di mana STDC dikehendaki membayar RM12.19 juta jaminan keuntungan yang diterima daripada Panglima Maju Sdb.Bhd. (PMSB) kepada PKNK secara berjadual berjumlah RM2.44 juta setahun mulai tahun 2008 hingga 2012. Namun begitu, sehingga 31 Mac 2010 STDC hanya membayar sejumlah RM0.10 juta kepada PKNK walaupun telah menerima pembayaran jaminan keuntungan berjumlah RM6.78 juta daripada PMSB.	Pihak syarikat akan membuat penjadualan semua ( <i>reschedule</i> ) pembayaran kepada PKNK. Ini akan dibuat selepas perbincangan diadakan bersama syarikat usahasama projek (PMSB) dan setelah syarikat menerima jaminan bayaran seterusnya dari PMSB.

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	<b>Projek Pembangunan Laka Temin, Kubang Pasu</b>  Perjanjian telah ditandatangani antara STDC dengan Jesin Development Sdn. Bhd. (JDSB) pada 30 April 2003 untuk pembinaan taman perumahan dan rumah kedai. Melalui perjanjian ini, STDC bersetuju menyerahkan tanah miliknya kepada JDSB dengan bayaran RM5.86 juta atau 25% daripada hasil jualan bersih. Bayaran atau keuntungan tersebut akan dibayar secara berjadual berjumlah RM1.17 juta setahun selama lima tahun. Namun begitu, sehingga akhir tahun 2009, STDC masih belum menerima sebarang bayaran daripada JDSB.	Syarikat telah menerima bayaran sebanyak RM1.35 juta daripada JDSB pada tahun 2010.
3.	<b>Rancangan Korporat</b>  STDC tidak menyediakan rancangan korporat.	Rancangan Korporat sedang dalam proses didokumentasikan.
4.	<b>Mesyuarat Lembaga Pengarah</b>  Mesyuarat Lembaga Pengarah STDC hanya diadakan sebanyak dua kali setahun pada tahun 2007 dan 2008.	Pihak syarikat akan cuba adakan Mesyuarat Lembaga Pengarah tersebut sekurang-kurangnya empat kali setahun mulai tahun ini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 17.4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

- **KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd.**

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah</b>  Ahli Lembaga Pengarah KSDC telah membuat tuntutan perbelanjaan berdasarkan jumlah sebenar di bil. Kadar kemudahan dan keistimewaan yang boleh dituntut oleh Ahli Lembaga Pengarah tidak dinyatakan dengan jelas sama ada di dalam surat pelantikan atau polisi syarikat. Kemudahan dan keistimewaan yang dimaksudkan adalah seperti elaun perbelanjaan, elaun makan, elaun penginapan dan lain-lain.	Segala tuntutan perbelanjaan oleh pihak Pengarah adalah atas urusan rasmi syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat akan memanjangkan perkara ini di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KSDC yang akan datang.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 18. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

##### 18.1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (JHEAIK)

- **Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)**

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Guru KAFA tidak pernah dibayar imbuhan tahunan walaupun layak menerimanya. Oleh itu, guru KAFA seharusnya menerima imbuhan tersebut.	Pihak JHEAIK tidak ada kuasa untuk membayar imbuhan tersebut, oleh kerana peruntukan kewangan adalah di bawah bidang kuasa JAKIM

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Negeri (JPKPN) tidak berfungsi dengan sewajarnya. Seharusnya JPKPN bermesyuarat dalam tempoh yang ditetapkan dan menjalankan tanggungjawab yang telah ditetapkan.	Mesyuarat ini masih belum dapat dilaksanakan sehingga kini kerana kesibukan ahli mesyuarat dan pertukaran Pengarah yang baru walaupun demikian, mesyuarat akan diadakan dengan kadar segera.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 18.2. JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

### - Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Pewartaan Hutan Perlindungan</b>  Seluas 31,219 hektar (ha) atau 20% sahaja daripada keluasan kawasan hutan perlindungan diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air manakala baki hutan perlindungan seluas 126,563 hektar atau 80% belum lagi diwartakan mengikut kelas masing-masing.	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju mewartakan Hutan Perlindungan seluas 126,843 ha. Pada masa sekarang, Jabatan bersama JUPEM sedang dalam proses penyediaan pelan pewartaan kawasan tersebut.
2.	<b>Kelewatan Pewartaan Kawasan Cadangan Hutan Simpan Kekal (CHSK)</b>  Sembilan kawasan CHSK seluas 35,567 hektar tanah Kerajaan belum diwartakan sepenuhnya sebagai HSK.	Jabatan telah mengangkat kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk mewartakan seluas 8,191 ha CHSK Bukit Saiong dan seluas 10,226 ha CHSK Bukit Keramat pada 9 September 2007. Jabatan telah menerima pelan baharu kawasan yang dicadangkan daripada JUPEM dan dalam tindakan koordinasi dengan Pentadbir Tanah Daerah untuk tindakan pengesahan sebelum pewartaan.
3.	<b>Penggantian Kawasan Tadahan Yang Dikeluarkan Dari Hutan Simpan Kekal</b>  24 kawasan HSK seluas 4,479 hektar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan masih belum diwartakan keluar daripada HSK dan belum diganti balik sebagaimana yang ditetapkan oleh APN 1984.	Proses pewartaan keluar Hutan Simpanan Kekal adalah dijalankan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah sepetimana APN 1984. Proses tersebut dalam tindakan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah. Tindakan Jabatan mewartakan Tanah Kerajaan seluas 18,417 ha adalah antara usaha Jabatan untuk meningkatkan keluasan kawasan hutan simpan kekal bagi mengimbangi kawasan hutan yang telah diwartakan keluar sebelum ini.
4.	<b>Pemantauan Hutan Melalui Sistem Informasi JPNK (GIS)</b>  JPNK memiliki perkakasan komputer dan perisian GIS. Bagaimanapun, sistem ini tidak digunakan sepenuhnya kerana ketidakaan pegawai yang berkemahiran untuk mengendalikannya. Ini menjelaskan pencapaian objektif SMPN.	JPNK telah memohon jawatan baru iaitu Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat melalui penstrukturkan semula Jabatan untuk memperkemas dan meningkatkan penggunaan GIS dengan lebih efisen.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**18.3. PEJABAT KEWANGAN NEGERI KEDAH/PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH**

- Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri Kedah (SPEKS)

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Empat Modul SPEKS Belum Digunakan Sepenuhnya</b>  Sebanyak empat Modul SPEKS iaitu Modul Pinjaman, Pelaburan, Aset Dan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS) belum digunakan sepenuhnya.	Modul Pinjaman telah dilaksanakan oleh Unit Belanjawan dan Pinjaman.  Modul Pelaburan telah dilaksanakan. Bagaimanapun, data masih tidak tepat disebabkan kesilapan mengimput data pelaburan.
2.	<b>Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tidak Dijana Sepenuhnya Dari Modul SPEKS</b>  Penyata Pelaburan, Penyata Pinjaman dan Penyata Akaun Memorandum masih disediakan secara manual.	Terdapat perubahan kepada format Penyata Kewangan mulai tahun 2011. Laporan SPEKS tidak memenuhi format baru. Maklumat tambahan bagi menyokong Penyata Kewangan di jana dari Sistem SPEKS.
3.	<b>Pelan Pemulihan Bencana (DRP) Dan Pelan Kesinambungan Business (BCP)</b>  Kedua-dua pelan masih belum dilaksanakan.	Cadangan perlaksanaan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan bagi semua sistem Kerajaan Negeri Kedah telah diluluskan di bawah Program ICT SUK Kedah pada 12 Januari 2012.
4.	<b>Kata Laluan Pengguna SPEKS Tidak Di encrypt</b> Kata laluan pengguna di server SPEKS tidak di encrypt.	Kata laluan telah di encrypt. Patch no.999 telah dimuatnaik pada 11 Januari 2012.
5.	<b>Pengesahan ID Pengguna Dan Keselamatan Kata Laluan Pengguna</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada fungsi <i>log off</i> secara automatik sekiranya tidak digunakan bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan.</li> <li>• <i>Log in</i> menggunakan ID yang sama melalui komputer yang berbeza pada masa yang sama dibenarkan.</li> <li>• <i>Log in</i> menggunakan ID yang sama walaupun tidak berjaya di <i>log in</i> sebelumnya sebanyak 3 kali berturut-turut dibenarkan.</li> <li>• Tiada fungsi amaran kepada pengguna secara automatik di skrin komputer bagi kata laluan yang hampir tamat tempoh masa penggunaannya.</li> </ul>	Pengesahan ID pengguna dan Keselamatan Kata Laluan Pengguna di bawah tindakan JANM.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**19. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007**

**19.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH**

- Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Rumah Disewa Kepada Kolej Universiti Insaniah (KUIN)</b> Sebanyak 80 unit di Blok 1, PAKR Taman Seri Gemilang telah disewa kepada KUIN. Arahan	Satu blok (Blok I) masih disewa kepada KUIN. Sewa bagi bulan Januari hingga Jun 2008 telah dibayar pada 9 November 2008

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	mengosongkan rumah telah dikeluarkan bulan Januari 2008. KUIN hanya membayar sewa untuk 53 unit berjumlah RM47,700. Baki 27 unit rumah tidak dapat diagihkan kerana berada di dalam kawasan berpagar. Kadar sewa seunit ialah RM150.	berjumlah RM56,700 bagi 63 unit rumah dan sewa bagi bulan Julai hingga Disember 2008 telah dibayar pada 5 Februari 2009 berjumlah RM72,000 bagi 80 unit rumah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 19.2. MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR DAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

### - Pembinaan Dan Pengurusan Gerai

Bil.	Perkara Yang Dibangkitkan Dan Syor Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Sehingga 31 Disember 2007, kerja menaik taraf gerai dan kerja landskap di Mukim Ulu Melaka, Langkawi masih belum disiapkan sepenuhnya dan peratusan kerja adalah sebanyak 28%. Lanjutan masa pertama telah diberikan kapada kontraktor dan kerja perlu disiapkan pada 3 Mac 2008.	Peratusan siap kerja adalah 80% dan bayaran kemajuan yang telah dibayar adalah 50%. Kontraktor memerlukan baki bayaran 30% bagi menyiapkan kerja yang masih tertangguh. Bayaran muktamad sebanyak 20% hanya akan dibayar oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) setelah bangunan tersebut siap diserahkan kepada Majlis.  Pihak Majlis telah menghantar surat semakan dan penjelasan kali ke-3 termasuk tuntutan bayaran kontraktor iaitu Bayaran Kemajuan ke-5 dan ke-6 kepada pihak LADA pada 26 Mac 2012.
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar tidak menghantar bil bulanan kepada penyewa. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kekangan utama dalam proses menyerahkan bil kepada penyewa adalah kerana kekurangan kakitangan untuk menguruskan hal berkenaan mencetak, mengepos dan menyerahkan bil kepada penyewa.	Majlis masih belum mengambil tindakan untuk menyerahkan bil bulanan yang dicetak kepada penyewa sehingga kini.
3.	Amaun bil sewaan yang dicetak melalui Sistem Perakaunan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) berbanding Daftar Lejar Tunai yang di selenggara adalah berbeza. Perbezaan ini disebabkan oleh kelemahan sistem SPBT yang tidak dapat mengeluarkan maklumat jumlah tunggakan yang tepat. Bagaimanapun, Bahagian Pengurusan Perniagaan Majlis akan membuat semakan semula terhadap Daftar Lejar Tunai yang diselenggarakan bagi memastikan jumlah tunggakan sewa sebenar semasa penyewa datang membuat bayaran di pejabat Majlis.	Perbezaan jumlah tunggakan bil yang dicetak masih lagi wujud memandangkan Majlis kini masih lagi dalam proses percubaan menggunakan sistem e-PBT.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**20. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH TAHUN 2010**

Mengikut Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2010 hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 November 2011.

**21. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KEDAH**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kedah telah memeriksa Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2008 dan 2009. Jawatankuasa telah bersidang satu kali pada tahun 2011 dan dua kali sehingga bulan April 2012. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah mengenai isu Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 dan 2009. Jawatankuasa kini telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2008. Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009, Jawatankuasa baru selesai membincangkan 2 laporan sahaja. Jawatankuasa sepatutnya telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan akauntabiliti awam di mana Jawatankuasa perlu mengadakan mesyuarat bagi memastikan isu Laporan Ketua Audit Negara yang dibincangkan adalah isu terkini. Selain mengadakan mesyuarat, Jawatankuasa juga perlu membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri, memantau keberkesanan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, mengkaji kes lama yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

**JABATAN AUDIT NEGARA  
Putrajaya**

**25 Jun 2012**

